KERATAN AKHBAR PERDANA MENTERI
DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD

1 JANUARI - 7 SEPTEMBER 1992

ISIKANDUNGAN

	Tajuk	tarikh	Akhbar
1.	Masa untuk jayakan Bangsa Malaysia Baru	1 Jan. 1992	B.H.
2.	Kaedah bayaran gaji yang lebih sesuai akan dikaji	7 Jan. 1992	U.M.
3.	Integrasikan ekonomi semua kaum - PM	11 Jan. 1992	U.M.
4.	Kenalilah penyakit kita - Mahathir	11 Jan. 1992	U.M.
5.	Syarikat tempatan digesa memandang jauh dalam merancang strategi korporat	17 Jan. 1992	U.M.
6.	Kayu pengukur taraf hidup perlu diperluaskan - PM	23 Jan. 1992	U.M.
7.	Dolar A.S. tidak sesuai jadi ukuran	23 Jan. 1992	B.H.
8.	Kerajaan tdak akan ubah syarat-syarat pelaksanaan SSB - PM	24 Jan. 1992	U.M.
9.	Selesai isu Batu Putih melalui perundangan		B.H.
10.	PM : Singapura setuju bayar sebahagian kos projek jambatan kedua	27 Jan. 1992	U.M.

11.	ASEAN perlu bertindak balas : PM	28 Jan. 1992	B.H.
12.	Semua harus bayar pastikan laluan kapal selamat dan bebas	28 Jan. 1992	U.M.
13.	Bersedialah untuk hadapi orde baru yang tak menentu	28 Jan. 1992	U.M.
14.	' Perang Teluk ' tak akan berlaku di Asia Timur	28 Jan. 1992	U.M.
15.	EAEC : Mahathir minta Amerika faham	29 Jan. 1992	U.M.
16.	Menangani cabaran wawasan 2020	2 Feb. 1992	B.H.
17.	Tingkat kerjasama dengan institusi di seberang laut - PM	12 Mac 1992	U.M.
18.	Mahathir ajak umat Islam ubah sikap	5 Apr. 1992	M.M.
19.	Umur persaraan wajib kakitangan kerajaan dikekal 55 tahun	12 Apr. 1992	M.M.
20.	Perluas anggota ASEAN	20 Apr. 1992	B.H.
21.	Dr. M tingkatkan usaha majukan ekonomi vietnam	20 Apr. 1992	U.M.

22.	Mahathir rasmi pejabat Renong di Hanoi	21 Apr. 1992	B.H.
23.	Jangan cuba tipu Vietnam - Dr. Mahathir	24 Apr. 1992	U.M.
24.	Malaysia akan tubuh konsortium bina kilang di Vietnam	25 Apr. 1992	U.M.
25.	Buka zon proses ekspot : PM	25 Apr. 1992	B.H.
26.	Utara guna alam sekitar sekat kemajuan selatan - Dr. M	28 Apr. 1992	U.M.
27.	Barat patut hentikan sikap ' Talam Dua Muka '	28 Apr. 1992	B.H.
28.	PM lancar program hijaukan dunia		B.H.
29.	Dr. Mahathir mahu belia siap sedia	6 Mei 1992	B.H.
30.	PM : kebebasan alat menuju kebahagiaan	6 Mei 1992	U.M.
31.	Hudud : keadilan atau sekadar satu pelarian	8 Mei 1992	B.H.
32..	PM seru semua pihak patuhi undang-undang	7 Jun 1992	M.M.

33.	Hapus kuasa VETO : Dr. M	13 Jun 1992	B.H.
34.	Mahathir mahu semua pihak bekerjasama	15 Jun 1992	B.H.
35.	PM : wawasan 2020 bergantung kepada kualiti berkeluarga	2 Jul. 1992	U.M.
36.	Pengajaran sains perlu diubah : PM	4 Jul. 1992	B.H.
37.	Jangan tolak dunia : Mahathir	4 Jul. 1992	B.H.
38.	Umat Islam mesti tebus semula maruah diri	4 Jul. 1992	B.H.
39.	Islam pentingkan dunia dan akhirat		B.H.
40.	Salahkan diri sendiri	29 Jul. 1992	B.H.
41.	Dr.Mahathir Mohamad menulis	1 Ogos 1992	B.H.
42.	Bahaya teladani sikap eksekutif barat	1 Ogos 1992	U.M.
43.	Kekalkan keaslian alam sekitar	2 Ogos 1992	B.H
44.	Pelancongan diurus tak jejas alam sekitar - PM	2 Ogos 1992	M.M.
45.	NAM masih penting : Mahathir	4 Ogos 1992	B.H.
46.	Ubah sistem tani : PM	7 Ogos 1992	B.H.

47.	ASEAN 25 tahun lebih matang	9 Ogos 1992	M.M.
48.	Malaysia mahu kejar kemajuan	15 Ogos 1992	B.H.
49.	Mesej Perdana Menteri	15 Ogos 1992	B.H.
50.	Jangan salah anggap : Mahathir	19 Ogos 1992	B.H.
51.	Masyarakat Cina diminta terima usaha kerajaan	19 Ogos 1992	B.H.
52.	Kurangkan kerenah birokrasi untuk tarik pelaburan	23 Ogos 1992	M.M.
53.	Wujudkan segera sistem pengawalan Selat Melaka - Dr. M	25 Ogos 1992	M.M.
54.	Promosi pelancongan penting : PM	25 Ogos 1992	B.H.
55.	PM seru suami isteri duduk sama ibu bapa	26 Ogos 1992	U.M.
56.	Salurkan faedah kenaikan nilai kepada pengguna	27 Ogos 1992	U.M.
57.	Negara perlu tumpu tingkatkan kemahiran teknologi - Dr. M	29 Ogos 1992	U.M.
58.	NAM perlu bersama pertahan kebebasan	2 Sept.1992	B.H.
59.	Dr. M : Malaysia sedia lindungi Islam Bosnia	7 Sept.1992	U.M.
60.	Mahathir puas hati pendirian, ketetapan sidang	7 Sept.1992	B.H.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 01 JAN 1992

MASA UNTUK JAYAKAN BANGSA MALAYSIA BARU.

SEDUTAN ucapan tahun baru Perdana Menteri, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi.

ASSALAMUALAIKUM Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera. Bersyukur kita kepada Allah Subhanu Wa Taala kerana sekali lagi kita dapat menyambut tahun baru dalam keadaan aman dan stabil. Tahun 1991 bagi Malaysia telah berakhir tanpa sebarang masalah atau tragedi yang besar.

Ketenteraman dan keselesaan yang kita nikmati sekarang adalah hasil daripada kestabilan politik dan sosial kerana rakyat di negara ini tidak bersikap pelampau dan pasukan-pasukan keselamatan dan keamanan pula menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.

Bukan mudah bagi satu-satu negara berbilang kaum hidup rukun damai serta saling hormat-menghormati. Tetapi kita sudah membuktikan kemampuan kita.

Sekarang dunia akui bahawa Malaysia lebih mampu dan lebih berjaya mencapai perhubungan baik di antara kaum daripada negara-negara berbilang kaum lain.

Salah satu sebab kejayaan kita ialah rakyat Malaysia menghargai keamanan dan kestabilan sebagai nikmat yang mesti dipelihara.

Dengan itu kita membendung perasaan perkauman dan kita pupuk sikap toleransi terhadap cara hidup masing-masing.

Hampir seluruh negara tidak ada percubaan untuk memaksa budaya sesuatu kaum ke atas kaum lain. Di negara ini dengan Islam menjadi agama rasmi, tidak adanya paksaan memanglah secocok dengan ajaran Islam.

Perlembagaan negara juga menjamin agama dan budaya lain yang boleh diamalkan tanpa gangguan.

Sepanjang tahun 1991, beberapa perkara penting diperkenalkan. Antaranya ialah Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Semua ini bertujuan menentukan satu sasaran atau target bagi semua rakyat.

Wawasan 2020 bertujuan membawa negara kepada tahap kemajuan yang setaraf dengan negara-negara maju. Ini tidak bermakna kita ingin kepada keadaan seperti keruntuhan moral dan keangkuhan kuasa yang melanda sesetengah negara maju.

Yang kita maksudkan ialah kebolehan, pengetahuan dan kecekapan serta taraf hidup yang sama atau lebih baik daripada negara maju.

Tujuan kita ialah kemajuan material yang diimbangi dengan pembangunan rohani serta pengekalan nilai-nilai murni kita. Ini akan membebaskan kita daripada pergantungan sepanjang masa kepada ilmu dan kebolehan serta kekayaan negara-negara maju.

Selagi kita jahil dalam bidang-bidang pengetahuan dan kecekapan yang terdapat di zaman ini, selama itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing.

Membentuk sesuatu matlamat atau wawasan adalah perkara yang amat mudah. Siapa sahaja boleh mencipta cita-cita besar. Tetapi di antara cita-cita atau wawasan dengan kemampuan mencapainya terdapat lurah yang amat dalam dan lebar serta rintangan yang amat besar.

Oleh itu, perkara yang harus dipersoalkan ialah apakah Malaysia dan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum mampu membangunkan negara secara terus-menerus selama 30 tahun untuk mencapai taraf negara maju wawasan kita?

Jawapannya boleh didapati daripada rekod kita setelah 34 tahun merdeka. Pada tahun 1957, penduduk Persekutuan Tanah Melayu seramai enam juta mempunyai pendapatan per kapita sebanyak M$775 ringgit.

Selama 34 tahun merdeka bilangan rakyat bertambah kepada 18 juta dan pendapatan per kapita meningkat kepada M$6,781 ringgit; kenaikan hampir sembilan kali ganda. Pertambahan penduduk boleh mengurangkan pendapatan per kapita. Tetapi kita berjaya meningkatkannya.

Jelas sekali dalam masa 34 tahun kita telah berjaya meningkatkan pendapatan per kapita, yang dianggap sebagai ukuran pembangunan, sebanyak hampir sembilan kali ganda.

Untuk Wawasan 2020, kita perlu tingkatkan pendapatan per kapita sebanyak lapan kali ganda dalam 30 tahun. Jika rekod kita menjadi pedoman, pencapaian matlamat kita bukanlah mustahil.

Tetapi ini tidak bermakna bahawa hanya dengan usaha-usaha biasa, kita boleh mencapai matlamat Wawasan 2020.

Banyak faktor lain yang akan menentukan prestasi kita termasuk pasaran dunia, politik dalam dan luar negara, kecanggihan ilmu, persaingan yang lebih hebat dalam pasaran antarabangsa dan sekatan oleh negara-negara maju. Pembangunan tidak berlaku dengan sendirinya. Dasar serta usaha yang gigih adalah diperlukan.

Justeru itu, kita harus sedar akan betapa pentingnya kita mengamalkan nilai-nilai dan cara-cara yang boleh menjayakan kita.

Berjaya atau tidaknya seseorang, atau satu kaum, atau satu bangsa bergantung kepada sifat-sifat yang ada pada individu, kaum ataupun bangsa itu.

Jika pihak-pihak ini tidak rajin, tidak jujur, tidak mempunyai pandangan yang jauh, tidak tertib dan tidak mempunyai etika yang mulia, mereka tetap akan gagal.

Sebab itu ada bangsa yang dahulunya mundur, kemudian menjadi maju dan sebaliknya ada bangsa yang dahulunya maju kemudian menjadi mundur.

Jika diteliti kita akan dapati maju-mundurnya sesuatu bangsa itu disebabkan oleh etika dan nilai-nilai yang diamalkan oleh mereka. Apabila etika yang baik yang diamalkan semasa maju digugurkan, lambat-laun bangsa itu akan mundur.

Sebaliknya, apabila etika mulia diserapkan ke dalam budaya bangsa yang mundur, dalam jangka masa yang singkat bangsa itu akan maju. Demikian juga dengan kaum atau individu.

Oleh itu, Malaysia yang ditakrif negara membangun mampu mencapai taraf negara maju jika kita sanggup mengamalkan etika kerja dan sifat-sifat yang mulia.

Sementara etika kerja boleh menjayakan sesuatu bangsa dalam pekerjaan; keselamatan dan kestabilan negara juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Sesebuah negara atau masyarakat hanya akan selamat dan stabil jika rakyatnya mempunyai sifat-sifat kesederhanaan.

Kita harus ingat bahawa dalam mana-mana masyarakat pun tidak ada sesiapa yang akan mendapat semua kehendak hatinya. Dalam masyarakat yang terdiri daripada hanya satu bangsa pun, tidak terdapat persetujuan seratus peratus mengenai apa jua perkara.

Sudah tentu ada pihak yang tidak puas hati dengan tuntutan pihak lain. Dengan itu perselisihan faham akan berlaku. Apatah lagi dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

Jika ada sikap yang rasional serta perasaan bertanggungjawab dan bertimbang rasa, maka perbezaan pendapat tidak akan membawa rusuhan. Sebaliknya akan wujud kesanggupan untuk bertolak-ansur. Ini membolehkan ketenteraman wujud dalam negara.

Sifat-sifat ini ada di kalangan rakyat Malaysia dan ianya perlu ditingkatkan supaya keamanan dan kestabilan yang begitu penting untuk pembangunan negara akan berterusan.

Dengan ini juga, kita dapat mengelakkan daripada berlakunya rusuhan. Ini adalah lebih baik daripada terpaksa mengawal rusuhan setelah ianya berlaku.

Tiga puluh tahun bukanlah satu jangka masa yang panjang. Tetapi ramai daripada kita yang tidak akan ada pada tahun 2020. Dengan itu apa yang dirancangkan ialah untuk generasi muda.

Tetapi ini tidak bermakna mereka yang tidak mungkin menikmati kemajuan pada tahun 2020 tidak perlu bekerja keras untuk matlamat ini. Satu daripada sifat yang mulia ialah tidak mementingkan diri sendiri tetapi sebaliknya mengutamakan masa hadapan bangsa dan negara. Namun, sepanjang proses kemajuan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, banyak nik-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

...N DARI AKHBAR .....BERTARIKH ..... 0 1 JAN 1992

Bagi generasi muda, mereka akan menikmati sepnuhnya kemajuan yang dirancangkan, Insya-Allah. Tetapi mereka hendaklah ingat bahawa mereka mesti bersedia untuk terus memajukan negara setelah matlamat 2020 dicapai.

Untuk ini, segala sifat yang mulia perlu dipupuk sehingga menjadi sedarah-sedaging dengan mereka. Insya-Allah jika sifat-sifat yang mulia tertanam secara mendalam dalam hati sanubari mereka, kemajuan yang dicapai akan berkekalan.

Kerajaan akan memainkan peranannya dengan bersungguh-sungguh dalam usaha memajukan negara. Tanggungjawab Kerajaan memang banyak terutamanya perkara-perkara yang kerajaan sahaja boleh melaksanakan. Sudah tentu dalam proses demokrasi jika Kerajaan bertukar-tukar, pencapaian Wawasan 2020 tidak dapat dijamin.

Kerajaan yang ada sekarang sedia menerima teguran dan sanggup bertindak mengikut pendapat yang bernas dalam usahanya untuk menjayakan Wawasan 2020.

Sebenarnya, apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah hasil kesanggupan Kerajaan membentuk pendekatan, berdasarkan cadangan baru dari dalam dan luar kerajaan. Adalah jelas bahawa sikap terbuka Kerajaan membawa manfaat kerana umum mengakui bahawa Malaysia membangun dengan lebih pesat daripada kebanyakan negara lain.

Sikap terbuka Kerajaan akan diteruskan tetapi kerajaan juga tidak akan lupa akan tanggungjawabnya terutamanya mengenai keselamatan dan kestabilan negara.

Orang asing tidak berhak menentukan apa yang baik untuk negara ini. Hanya warganegara Malaysia sahaja yang berhak dan mereka boleh menyuarakan pendirian mereka dengan cara yang tertib khususnya melalui proses pilihanraya yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Semua yang kita rancang dan kita usahakan adalah ikhtiar. Manusia yang dikurniakan dengan akal fikiran dan tenaga tidak harus menunggu segala-galanya datang bergolek kepada mereka.

Manusia perlu berfikir dan berusaha sebagai penghargaan kepada segala kurniaan Tuhan. Hanya setelah segala ikhtiar dibuat baharulah kita boleh berkata bahawa sesuatu itu telah ditakdirkan. Inilah yang dibuat oleh kerajaan. Percubaan untuk mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya Wawasan itu tertumpu hanya kepada kebendaan, adalah satu usaha mengekalkan orang Islam dalam keadaan mundur dan daif seperti yang dikehendaki oleh musuh Islam.

Tidaklah keterlaluan jika kita berkata bahawa mereka ini, secara sedar atau tidak sedar, bersubahat dengan musuh-musuh Islam. Dakyah mereka ini menjadi lebih buruk apabila mereka sendiri mendapat nikmat daripada pembangunan yang mereka kecam.

Sebenarnya Wawasan 2020 bertujuan mengimbangkan pembangunan material dengan pembangunan rohaniah seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.

Jika pada tahun 2020, kebolehan dan taraf hidup orang Islam di Malaysia masih di tahap sekarang, kita khuatir iman mereka akan tergugat. Harus diingat bahawa kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran.

Pada 1 Januari 1992, semua rakyat Malaysia haruslah membuat resolusi untuk menjayakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka supaya prestasi tahun kedua dalam usaha kita ke arah Wawasan 2020 terus meningkat. Marilah kita, semua rakyat Malaysia daripada semua kaum, berganding-bahu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk Bangsa Malaysia dan Negara Malaysia.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia, dan saya berdoa semoga tahun 1992 akan membawa kita semua kepada kehidupan yang lebih bahagia dan kepada tahap pencapaian pembangunan yang diperlukan untuk menjayakan Wawasan 2020.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 07 JAN 1992

Elak peningkatan kadar inflasi — PM

Kaedah bayaran gaji yang lebih sesuai akan dikaji

KUALA LUMPUR 6 Jan. — Kerajaan akan mengkaji kaedah pembayaran gaji yang lebih sesuai dengan kehendak negara serta dapat mengelakkan peningkatan kadar inflasi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya, kaedah yang diamalkan sekarang banyak mempengaruhi kadar inflasi dan kejatuhan paras ekonomi negara yang akhirnya membebankan pekerja.

Beliau berkata, masalah tersebut bertambah apabila berlaku kenaikan gaji kerana kenaikan gaji akan diikuti oleh bayaran perkhidmatan yang lebih tinggi oleh pihak-pihak lain yang turut mahu menikmati keuntungan.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan projek 'Penilaian dan Analisis Pengurusan Berisiko' anjuran Kelab Harvard Malaysia di Bank Negara di sini hari ini, beliau berkata, antara panduan yang mungkin diambil pertimbangan ialah cara pembayaran gaji di Jepun.

Di Jepun, jelasnya, gaji asas adalah kecil tetapi para pekerja menikmati bayaran bonus yang lumayan.

"Salah satu kejayaan Jepun meningkatkan pertumbuhan industrinya ialah melalui cara pembayaran gaji kerana cara tersebut yang banyak bergantung kepada keuntungan syarikat untuk mendapatkan bonus menyebabkan para pekerja dan eksekutifnya setia kepada syarikat," ujar beliau.

Malah, katanya, syarikat-syarikat di Jepun kebanyakannya melaburkan semula keuntungan ke dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta kemudahan baru.

"Dengan pelaburan yang banyak ke dalam penyelidikan dan pembangunan, aset sesebuah syarikat itu juga tumbuh dengan pesat," jelasnya.

Bagaimanapun, kata beliau, pemegang-pemegang saham syarikat yang tidak mendapat keuntungan dari segi dividen, masih mendapat keuntungan dari segi aset syarikat.

Sementara itu dalam ucapan perasmiannya, Perdana Menteri berkata, sistem gaji sekarang yang memberi ganjaran lumayan memang dianggap baik oleh semua pihak tetapi dalam jangka panjang ia merugikan.

"Kita boleh mendapat gaji yang mencapai berjuta-juta ringgit tetapi ia tetap tidak bernilai jika ia tidak jauh bezanya dengan nilai yang kita dapat semasa memperolehi gaji sebanyak $100 sebulan," katanya.

Beliau meminta para majikan sentiasa mengamalkan sifat-sifat yang diharap-harapkan oleh kerajaan, termasuk melatih dan meningkatkan kebolehan para pekerja.

Menurutnya, antara perkara yang patut diberi perhatian ialah menjaga kebajikan pekerja, mengurus mereka dengan baik, melengkapkan mereka dengan perubahan-perubahan yang berlaku serta memberi ganjaran yang baik ke atas sumbangan yang telah mereka diberikan.

Bercakap tentang ekonomi negara, beliau menegaskan, ekonomi Malaysia telah meningkat begitu mendadak sekali sejak tahun 1987, malah tahun 1990 menampakkan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang paling tinggi di dunia iaitu sebanyak 9.8 peratus.

Katanya, kejayaan pada tahun 1990 bukan saja merupakan yang tertinggi sejak tahun 1976, malah mengatasi prestasi ekonomi empat negara gergasi di Asia dan negara-negara ASEAN lain.

Menurutnya, tanda-tanda menunjukkan aktiviti ekonomi dalam negara juga terus kukuh pada tahun 1991.

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 1991 dijangka melebihi 8.5 peratus dan dijangka mencapai pada kadar melebihi 8 peratus pada tahun 1992," jelasnya.

Berhubung soal kebolehan menyimpan wang atau menabung, Perdana Menteri berkata, kejatuhan simpanan negara adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian serius.

Jika simpanan negara melebihi paras 30 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tempoh dua dekad yang lalu, katanya, paras itu merosot di bawah 30 peratus pada tahun 1990.

"Pada tahun 1991, paras itu merosot kepada kira-kira 20 peratus daripada KNK," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan tidak menyekat kebolehan rakyat untuk berbelanja tetapi adalah baik jika rakyat terus menabung demi kepentingan ekonomi.

Mengenai industri bank, beliau meminta pihak bank supaya mengamalkan sistem bank yang bercorak inovatif bagi membantu para pengusaha tempatan.

Menurutnya, langkah tersebut boleh dilakukan tanpa mengorbankan tradisi bank selama ini.

"Pada masa yang sama, pihak bank juga patut mengekalkan sifat-sifat amanah dan integritinya dalam segala aspek," tambah beliau.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid selaku Presiden Kelab Harvard Malaysia.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 11 JAN 1992

INTEGRASIKAN EKONOMI SEMUA KAUM - PM.

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera diintegrasikan sebagai jalan keluar daripada masalah-masalah yang selama ini menimbulkan rasa iri hati dan tidak puas hati di kalangan orang-orang Melayu dan Cina.

Beliau juga mahu bumiputera mengakui kelemahan mereka dan mengambil langkah memperbetulkan segala kepincangan yang menjadi faktor kegagalan mereka selama ini.

Perdana Menteri mengingatkan, bukan bumiputera pula perlu turut serta dalam integrasi ekonomi ini jika mereka tidak mahu selama-lamanya dibebankan dengan 'Dasar Ekonomi Baru' (DEB) yang sering menjadi rungutan itu.

Beliau melahirkan harapan ini dalam satu ucapan yang terus terang semasa merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3 yang buat pertama kali disertai sama oleh bukan bumiputera. Kongres ini dianjurkan bersama oleh kerajaan dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia. Ia akan berlangsung secara tertutup selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). **(Ucapan penuh Perdana Menteri di Muka 6, 7 dan 23)**

Kerjasama

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, integrasi ekonomi ini serta kerjasama kedua-dua belah pihak bukan sahaja baik untuk Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang menggantikan DEB tetapi juga untuk politik dan masa depan negara.

"Hakikatnya ialah kita tidak boleh mengadakan dua ekonomi yang berasingan dalam negara kita.

"Ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera mestilah diintegrasikan untuk mengelak perasaan iri hati bagi mana-mana pihak," katanya.

Sehubungan itu, ujar Perdana Menteri, bumiputera dan bukan bumiputera perlu belajar bekerjasama dan bersikap lebih toleran

KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA KE-3

bagi menghasilkan perkongsian yang lebih bermakna.

Dalam hubungan ini soal kelemahan bumiputera dalam perniagaan dan pendekatan bukan bumiputera juga perlu dibetulkan, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, satu daripada sebab kegagalan Dasar Ekonomi Baru(DEB) yang telah tamat tempoh akhir tahun 1990 lalu ialah pendekatan yang diambil oleh bukan bumiputera.

Menurutnya, mereka lebih suka rakan bumiputera mereka tidak menerima risiko perdagangan dan tidak aktif dalam pengurusan.

Dengan ini, katanya, peniaga bumiputera akan selama-lamanya jahil dan akan terus bergantung kepada bukan bumiputera.

"Mungkin dengan ini mereka (bukan bumiputera) akan beruntung tetapi dengan ini juga mereka akan dibebankan dengan DEB demi

LIHAT MUKA 2

11 JAN 1992

...GAN DARI AKHBAR ..UTUSAN MALAYSIA.....BERTARIKH .....

selama-lamanya," katanya.

itu, kata beliau, adalah lebih baik mereka tukan rakan bumiputera menyertai perniaga-ara bersungguh-sungguh dan mereka tidak rugi kerana risiko akan ditanggung secara na.

katanya, kerana bukan bumiputera boleh ainkan peranan penting bagi menjaya dan ggagalkan segala rancangan untuk mengim-ti ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera. alam hal ini, Dato' Sri Dr. Mahathir mengingat-bahawa analisis terhadap sebab berlaku rusuhan m pada 13 Mei 1969 yang menggugat rusuhan m ialah ketidakseimbangan ekonomi antara reka.

Dengan penyertaan bukan bumiputera dalam ngres kali ini seperti yang dicadangkan oleh rajaan, beliau berharap mereka akan lebih mema-ami hasrat kongres dan dengan itu mereka akan nemainkan peranan yang lebih positif.

Kata Perdana Menteri: "Mereka mempunyai pera-nan dalam kongres ini dan dalam pelaksanaan resolusi-resolusi tertentu kongres ini. Mungkin ini dianggap terlalu optimistik tetapi dalam apa juga rancangan atau pendekatan, kita perlu kepada 'optimism'.

"Tanpa harapan besar tidak mungkin beberapa rancangan kita mencapai kejayaan."

Dalam ucapannya selama satu jam yang disiarkan secara langsung oleh RTM, Perdana Menteri turut menarik perhatian terhadap kelemahan bumiputera yang masih bergantung kepada perlindungan politik, kurang yakin, ingin cepat kaya, kurang daya saing, kurang sabar dan suka menyalahkan kerajaan bila gagal.

Dalam penekanannya terhadap aspek-aspek terse-but, beliau mahu bumiputera bekerja keras 'meng-ubati penyakit-penyakit itu' jika ingin membangun-kan satu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) seperti yang disyorkan dalam DPN.

Menurut beliau, pencapaian 20 peratus milik bumiputera semasa tempoh pelaksanaan DEB walau-pun dianggap berjaya tetapi ia masih disangsikan.

"Oleh kerana pencapaian 20 peratus adalah hasil usaha dan iklim yang bukan semulajadi, maka kemampuan bumiputera bersaing dan mengekalkan hak dan bahagian mereka jika iklim biasa dikembalikan, adalah disangsi.

"Bahkan pada pandangan kerajaan hampir 20 peratus milik bumiputera ini akan hilang jika perlindungan yang ada sekarang dihapuskan," ujar-nya.

Besar kemungkinan kata Perdana Menteri, bumi-putera boleh mencapai 30 peratus seperti matlamat DEB tetapi 10 peratus yang diperolehi oleh bumipu-tera itu telah dijual balik kepada bukan bumiputera untuk mendapat keuntungan cepat.

Menurut beliau, 'penyakit' ini perlu diakui jika betul-betul ingin mengubatinya kerana perlindungan politik seperti yang terdapat sekarang bukanlah perkara yang kekal.

Memandangkan kepada keadaan dan aliran ini maka bumiputera perlu mampu bersaing dalam bidang perusahaan dan perniagaan tanpa apa-apa perlindungan dalam pasaran biasa, tegas beliau.

Langkah pertama untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan meningkatkan kemampuan bumiputera dalam ekonomi, kata beliau, ialah dengan mengenali dan mengakui kelemahan atau penyakit-penyakit yang menyerang mereka.

"Selagi mereka tidak sanggup mengenalpasti dan mengakui penyakit-penyakit ini selama itulah ubat yang tidak tepat akan digunakan atau bukan penyakit sebenar yang diubati tetapi symptomnya sahaja," ujar beliau.

Sebagai contoh, beliau berkata, kualiti dan daya saing bumiputera dalam sektor pembekalan dan kontrak kerajaan masih rendah iaitu antara 12 hingga 15 peratus daripada nilai keseluruhan kontrak kerajaan yang ditawarkan.

Ini juga secara jelas menafikan bahawa DEB menyekat peluang bukan bumiputera, katanya.

Selain itu, banyak projek yang diberikan oleh kerajaan kepada bumiputera terbengkalai, tidak dilaksanakan atau dijual terus kepada bukan bumi-putera.

Mengenai MPPB, Perdana Menteri memberi pe-ngakuan bahawa kerajaan akan menimbang dengan sewajarnya segala cadangan oleh bumiputera ke arah mewujudkan MPPB.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

11 JAN 1992

UTUSAN MALAYSIA

...ONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

KENALILAH PENYAKIT KITA -MAHATHIR.

TEKS ucapan penuh Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.

KONGRES yang ketiga ini amat penting kerana ia merupakan satu forum untuk melahirkan hasrat, pandangan, syor dan cadangan bagi meningkatkan penglibatan dan prestasi bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan mewujud serta membangunkan satu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) seperti yang disyorkan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Mewujudkan masyarakat bumiputera yang lebih aktif dalam perniagaan dan perindustrian menjadi lebih mendesak memandangkan negara kini mempunyai matlamat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Kita tidak mahu melihat bumiputera berada di peringkat kaum membangun yang mundur apabila negara meningkat menjadi negara maju. Kesedaran bahawa orang Melayu jauh ketinggalan telah lama dirasai. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, penyertaan dan penglibatan orang Melayu dalam aktiviti ekonomi boleh dikatakan tidak wujud sama sekali.

Ketika zaman penjajah, usaha pembangunan penjajah menitikberatkan eksploitasi sumber hasil negara bagi kepentingan mereka tanpa menghiraukan agihan kekayaan ekonomi negara secara adil kepada rakyat berbilang kaum. Penekanannya lebih tertumpu kepada pembangunan infrastruktur untuk memudahkan pengeluaran hasil industri milik penjajah. Bahawa dalam proses ini orang Melayu semakin ketinggalan dalam bidang perniagaan dan perusahaan tidak dianggap sebagai masalah kerajaan.

Apabila orang Melayu membantah penubuhan Malayan Union kerana akan melemahkan lagi kedudukan mereka, pihak penjajah cuba menyejukkan perasaan orang Melayu dengan menawarkan sebuah agensi pembangunan desa, iaitu Rural and Industrial Development Authority atau RIDA pihak penjajah menganggap lima juta ringgit untuk RIDA memadai bagi mengatasi masalah ekonomi orang Melayu.

Sekarang kita telah merdeka 34 tahun dan kita telah membentuk berbagai - bagai dasar, mengadakan peruntukan ribuan juta ringgit, menubuhkan beberapa bank serta agensi - agensi khusus, dan mengadakan kongres - kongres ekonomi, konvensyen, woksyop dan lain - lain lagi. Namun masalah penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi masih belum selesai.

Betapa besarnya masalah ekonomi bumiputera ini dapat dilihat daripada peristiwa 13 Mei 1969. Walaupun peristiwa ini lebih merupakan peristiwa politik, sebenarnya ia menunjukkan kebimbangan orang Melayu khususnya terhadap kedudukan ekonomi mereka jika mereka kehilangan kuasa politik. Jika orang Melayu yakin kedudukan mereka begitu kukuh daripada segi ekonomi, mereka tidak akan mudah bertindak seperti pada 13 Mei, 1969. Oleh itu sebagai satu cara untuk menstabilkan politik di Malaysia, langkah - langkah telah diambil selepas 1969 untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi bumiputera dengan bukan bumiputera melalui Dasar Ekonomi Baru atau DEB.

Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa DEB berkesan dan berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi melalui pendekatan serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Walaupun matlamat 30 peratus bumiputera dalam bidang ekonomi tidak tercapai pencapaian 20 peratus adalah satu kejayaan yang besar.

Harus diingat bahawa 20 peratus merupakan peningkatan hampir 1,000 peratus daripada 2 peratus yang dimiliki oleh bumiputera sewaktu DEB dimulakan.

Pertumbuhan ekonomi negara pada masa yang sama adalah dalam lingkungan 7 peratus setahun atau hampir 300 peratus dalam jangkamasa 20 tahun. Jika dihalusi lagi 20 peratus bahagian bumiputera adalah daripada ekonomi yang telah tumbuh empat kali ganda, dan bukan 20 peratus daripada ekonomi tahun 1970.

Kita boleh berpuas hati dengan pencapaian yang tinggi ini tetapi pencapaian ini dibuat dalam konteks yang luar biasa, keadaan yang sengaja diadakan - adakan dan bukan dalam konteks ekonomi biasa.

Kebanyakan pencapaian ini adalah hasil peranan badan - badan amanah yang ditubuh oleh kerajaan sebagai kepentingan bumiputera yang bakinya adalah hasil peluang perniagaan dengan kerajaan yang diberi khusus kepada bumiputera. Sebagai contoh hampir semua kontrak binaan bagi bumiputera adalah projek kerajaan. Hampir tidak ada kontrak yang diperolehi oleh bumiputera dalam pasaran luar kerajaan. Hanya dalam bidang profesional sahaja terdapat kejayaan bumiputera dalam pasaran terbuka.

Oleh kerana pencapaian 20 peratus adalah hasil usaha dan iklim yang bukan semulajadi, maka kemampuan bumiputera bersaing dan mengekalkan hak dan bahagian mereka jika iklim biasa dikembalikan adalah disangsi. Bahkan pada pandangan kerajaan hampir semua 20 peratus milik bumiputera ini akan hilang jika perlindungan yang ada sekarang dihapuskan. Besar kemungkinan kita telah mencapai 30 peratus seperti matlamat DEB tetapi 10 peratus daripada yang diperolehi oleh bumiputera itu telah dijual balik kepada bukan bumiputera untuk mendapat keuntungan cepat.

Penyakit ini perlu diakui jika kita betul - betul ingin mengubatinya. Perlindungan politik seperti yang terdapat sekarang bukanlah perkara yang kekal. Hari ini sudah ada orang

Penyakit utama usahawan bumiputera ialah kurang keyakinan bahawa mereka boleh berjaya tanpa keistimewaan-keistimewaan tertentu.Kegagalan dan kelemahan mereka adalah disebabkan sikap dan pendekatan mereka sendiri

Melayu yang sanggup mengenepikan kepentingan orang Melayu kerana ingin tempat tertentu bagi diri sendiri. Dan orang Melayu pun bukan bersatu hati tetapi semakin berpecah dan lebih asyik bersengketa sesama sendiri.

Dalam pada itu ada pula jenis orang Melayu yang memandang ringan apa yang ditafsir sebagai kejayaan di dunia dan sanggup melemahkan diri sendiri dan orang Melayu demi kepentingan kononnya perjuangan keislaman mereka.

Memandangkan kepada keadaan dan aliran ini maka bumiputera perlu mampu bersaing dalam bidang perusahaan dan perniagaan tanpa apa - apa perlindungan dalam pasaran biasa. Langkah pertama untuk meningkatkan kemampuan bumiputera dalam bidang ekonomi ialah dengan mengenali dan mengakui akan adanya kelemahan atau penyakit - penyakit yang menyerang mereka. Selagi mereka tidak sanggup mengenalpasti dan mengakui penyakit - penyakit ini selama itulah ubat yang

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA 11 JAN 1992
...OTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

tidak tepat akan digunakan atau bukan penyakit sebenar yang diubati tetapi symptomnya sahaja.

Apakah dianya penyakit yang perlu diubati? Penyakit utama ialah kurang keyakinan bahawa bumiputera boleh berjaya tanpa keistimewaan - keistimewaan tertentu. Tuhan tidak menjadi bumiputera kurang sempurna daripada manusia lain. Mereka sempurna dan berwibawa. Kelemahan dan kegagalan mereka adalah disebabkan sikap dan pendekatan mereka sendiri. Inilah penyakit yang memerlukan pengakuan oleh mereka.

Memang pahit untuk mengakui hakikat ini. Jika mereka cuba menipu diri seperti orang yang mengidap penyakit jantung meyakinkan diri bahawa ia "terkena" atau "dibuat" orang dan dengan itu perlu diubati oleh bomoh dengan jampi maka keadaannya tidak akan dapat dipulihkan. Sebaliknya dengan menerima bahawa penyakitnya serius dan memerlukan pembedahan yang besar, maka kemungkinan ia dipulih adalah lebih baik.

Demikian juga dengan penyakit yang menyerang bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Mereka boleh memulihkan diri jika mereka mengakui bahawa mereka kurang yakin kepada diri sendiri. Jika masalah kurang percaya kepada kebolehan diri ini dapat diatasi, maka sebahagian besar daripada halangan terhadap kejayaan bumiputera akan dapat dihapuskan.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dan teraju pemerintahan dipegang sendiri oleh rakyat, dan orang Melayu dan bumiputera memegang tampuk yang besar, keinginan untuk sama - sama menikmati hasil pembangunan negara seperti kaum lain telah meningkat. Berikutan daripada keinginan ini, Kongres Ekonomi Bumiputera Yang Pertama telah diadakan pada tahun 1965 dan Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua diadakan pada tahun 1968 bagi membincang dan merenung hakikat sebenar kedudukan bumiputera daripada segi ekonomi.

Hasil daripada kongres pertama, MARA telah muncul menggantikan RIDA sebagai agensi untuk menggerakkan masyarakat Melayu dan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Di samping itu, penubuhan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dan beberapa perbadanan dan syarikat - syarikat lain juga jelas membuktikan betapa kerajaan sanggup menerima dan melaksanakan keputusan kongres bagi membela nasib bumiputera.

Kedudukan dan pencapaian ekonomi bumiputera sekali lagi mendapat perhatian serius selepas peristiwa 13 Mei 1969. Analisis terhadap sebab-sebab tercetusnya rusuhan kaum menunjukkan bahawa salah satu faktor asas yang menggugat keharmonian kaum di negara ini ialah soal ketidakseimbangan kaum di negara ini ialah soal ketidakseimbangan ekonomi antara mereka. Hasil perundingan yang mendalam di kalangan bumiputera sendiri dan juga di kalangan bukan bumiputera, ialah lahirnya Dasar Ekonomi Baru.

DEB digubal bertujuan memperbaiki ketidakseimbangan antara kaum terutamanya daripada segi agihan kekayaan negara dan membasmi kemiskinan. Ia merupakan satu *social engineering exercise* yang berani bagi mana-mana masyarakat.

Pertumbuhan ekonomi dalam era DEB telah dapat meningkatkan penyertaan Melayu dan bumiputera dalam ekonomi negara keseluruhannya. Agihan kekayaan berasas "kek ekonomi" yang membesar tidak menjejaskan jumlah mutlak kekayaan kaum-kaum lain dan juga penguasaan saham oleh orang asing di negara ini. Dalam erti kata lain, Malaysia telah menghadapi masalah perbezaan ekonomi antara kaum dengan menggubal dasar dan program yang radikal tetapi adil. Rampasan harta seperti di sesetengah negara tidak dilakukan di bawah DEB.

Pelaksanaan DEB telah banyak membawa kemakmuran kepada bumiputera dan juga kaum-kaum lain di negara ini. Usaha membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum di bawah DEB telah menghasilkan kejayaan yang besar. Kadar kemiskinan negara telah dapat dikurangkan dengan banyaknya dan pada masa ini terdapat hanya kira-kira seratus enam puluh sembilan ribu isirumah yang masih dikategorikan sebagai miskin. Daripada jumlah ini pula, hanya kira-kira seratus empat puluh tiga ribu isirumah sahaja yang dianggap benar - benar miskin atau dikategorikan sebagai keluarga termiskin.

Malangnya apabila para pengkritik membincangkan DEB, mereka menumpukan hanya kepada agihan saham syarikat besar. Peluang pelajaran, subsidi berbagai-bagai jenis, tabung pinjaman, biasiswa dan galakan kepada industri untuk mengatasi pengangguran, pertambahan berbagai-bagai jenis perniagaan kecil tidak disebut sama sekali.

Kita harus sedar bahawa penghapusan kemiskinan amat penting dalam proses pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat, lebih - lebih lagi untuk mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Hanya jika masyarakat dapat melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan barulah ia mampu menyusun langkah untuk mengambil peluang-pelung perniagaan dan perindustrian dengan lebih berkesan.

Sebaliknya usaha-usaha yang terlalu tertumpu kepada strategi menyusun semula dan menggalakkan pembangunan usahawan mungkin akan menyebabkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan masyarakat bumiputera sendiri menjadi lebih besar. Oleh kerana itulah kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar di mana terdapat ramai yang miskin. Tidak ada negara lain di dunia yang membuat peratusan peruntukan sebesar Malaysia untuk membasmi kemiskinan.

Peranan pertumbuhan ekonomi dalam menjayakan kedua-dua matlamat DEB adalah kritikal. Agihan kekayaan tidak boleh dilakukan jika ekonomi tidak tumbuh. Agihan kekayaan yang sedia ada hanya akan menjadikan semua pihak sama miskin. Dalam keadaan semua pihak miskin, punca kewangan untuk membasmi kemiskinan atau menyusun semula masyarakat tidak akan ada. Segala-galanya bergantung kepada kesihatan dan pertumbuhan ekonomi.

Usaha menyusun semula masyarakat telah banyak memberi pengajaran kepada kita. Daripada segi pemilikan kekayaan, khasnya dalam sektor korporat, kita dapati masyarakat bumiputera mampu mencapai satu peningkatan yang membanggakan, iaitu daripada tahap 2 peratus pada tahun 1970 kepada 20 peratus pada tahun 1990.

Pencapaian bumiputera dalam bidang pembangunan sumber manusia dan gunatenaga adalah baik. Pada tahun 1970, peratusan bumiputera dalam bidang-bidang profesional yang berkaitan secara langsung dengan bidang perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan seperti arkitek, jurutera, akauntan dan peguam amatlah kecil.

Pada tahun 1990, kita telah berjaya meningkatkan peratusan bumiputera dalam bidang-bidang berkenaan. Di samping itu, jumlah pelajar bumiputera yang telah memasuki bidang - bidang latihan teknikal dan kemahiran juga telah meningkat. Sungguhpun peningkatan jumlah ini masih jauh lebih rendah berbanding dengan bukan bumiputera, jumlah ini tidak mungkin tercapai jika tidak kerana DEB. Kebanyakan daripada bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi datang daripada keluarga miskin atau yang tidak mampu. Sekaligus ia menafikan tuduhan kononnya DEB menguntungkan keluarga kaya atau keluarga tertentu sahaja.

Namun daripada segi hakmilik dan penyusunan semula gunatenaga, adalah jelas bahawa hasrat DEB untuk membentuk satu masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera belum tercapai. Sungguhpun daripada segi jumlah, bilangan syarikat yang dimiliki oleh bumiputera di kedua-dua sektor korporat dan bukan korporat telah meningkat, bilangan tersebut sebenarnya kecil daripada segi saiz dan perolehan jika dibandingkan dengan yang dimiliki oleh bukan bumiputera.

Dalam industri-industri perkhidmatan seperti dagangan borong dan runcit, perkhidmatan perkapalan, perhotelan dan penginapan, pengangkutan dan industri kecil, peningkatan kepada 34 peratus pemilihan bumiputera daripada segi bilangan pada tahun 1988, tidak diimbangi dengan perolehan daripada perniagaan yang hanya berjumlah 21 peratus. Ini mungkin kerana jenis perniagaan dan industri yang dipilih oleh bumiputera tidak produktif atau lemah.

Dalam sektor perdagangan borong dan runcit pula, daripada kira - kira dua ratus sepuluh ribu lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia pada penghujung tahun 1990, hanya 28 peratus dimiliki oleh peniaga-peniaga bumiputera. Daripada jumlah ini, kebanyakannya merupakan perniagaan kecil-kecilan.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

KEPOTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 11 JAN 1992

Saiz perniagaan bumiputera purata adalah kecil. Kira-kira 77 peratus daripada usahawan bumiputera yang berdaftar sebagai pembekal dengan Kementerian Kewangan mempunyai purata modal berbayar kurang daripada tiga puluh ribu ringgit. Kebanyakan daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan pusat khidmat kontraktor adalah di dalam kelas F.

Walaupun ini mungkin disebabkan oleh kurang kemudahan kredit, tetapi prestasi kebanyakan daripada kontraktor bumiputera yang kurang baik menghalang peningkatan mereka ke kelas yang lebih tinggi. Dengan ini pembekalan dan kontrak oleh bumiputera dengan kerajaan berjumlah hanya antara 12 hingga 15 peratus daripada nilai keseluruhan kontrak kerajaan yang ditawarkan. Sementara ini menafikan tuduhan bahawa DEB menyekat peluang bukan bumiputera, hakikatnya ialah kualiti dan daya saing bumiputera dalam bidang ini masih rendah.

Dalam konteks pembangunan yang agak pesat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak lapan ratus lima perpuluhan enam juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Keenam kepada Kementerian Perusahaan Awam untuk berbagai-bagai program yang bertujuan meningkatkan kemampuan usahawan bumiputera melalui latihan dalam bidang keusahawanan yang meliputi bidang urusniaga, peningkatan motivasi serta bagi membina sikap yang positif sebagai usahawan serta penyediaan kemudahan-kemudahan seperti ruangniaga, kemudahan bantuan modal serta pewujudan peluang - peluang perniagaan.

Di samping itu kerajaan juga telah mengadakan tabung pemulihan usahawan bagi membantu memulih pengusaha-pengusaha bumiputera yang terjejas oleh kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80-an. Bersama-sama Permodalan Nasional Berhad (PNB), kerajaan juga telah menubuhkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dengan modal permulaan sebanyak tiga ratus juta ringgit bagi memajukan lagi skim latihan dan pembangunan usahawan bumiputera.

Daripada segi kemudahan kewangan, terdapat juga kemudahan pinjaman daripada sektor bank yang cukup untuk membantu perkembangan perniagaan bumiputera. Selain daripada itu, usahawan-usahawan bumiputera juga telah memohon pinjaman daripada beberapa skim lain seperti tabung khas pelancongan, tabung penyusunan semula industri dan tabung projek perumahan terbengkalai yang diwujudkan khas untuk aktiviti-aktiviti perniagaan tertentu.

Justeru itu masalah kemudahan kewangan tidak harus disalahkan dalam usaha mewujudkan pengusaha-pengusaha bumiputera yang dinamis. Peluang-peluang yang disediakan patut direbut oleh kaum bumiputera dengan rasa penuh tanggungjawab dan usaha yang lebih gigih demi untuk kebaikan negara dan kaum bumiputera amnya.

Dalam bidang penyediaan kemudahan kontrak kepada kaum bumiputera, kerajaan telah mengkhususkan 30 peratus daripada nilai kerja bagi sesuatu agensi dikhaskan kepada bumiputera. Kerajaan juga mengagihkan kontrak-kontrak kerja yang tidak melebihi $50 ribu kepada pihak bumiputera. Bagi perolehan - perolehan bekalan dan perkhidmatan, kontraktor-kontraktor bumiputera telah diberi keutamaan harga.

Kerajaan juga telah mengkhaskan beberapa bidang tertentu di dalam perolehan kerajaan untuk disertai oleh bumiputera sahaja. Dalam kes-kes tertentu, kerajaan sanggup memberi kontrak - kontrak secara rundingan terus kepada pengilang-pengilang, pengimport atau *franchise holder* bumiputera. Dan pendahuluan 15 peratus diberi sebelum pun apa-apa kerja dijalankan bagi satu-satu kontrak.

Jelas bahawa berbagai-bagai usaha telah diambil untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perindustrian agar tidak ketinggalan dengan kaum - kaum yang lain. Tetapi pencapaian bumiputera, terutamanya di dalam pembekal kerajaan masih belum boleh dibanggakan. Banyak projek terbengkalai, tidak dilaksanakan atau dijual terus kepada bukan bumiputera.

Kita boleh terus menyalahkan kerajaan atau meminta supaya lebih banyak lagi usaha dibuat untuk menolong bumiputera. Tetapi dapatkah kita meyakinkan diri bahawa masalah kegagalan bumiputera boleh diatasi hanya melalui tindakan kerajaan? Tidakkah ada apa-apa yang boleh dan patut dibuat oleh bumiputera sendiri? Tidakkah ada apa-apa kelemahan di sisi bumiputera sendiri yang menyebabkan mereka tidak dapat

LIHAT MUKA 7

menggunakan segala yang diperuntukkan kepada mereka?

Kerajaan sedia dipersalahkan jika kegagalan bumiputera adalah kerana tindakannya. Tetapi jika kontrak yang diberi kepada bumiputera tidak dilaksanakan oleh mereka, atau dijual atau disub-kontrakkan sepenuhnya kepada bukan bumiputera yang kemudiannya tidak menerima bayaran, apakah dengan menyalahkan kerajaan prestasi bumiputera akan diperbaiki? Apakah kerajaan yang tidak mahu bertindak terhadap bumiputera jenis ini kerana takut tidak popular, boleh dianggap sebagai sebuah kerajaan yang baik dan berkemampuan untuk memperbaiki prestasi bumiputera?

Perkara-perkara ini perlu direnung oleh peserta-peserta kongres ini. Pepatah berkata bahawa tidak ada faedahnya cuba menegakkan benang yang basah. Mereka yang tidak sanggup menghadapi kebenaran tidak akan dapat mengatasi masalah mereka.

Selama 70 tahun Kerajaan Komunis Russia menipu diri dengan keengganan mereka mengakui bahawa sistem mereka menghasilkan kesan yang buruk. Tetapi yang buruk tidak juga menjadi baik kerana keburukannya tidak diakui. Akhirnya apabila terpaksa mengakui kegagalan sistem mereka, "nasi sudah menjadi bubur."

Perlukah kita menunggu sehingga keadaan tidak lagi dapat dipulihkan sebelum kita mengakui kebenaran? Sepertimana juga penjajahan kita oleh Portugis, Belanda dan Inggeris, bukan semua keraha salah mereka, demikian juga kedudukan ekonomi bumiputera tidak boleh disalahkan semata - mata kepada penjajah, kerajaan, kaum lain, sistem, iklim dan semua pihak selain daripada diri kita sendiri.

Sebenarnya jika kita ikhlas dan sanggup memeriksa diri sendiri akan kita dapati bahawa banyak kelemahan yang boleh kita atasi sendiri bagi menjayakan diri kita. Antaranya ialah sikap untuk "cepat kaya" tanpa risiko. Sindrom ini yang masih berleluasa dapat diperhatikan apabila bumiputera merelakan kaum lain menggunakan nama mereka sama ada dalam pembelian saham - saham yang dikhaskan kepada bumiputera atau untuk mendapatkan lesen dan permit. Cara ini tidak mempunyai risiko dan pendapatan datang dengan cepat atau *"up-front."* Malangnya cara ini akan mengekalkan kejahilan bumiputera dalam pengurusan perniagaan.

Modal adalah satu masalah yang dihadapi oleh semua peniaga. Tidak ada peniaga di mana - mana yang mempunyai cukup modal. Modal pinjaman pun tidak pernah cukup. Kurangnya modal bagi bumiputera berlaku daripada sebelum ada MARA, Bank Bumiputra dan bermacam-macam tabung kerajaan sehinggalah semua kemudahan ini diadakan.

Jika berbagai-bagai tabung diadakan lagipun masalah kurang modal akan terus melanda peniaga bumiputera. Jika ditunggu sehingga ada modal yang cukup, maka tidak ada perniagaan yang boleh diadakan. Hanya ada satu cara sahaja bagi masalah kurang modal, dan caranya ialah dengan menyesuaikan perniagaan dengan modal dan bukan modal dengan perniagaan.

Insya-Allah, jika perniagaan berjaya dan semua hutang dibayar mengikut jadual, mendapat modal yang cukup akan menjadi mudah. *Nothing fails like failure, nothing succeeds like success.* Namun kerajaan bersedia untuk menimbang apa juga cadangan untuk mengatasi masalah kekurangan modal di kalangan bumiputera.

Keyakinan akan kemampuan diri perlu disertai dengan penerimaan bahawa jalan yang mudah dan cepat tidak ada. Untuk mengatasi kelemahan bumiputera dan mencapai kejayaan kesabaran dan ketekunan diperlukan. Mereka yang ingin kaya cepat akan jatuh dengan teruknya. Dan ini telah kita lihat berkali - kali berlaku. Mungkin ada yang percaya bahawa kemalangan yang menimpa orang lain ti-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

11 JAN 1992

...ONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

...impa diri sendiri. ...ini adalah khayal-...ta. Apa yang ber-...orang lain kerana ...tidak baik akan ...kepada diri sendiri ...yang serupa diamal-...

...baran adalah penting da-...mencapai kejayaan dalam ...perniagaan dan per-...haan. Biar lambat asalkan ...mat bukan pepatah kosong. Mereka yang mudah tawar hati tidak akan berjaya. Kekayaan yang datang dengan mudah akan pergi dengan mudah. Matlamat kita bukan pencapaian tiga puluh peratus buat beberapa ketika tetapi pemilikan yang berkekalan.

Hanya dengan menjual saham atau AP atau kontrak yang diterima daripada kerajaan boleh memberi pendapatan yang diidami tetapi daripada segi agihan kekayaan kepada bumiputera, perbuatan itu menghalang matlamat kaum bangsa. Lebih sedih lagi ialah pendapatan yang diperolehi secara mudah ini tidak kekal. Yang kaya cara ini akan menjadi miskin dan merana semula.

Dalam usaha untuk menambah peluang bagi bumiputera, kerajaan memberi banyak keistimewaan kepada mereka. Ini termasuklah lesen, permit import, kontrak, pinjaman, peluang tempat, tawaran yang rendah dan wang pendahuluan.

Jika semua ini diguna dengan baik dan diurus dengan cekap, pencapaian DEB mungkin lebih daripada 30 peratus. Tetapi kita semua tahu apa yang berlaku. Dalam keinginan untuk meraih kekayaan dengan cepat segala lesen, peluang, kontrak dan lain-lain lagi didagangkan. Akibatnya hasil yang terbesar diperolehi oleh pihak lain. Dengan ini bukan sahaja jurang perbezaan bumiputera/bukan bumiputera dikekalkan tetapi menjadi lebih jauh lagi.

Sebaliknya jika ada kesabaran dan ketekunan dan segala peluang diguna dan diurus dengan baik, bukan sahaja pendapatan, yang lebih besar akan didapati, tetapi kecekapan yang diperolehi akan meningkatkan daya saing bumiputera dalam pasaran terbuka. Dan ini bermakna penyertaan bumiputera dalam perdagangan akan terus dikekalkan.

Perniagaan dan perusahaan memerlukan etika yang baik. Ada yang berpendapat bahawa ramai pengusaha dan peniaga berjaya kerana menipu. Tidak sesiapa dapat menafikan bahawa ada daripada peniaga dan pengusaha yang kaya raya kerana menipu. Antara mereka ialah Robert Maxwell, Charles Keating Junior, Ivan Boesky, Michael Milken dan lain-lain. Mungkin ada yang belum dikesan.

Namun lebih ramai yang berjaya kerana usaha yang gigih dan kejujuran. Walaupun mungkin ada orang yang secara semulajadi cekap dalam bidang perniagaan tetapi bagi sesiapa sahaja pengalaman yang baik dan berpanjangan tetap berkesan mencanaikan kecekapan. Kelulusan Masters in Business Administration atau MBA baik sebagai asas tetapi pengalamanlah yang akan memberi hasil daripada pelajaran pengurusan asas ini. Dan pengalaman memerlukan masa dan pendedahan. Sebab itu kesabaran adalah penting.

Ada negara yang bertindak menukar kerajaan atau Perdana Menteri apabila prestasi negara merosot. Mungkin prestasi yang merosot ini disebabkan oleh kerajaan atau Perdana Menteri. Tetapi jika kemerosotan prestasi disebabkan oleh sikap rakyat atau kelemahan mereka, penukaran kerajaan atau Perdana Menteri tidak akan berjaya memulihkan prestasi negara.

Demikian juga ada negara yang berpendapat ekonomi negara boleh diperbaiki melalui dasar atau undang-undang atau cukai atau faedah pinjaman. Jika benarlah perkara-perkara ini sahaja yang menyebabkan prestasi merosot, maka perubahan kepada perkara-perkara ini mungkin dapat memulihkan keadaan. Tetapi jikalau kelemahan berada di tempat lain, sebarang perubahan dasar atau undang-undang tidak akan membawa apa-apa kesan.

Kita perhatikan bahawa peralihan yang radikal sedang berlaku dalam perdagangan antarabangsa. Negara-negara yang dahulunya mengeksport barang-barang buatan sekarang mengeksport bahan mentah. Sebaliknya negara-negara yang dulunya mengeksport bahan mentah kini mengeksport barang-barang buatan yang canggih. Dengan ini negara-negara yang dahulunya pengeksport barang-barang buatan cuba menggunakan kuasa politik untuk kononnya membuka pasaran yang tertutup kepada barang-barang mereka. Tetapi sebenarnya barang-barang mereka sudah tidak *competitive,* baik daripada segi harga ataupun kualiti.

Sekali lagi kita lihat contoh bagaimana penyakit yang diubati dengan ubat yang tidak tepat atau tidak kena, tidak dapat memulihkan keadaan.

Kelemahan negara-negara industri lama ialah mereka sudah hilang sifat-sifat yang menjadikan mereka pengeluar barang-barang yang bermutu dengan harga yang berpatutan. Sekarang mereka sudah tidak lagi *competitive* dan paksaan politik tidak akan menyelesaikan masalah mereka. Hanya dengan memperbaiki mutu dan harga barang-barang mereka barulah mereka dapat menembusi semula pasaran yang mereka telah hilang.

Demikian juga dengan masalah prestasi bumiputera dalam bidang ekonomi. Kerajaan boleh membuat berbagai-bagai dasar, undang-undang dan menyediakan bermacam-macam kemudahan. Sedikit sebanyak tindakan kerajaan ini akan membantu pencapaian yang diharapkan.

Tetapi jika kelemahan yang ada pada bumiputera tidak diatasi sebarang tindakan kerajaan tidak akan menyelesaikan masalah penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian.

Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga ini bukan dirancang oleh kerajaan. Idea ini datang daripada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu. Kerajaan hanya mengambil bahagian. Oleh kerana kongres pertama dan kedua adalah anjuran kerajaan, tidak dapat tidak, peranan dan sokongan kerajaan untuk kongres kali ini juga diperlukan.

Bukanlah menjadi niat kerajaan untuk menghalang kritikan terhadap kerajaan kerana pencapaian yang rendah bagi bumiputera dalam bidang ekonomi. Kerajaan sedia mendengar segala kritikan dan menerima usul-usul dan cadangan-cadangan yang dihasilkan oleh kongres ini. Sepertimana pihak peniaga dan pengusaha bumiputera perlu berterus-terang, kerajaan juga perlu berterus-terang jika semua pihak ingin mendapat manfaat daripada kongres, ini.

Atas cadangan kerajaan, kongres ini disertai juga oleh bukan bumiputera. Ini ialah kerana bukan bumiputera boleh memainkan peranan yang penting bagi menjaya atau menggagalkan segala rancangan untuk mengimbangkan ekonomi bumiputera dengan bukan bumiputera. Dengan penyertaan bukan bumiputera, kita berharap mereka akan lebih memahami hasrat kongres ini dan dengan itu mereka akan memainkan peranan yang lebih positif.

Satu daripada sebab kegagalan DEB ialah pendekatan yang diambil oleh bukan bumiputera. Mereka lebih suka rakan bumiputera mereka tidak menerima risiko perdagangan dan tidak aktif dalam pengurusan. Dengan ini, selama-lamanya peniaga bumiputera akan jahil dan akan terus bergantung kepada mereka.

Mungkin dengan ini mereka akan beruntung tetapi dengan ini juga mereka akan dibebankan dengan DEB demi DEB selama - lamanya. Adalah lebih baik bagi mereka menentukan rakan bumiputera mereka menyertai secara bersungguh - sungguh. Mereka tidak akan rugi kerana risiko akan ditanggung juga oleh rakan bumiputera mereka.

Kerjasama bumiputera dengan bukan bumiputera me-...an. Adalah didapati bahawa syarikat bumiputera sukar membesar. Ini ialah kerana apabila seseorang rakan atau pekerja berpendapat ia sudah cukup cekap, maka ia akan meninggalkan syarikat untuk menubuhkan syarikatnya sendiri. Jika rakan kongsi atau majikannya bukan bumiputera, lebih banyak alasan didapati untuk berpisah. Oleh sebab itu jarang kali terdapat perkongsian bumiputera dengan bukan bumiputera yang kekal. Dengan itu kesempatan untuk rakan bumiputera belajar adalah terbatas.

Masalah ini perlu diatasi. Syarikat besar diakui lebih mampu berjaya daripada syarikat kecil. Dalam beberapa bidang perusahawan tidak ada tempat sama sekali untuk syarikat kecil. Justeru itu, bumiputera dengan bukan bumiputera perlu belajar bekerjasama dan bersikap lebih merlukan toleransi dan kesabar-toleran terhadap masing-masing. Dengan cara ini baharulah dapat diadakan perkongsian yang bermakna di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan masing-masing dapat mempelajari kecekapan masing-masing.

Kerjasama bumiputera dengan bukan bumiputera bukan sahaja baik dalam usaha mencapai matlamat DEB dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tetapi juga baik untuk politik dan negara. Hakikatnya ialah kita tidak boleh mengadakan dua ekonomi yang berasingan dalam negara kita. Ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera mestilah diintegrasikan untuk mengelak perasaan iri hati bagi mana-mana pihak.

Justeru itu penyertaan bukan bumiputera dalam kongres ini

PERPUSTAKAAN PERANGAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

11 JAN 1992

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH .....

adalah penting. Mereka mempunyai peranan dalam kongres ini dan dalam pelaksanaan resolusi resolusi tertentu kongres ini.

Mungkin ini dianggap terlalu optimistik tetapi dalam apa juga rancangan atau pendekatan kita perlu kepada "optimism." Tanpa harapan besar tidak mungkin beberapa rancangan kita mencapai kejayaan. Cita-cita dan harapan besar *ambition and high expectation* yang munasabah adalah sebahagian daripada apa juga rancangan.

Kongres ketiga ini diadakan sejurus selepas pelancaran DPN bagi menggantikan DEB. Antara matlamat utama DPN ialah mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Sudah tentu kerajaan mempunyai peranan yang besar dalam mewujudkan MPPB ini. Sudah tentu juga masyarakat bumiputera mempunyai pendapat berkenaan dengan peranan dan tindakan yang harus diambil oleh kerajaan. Dan kerajaan memberi pengakuan akan menimbang dengan sewajarnya segala cadangan berkenaan apa yang perlu diperbuat oleh kerajaan untuk mewujudkan MPPB dan melaksanakan apa yang mampu dibuat olehnya dengan bersungguh-sungguh.

Tetapi yang harus diingat ialah yang akan menjadi anggota MPPB ini ialah individu bumiputera. Bukan semua bumiputera akan menganggotainya. Hanya sebilangan kecil bumiputera sahaja yang akan menjadi anggota golongan ini. Dan mereka ini perlu mempunyai kebolehan-kebolehan tertentu.

Masalah yang akan dihadapi ialah bagaimana menentukan siapa yang harus dibantu oleh kerajaan supaya menjadi anggota MPPB ini. Apakah dapat kita mengenalpasti mereka melalui minat mereka, atau kelulusan mereka, ataupun ukuran-ukuran lain? Walau apapun kriteria yang digunakan akan ada mereka yang kecewa kerana kononnya ada pilih kasih.

Sebelum daripada ini tidak ada mana-mana negara atau masyarakat yang secara sengaja cuba mewujudkan satu kumpulan pedagang dan pengusaha daripada kalangan rakyatnya. Jika ada pedagang dan pengusaha, mereka wujud dengan sendirinya, setelah berjaya mengatasi bermacam-macam masalah dan rintangan.

Keputusan untuk sengaja mengadakan kumpulan ini bermakna pilihan perlu dibuat melalui kriteria tertentu dan kemudian bantuan perlu diberi. Tidak mungkin semua yang berminat akan dipilih.

Permodalan Nasional Berhad sudahpun memulakan usaha ke arah ini. Adalah jelas bahawa bukan sahaja minat yang diperlukan, tetapi juga kemampuan kewangan dan pengalaman pengurusan. Ini bermakna hanya mereka yang sudahpun menunjukkan prestasi yang memuaskan dan sanggup melabur wang sendiri yang akan diberi pertolongan tertentu. Untuk menentukan mereka ini mampu menghadapi realiti dunia perniagaan, bantuan yang diberi inipun bukanlah percuma.

Pendekatan ini adalah jauh berbeza dengan pendekatan semasa DEB dilaksanakan. Di ma-

LIHAT MUKA 23

sa DEB, kelayakan mendapat bantuan bergantung sama ada calon itu bumiputera atau tidak sahaja. Adalah jelas pendekatan ini mudah disalahgunakan dan tidak berjaya mewujudkan MPPB.

Kerajaan sebenarnya sudah mengenalpasti banyak lapangan dan jurusan yang berpotensi bagi penyertaan bumiputera, sama ada yang kecil atau yang besar. Seperti juga dengan bidang kerja, pertemuan minat dengan peluang menjadi masalah.

Kebanyakan daripada bidang yang dikenalpasti mungkin tidak diminati oleh individu bumiputera.

Malangnya jika individu bumiputera mahu membuat apa yang diinginingnya sahaja, pewujudan MPPB tidak akan berkesan. Justeru itu, bumiputera hendaklah sanggup menyesuaikan diri dengan peluang dan bukan sebaliknya.

Satu Kongres Bumiputera tidak mungkin menyelesaikan atau mengenalpasti semua masalah bumiputera. Mungkin kongres ini akan diturut dengan lain-lain kongres, konvensyen, woksyop dan sebagainya. Bahayanya ialah terlalu banyak perbincangan, usul dan desakan tidak akan memberi masa untuk melaksanakan apa-apa keputusan dengan berkesan. Sementara kita harus kaji pencapaian dari semasa ke semasa, kita juga harus memberi masa yang mencukupi bagi pelaksanaan membuahkan hasil.

Satu pendekatan yang dipersoalkan ialah penswastaan dan kesannya terhadap penyertaan bumiputera. Memandang kepada kelemahan bumiputera, ada kemungkinan penswastaan akan menambah bahagian bukan bumiputera dan menjejaskan pencapaian DEB.

Sebenarnya cadangan penswastaan hanya dibuat setelah badan-badan kepentingan bumiputera, umpamanya PNB, sudah mencukupi dan berkemampuan. Sehingga kini bahagian bumiputera tidak terjejas kerana penswastaan walaupun peningkatannya terjejas sedikit kerana ada individu bumiputera termasuk pekerja yang mencari keuntungan cepat dengan menjual saham mereka.

Tetapi daripada penswastaan banyak peluang dan pengalaman dalam bidang pengurusan dan perniagaan telah diperolehi oleh bumiputera dan mereka telah membuktikan kebolehan mereka. Dengan perkataan lain, proses penswastaan juga menolong mengenalpasti mereka yang boleh menjadi anggota MPPB. Justeru itu kerajaan akan meneruskan proses penswastaan yang jelas membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kerajaan tidak mampu menanggung beban pembiayaan kemudahan awam yang selalu rugi. Penswastaan sebenarnya telah menolong proses pembangunan yang diperlukan untuk menjayakan DEB, dan diyakini akan menjayakan DPN.

Kekhuatiran terhadap penswastaan dalam usaha mencapai matlamat DPN tidak harus ada. Pandangan yang positif hendaklah ditunjuk oleh bumiputera dan mereka harus mencari peranan dan peluang dalam proses penswastaan untuk menjayakan lagi DPN.

Akhir kata saya berharap kongres ini dapat berjalan dengan baik dan mencapai matlamatnya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kongres.

KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

17 JAN 1992

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

Syarikat tempatan digesa memandang jauh dalam merancang strategi korporat

BANDAR DARULAMAN (Kedah) 16 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat-syarikat tempatan perlu memandang jauh dalam merancang strategi korporat jangka panjang masing-masing.

Ini kerana senario perdagangan antarabangsa akan bertukar wajah selaras dengan perkembangan dan pergolakan politik semasa dunia, kata beliau.

Bagi memastikan penyertaan yang lebih bermakna oleh syarikat-syarikat tempatan dalam arena perdagangan antarabangsa menjelang tahun 2000, proses pelbagaian dalam industri adalah penting.

"Adalah malang sekali jika kita berpeluk tubuh membiarkan syarikat-syarikat asing menggunakan sumber tempatan dan mendapat keuntungan daripadanya," katanya ketika berucap merasmikan kilang Takagi (M) Sendirian Berhad yang mengeluarkan barang-barang perhiasan dari seramik di sini hari ini.

Mengenai industri seramik, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengusaha-pengusaha luar untuk memainkan peranan mereka sebagai pelopor dalam industri baru itu.

Ini sekaligus akan menjadi pendorong bukan sahaja kepada syarikat asing lain tetapi juga membuka mata syarikat tempatan kepada peluang-peluang yang wujud dalam sektor pembuatan, ujar Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga menegaskan tindakan segera perlu diambil untuk memastikan Pusat Teknologi Seramik (CTC) yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri Perak menjadi realiti secepat mungkin.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa industri seramik di negara ini harus diberi tumpuan serta bimbingan yang serius kerana negara mempunyai sumber 'kaolin' iaitu bahan utama dalam pembuatan barangan tembikar.

Beliau difahamkan bahan utama itu banyak terdapat di Bidor, Tapah Negeri Perak, di Jemaluang Johor dan Sarawak.

Beliau yakin dengan adanya infrastruktur serta kemudahan sokongan seperti kawasan perindustrian khusus untuk industri seramik dan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), ia akan mencerminkan komitmen kerajaan kepada kemajuan dan perkembangan industri itu.

Katanya, adalah satu perkembangan yang menggalakkan bahawa industri barangan seramik kini telah mula bertapak di Malaysia secara besar-besaran.

Pelaburan modal di dalam industri ini sejak tahun 1980 hingga November 1991 berjumlah $166.4 juta dan daripada jumlah itu $118.5 juta atau 71.2 peratus adalah sumbangan pelaburan asing terutama Jepun, kata Perdana Menteri.

Menurutnya, walaupun angka itu agak kecil jika dibandingkan dengan pelaburan dalam industri lain, kesannya adalah besar di samping mengharumkan negara di pasaran dunia dan hakikat itu tidak boleh dipandang ringan.

Perdana Menteri juga memuji Syarikat Takagi yang begitu yakin dengan masa depannya dan tidak mengikut jejak syarikat-syarikat lain yang hanya mendirikan kilang mereka di kawasan-kawasan yang telah maju.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 23 JAN 1992

Kayu pengukur taraf hidup perlu diperluaskan — PM

KUALA LUMPUR 22 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu pengukuran taraf hidup sesebuah negara dibuat berdasarkan skop yang lebih luas merangkumi aspek kestabilan politik, kemajuan masyarakat dan kualiti hidup, bukan sekadar bergantung pada angka-angka ekonomi yang diukur berdasarkan nilai matawang Amerika.

Dalam konteks Malaysia, misalnya, kata Perdana Menteri, penilaian taraf hidupnya tidak patut dikira sekadar bergantung jumlah pendapatan perkapita yang diukur mengikut dolar Amerika.

"Untuk Malaysia, penilaian taraf hidup kami perlu dinilai melampaui angka-angka ekonomi — rekod kami menunjukkan pengekalan kestabilan politik, kemajuan dalam keadilan sosial, peningkatan dalam kualiti hidup dan pengukuhan etika dan nilai moral."

Dengan kadar tukaran asing yang sentiasa turun naik yang kebiasaannya tidak mengikut pencapaian ekonomi, pendapatan perkapita dalam dolar Amerika tidak menunjukkan apa-apa makna, tegasnya semasa berucap merasmikan Persidangan Ke-27 Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menekankan, dolar Amerika bukanlah matawang yang stabil, apabila nilainya naik berbanding dengan ringgit, pendapatan perkapita negara ini turun dan sebaliknya berlaku apabila nilai dolar itu turun.

Lebih merumitkan lagi keadaan ini, kata beliau, nilai dolar Amerika mungkin turun berbanding dengan ringgit tetapi pada masa yang sama nilai yen Jepun meningkat.

"Sebagai sebuah negara yang 25 peratus daripada perdagangannya dibuat dengan Jepun, kita akan mendapati pendapatan perkapita naik tetapi terpaksa berbelanja lebih untuk membeli barang - barang Jepun," katanya.

Beliau menyatakan, ketepatan pendapatan perkapita sebagai kayu pengukur untuk apa tujuan sekalipun adalah terhad dan yang paling jelas ia adalah anggaran yang tidak jelas tentang kuasa membeli dalam sesebuah negara.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, sebuku burger MacDonald, *Big Mac* di sini adalah kira-kira tiga kali ganda lebih murah harganya daripada di Amerika Syarikat dan lima kali ganda lebih rendah dari harga di London.

Lebih daripada itu, katanya, pendapatan perkapita tidak memberi perhatian kepada peningkatan dalam kualiti hidup, pengurangan dalam ketidakadilan pendapatan, keperluan sosial dan pendidikan serta persekitaran yang bersih.

"Dalam semua hal berkenaan kita telah mencapai kejayaan yang pesat," ujarnya.

Sehubungan dengan itu beliau mahu gabenor - gabenor bank pusat yang ada di sini hari ini mengambil langkah tertentu untuk menghasilkan satu kayu ukuran yang praktikal dan munasabah bagi mengukur taraf hidup di semua negara.

Dengan adanya usaha seperti ini, kata beliau, semua negara boleh membuat penilaian yang lebih baik terhadap pencapaian dan kelemahan masing - masing dan pihak lain pula dapat membuat penilaian yang lebih tepat terhadap negara - negara berkenaan.

"Jika anda semua berjaya dalam usaha ini, anda akan membuat sumbangan positif kepada bagaimana dunia boleh memahami aspirasi nasional, bagaimana dunia sepatut melihat dirinya sendiri dan ini akan menjamin hasil kemajuan ekonomi akan sentiasa dinilai berdasarkan kebajikan ekonomi dan sosial rakyat sesebuah negara itu," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mahukan semua negara anggota SEACEN meningkat, mengumpul dan menggunakan sebaiknya sumber - sumber serta berkongsi pasaran serantau.

"Kerjasama serantau di dunia sebelah sini mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kemajuan ekonomi semua negara kerana peningkatan yang berterusan di rantau ini akan mengurangkan kesan turun naik ekonomi antarabangsa terhadap kita.

"Perdagangan yang lebih besar antara kita juga akan membolehkan kita menggunakan sepenuhnya kelebihan pengeluaran berskil besar, mewujudkan pergantungan antara satu sama lain yang lebih bermakna dan mempercepatkan proses perindustrian," jelasnya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 23 JAN 1992

Dolar AS tidak sesuai jadi ukuran

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Rabu — Pendapatan per kapita yang berdasarkan nilai dolar Amerika tidak wajar digunakan sebagai kayu pengukur taraf hidup sesebuah negara kerana ia tidak memberikan gambaran yang tepat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dolar Amerika tidak sesuai dijadikan asas ukuran kerana nilainya tidak tetap menyebabkan kadar pendapatan per kapita sentiasa turun naik.

"Apabila nilai dolar naik, pendapatan per kapita kita turun, apabila nilainya jatuh, pendapatan per kapita kita naik. Untuk menyulitkan lagi keadaan, sebagai sebuah negara yang menjalankan 25 peratus perdagangan dengan Jepun, pendapatan per kapita kita juga dipengaruhi oleh nilai yen.

"Dalam banyak keadaaan, kadar tukaran wang asing sentiasa turun naik tanpa kaitan secara langsung dengan prestasi ekonomi. Ini menyebabkan pendapatan per kapita dalam dolar Amerika tidak langsung boleh dijadikan ukuran," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pendapatan per kapita juga tidak mencerminkan peningkatan kualiti kehidupan yang berpunca daripada taraf kesihatan yang baik, berkurangnya perbezaan pendapatan, kemudahan perumahan, pendidikan dan penurunan kadar kematian.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (Seacen) ke-27 di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini ahli ekonomi belum menemui formula yang berkesan untuk mengukur taraf hidup rakyat.

Oleh itu, ahli politik dan profesional sering menggunakan pendapatan per kapita mengikut nilai dolar Amerika sebagai kayu pengukur untuk menentukan taraf hidup.

"Penggunaan pendapatan per kapita mempunyai banyak batasan. Ia tidak menggambarkan dengan tepat kuasa beli rakyat. Kita semua tahu bahawa harga burger Mc Donald di Kuala Lumpur tiga kali lebih murah daripada di Amerika dan lima kali lebih murah daripada di London.

Perdana Menteri berkata, bagi Malaysia, taraf hidup rakyat mesti dinilai mengikut ukuran yang lebih bermakna.

"Kita mahu berkembang sebagai negara maju secara menyeluruh dengan mengambilkira politik, ekonomi, sosial, kerohanian dan kebudayaan.

"Ini bererti kita mahu penilaian dibuat lebih daripada sekadar dalam bentuk angka tunjuk ekonomi. Rekod negara ini seharusnya menggambarkan kestabilan politik, keadilan sosial, peningkatan kualiti kehidupan dan keutuhan nilai moral serta etika," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, persidangan itu patut membincangkan cara yang praktikal untuk mengukur taraf hidup antara negara bagi memudahkan negara anggota Seacen menilai pencapaian dan kelemahan masing-masing.

Sebelum itu, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai kelembapan pertumbuhan ekonomi di negara Amerika, United Kingdom, Jepun dan Jerman.

Perkembangan ini, menurutnya, mewujudkan kebimbangan di kalangan negara membangun kerana mereka bergantung kepada pasaran eksport di negara perindustrian.

"Negara membangun tidak ada pilihan kecuali meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan dalam bidang perdagangan dan pelaburan jika mahu meneruskan perkembangan ekonomi yang mampan," katanya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 24 JAN 1992

Kerajaan tidak akan ubah syarat-syarat pelaksanaan SSB - PM

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Kerajaan tidak akan mengubah syarat-syarat yang telah ditentukan di bawah pelaksanaan Skim Saraan Baru (SSB) bagi kakitangan awam dan badan-badan berkanun, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, pelaksanaan syarat-syarat di bawah SSB tetap diteruskan kerana skim itu telah dikaji dengan teliti selama setahun serta mengambil kira pandangan-pandangan dan memorandum yang dihantar oleh kakitangan awam dan badan-badan berkanun.

Mengulas cadangan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi badan-badan berkanun (pihak pekerja) supaya syarat-syarat di bawah SSB dikaji semula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengubah syarat-syarat itu kecuali dalam kes-kes tertentu (anomali).

"Kalau ada perkara-perkara yang tidak betul, kita akan menubuhkan tribunal untuk mengkajinya tetapi ia hanya berhubung dengan kes-kes anomali saja," tambah Perdana Menteri selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Vietnam, Encik Vo Van Kiet yang mengakhiri lawatannya ke negara ini, di Carcosa Sri Negara, di sini.

Pengerusi MBK bagi badan-badan berkanun (pihak pekerja), Encik Indera Putera Haji Ismail baru-baru ini menggesa kerajaan mengkaji semula skim itu kerana didakwa mempunyai banyak kelemahan dan ketidakadilan dari segi tambahan gaji dan elaun antara kumpulan rendah dan tingkatan tertinggi.

Menurut Encik Indera, MBK kesal kerana kerajaan mengenepikan sama sekali pihak kesatuan sekerja dalam menyiapkan SSB sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang berada dalam kumpulan B, C dan D.

Sebagai contoh, kata Encik Indera, di bawah SSB gaji minimum pekerja am (D47) dinaikkan dari $300 kepada $324 sebulan iaitu tambahan sebanyak $24 atau lapan peratus saja. Gaji maksimum pula dinaikkan daripada $410 kepada $498 iaitu kenaikan sebanyak sembilan peratus.

Bagaimanapun, beliau menambah, peratus kenaikan gaji pegawai atasan seperti Ketua Setiausaha Negara adalah lebih 20 peratus, manakala gaji maksimumnya ialah $10,340.

MBK juga akan mengadakan mesyuarat bersama dengan 66 badan yang bergabung dengannya pada 19 Februari depan untuk menentukan tindakan yang harus diambil sekiranya kerajaan terus melaksanakan skim SSB.

Menurut Perdana Menteri, walau macam manapun sesuatu kajian semula gaji itu dilakukan, tetap ada orang yang tidak berpuas hati.

"Kalau ada orang yang boleh buat semua pihak berasa adil buatlah tetapi jangan buat cuma untuk bayaran yang tinggi saja kerana kerajaan tidak ada wang," tambah beliau.

Beliau berpendapat bagaimanapun bahawa pada umumnya ramai yang bersetuju kepada pelaksanaan SSB.

POTONGAN DARI AKHBAR .....

Selesai isu Batu Putih melalui perundangan

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KEEMPAT DI SINGAPURA

SINGAPURA, Ahad — Malaysia akan menyelesaikan pertikaian mengenai soal hakmilik Pulau Batu Putih berasaskan aspek perundangan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu katanya, Jabatan Peguam Negara kedua-dua negara akan berunding dan meneliti dokumen mengenainya bagi menentukan secara undang-undang pemilik sebenar pulau itu.

"Kita perlu berpegang kepada satu asas iaitu undang-undang dalam menentukan soal hakmilik pulau itu dan bukan hanya berdasarkan sejarah.

"Jika kita tidak berpegang kepada aspek undang-undang, kita akan menghadapi masalah dengan semua pihak. Sebagai contoh orang lain mungkin menuntut Zon Eksklusif Ekonomi (EEZ) kita," katanya.

Pulau Batu Putih terletak 15 kilometer dari Teluk Ramunia, Penggerang di tenggara Johor.

Isu pemilikan pulau itu timbul apabila beberapa nelayan Malaysia dikatakan dihalau oleh Polis Marin Singapura sejak tahun 80-an daripada memasuki kawasan itu.

Bercakap di sidang akhbar di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, adalah lebih baik berpegang kepada aspek undang-undang dan jika bukti menunjukkan Pulau Batu Putih hak Malaysia, semua pihak perlu akur dengan keputusan itu, begitu juga sebaliknya.

"Jika Malaysia mahu mendakwa Pulau Batu Putih itu haknya berdasarkan faktor sejarah, pihak lain juga boleh membuat tuntutan demikian.

"Kalau mengikut sejarah, Singapura dan beberapa wilayah lain juga pernah menjadi milik kita," katanya.

Persetujuan menyelesaikan pertikaian mengenai Pulau Batu Putih menerusi rundingan berasaskan undang-undang dicapai dalam pertemuan membincangkan hubungan dua hala dengan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong, semalam.

Menurutnya, Malaysia membuat banyak tuntutan termasuk ke atas Pulau Layang-Layang dan Pulau Sipadan, dan dalam hubungan ini, negara hanya boleh berpegang kepada satu asas sama ada mengikut sejarah atau undang-undang.

"Kerajaan perlu menentukan asas mana yang harus digunakan dan dalam hubungan ini, aspek undang-undang difikirkan adalah lebih baik," katanya.

Mengenai dakwaan beberapa nelayan Malaysia diganggu Polis Marin Singapura di perairan sekitar pulau itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata siasatan polis Malaysia mendapati dakwaan itu tidak bepanar.

Ditanya mengenai radar yang ditempatkan oleh Singapura di Pulau Batu Putih, beliau berkata, ia diperlukan bagi panduan kapal serta membolehkan pegawai mengawasi pergerakan kapal di situ.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 2

PM: Singapura setuju bayar sebahagian kos projek jambatan kedua

SINGAPURA 26 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Singapura bersetuju untuk membayar sebahagian daripada kos projek jambatan kedua antara Tanjung Kupang hingga Jalan Ahmad Ibrahim di Tanjung Tuas.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu akan dirunding lebih lanjut oleh jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek tersebut.

Seboleh-bolehnya, kata beliau, kerajaan mahu supaya perbelanjaan projek itu dilakukan mengikut keperluan.

Bagaimanapun, menurut Dato' Sri Dr.Mahathir, soal yang masih belum ditentukan ialah bahagian tertinggi pada jambatan itu.

"Singapura mahu supaya bahagian tersebut cukup tinggi membolehkan kapal melaluinya," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, perkara mengenai laluan kedua itu telah dibincangkan secara sepintas lalu semasa pertemuan beliau dengan rakan sejawatannya, Encik Goh Chok Tong semalam.

Beliau memberitahu demikian semasa mengadakan pertemuan dengan para wartawan Malaysia di sini.

Dato' Sri Dr.Mahathir berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-4 esok.

Menurut Perdana Menteri, soal bahagian tertinggi pada jambatan laluan kedua itu akan dibincang dengan lebih lanjut oleh jawatankuasa kedua-dua pihak.

"Kita juga akan bincang kalau hendak kutip tol, siapa akan melakukan kutipan dan sebagainya," ujar beliau.

Menjawab satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, projek laluan kedua itu akan dilaksanakan secepat mungkin kerana kesesakan di Johor Baharu tidak dapat ditampung lagi.

Projek laluan kedua itu berharga $1.6 bilion yang terbahagi kepada dua komponen.

Komponen pertama melibatkan pembinaan jambatan 2.46 km yang menghubungkan Tanjung Kupang dan Jalan Ahmad Ibrahim di Singapura. Jambatan ini berharga $346 juta.

Di bawah projek tersebut, sebuah lebuh raya baru sepanjang 34 km akan dibina untuk disambung dengan Lebuh Raya Utara-Selatan.

Sebuah lagi lebuh raya yang disambung dengan lebuh raya ke Johor Baharu yang digelar *'Johor Baharu Parkway'* sepanjang 9 km akan turut dibina dalam pakej tersebut.

Komponen kedua projek laluan kedua itu melibatkan pembangunan sebuah bandar baru dan pembinaan infrastruktur.

Pembangunan semula kawasan Gelang Patah dalam projek berkenaan melibatkan kawasan seluas 9,982 hektar.

Projek itu akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat hingga 1995.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

28 JAN 1992

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH .....

Asean perlu bertindak balas: PM

SINGAPURA, Isnin — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan Asean mestilah bertindak balas terhadap perubahan yang berlaku di dunia dengan menjadikannya sebuah pertubuhan yang lebih berdaya tahan, maju dan dihormati.

"Perubahan politik dan ekonomi antarabangsa akan meninggalkkan kesannya ke atas Asean dan terpulanglah kepada kita untuk menentukan tindak balas kita jika Asean mahu muncul sebagai pertubuhan yang lebih kuat dan makmur," katanya.

Berucap di Sidang Kemuncak Asean Keempat di sini, Dr Mahathir yakin perubahan dunia akan menjadikan Asean lebih makmur seandainya semua negara anggota berusaha menjayakannya.

Sehubungan itu Dr Mahathir mengajak Asean mengadakan pendekatan membina bagi mencapai kemakmuran bersama.

"Kita sudah membuktikan kejiranan yang aman dan kerjasama serta keinginan membantu antara satu sama lain sudah menyumbang kepada pembangunan pesat.

"Sekiranya semua negara di Asia Tenggara mengamalkan pendekatan ini dalam hubungan dengan jirannya, semua negara Asean akan menjadi makmur. Rantau yang makmur tentulah berpengaruh dan dihormati," katanya.

Menurut Perdana Menteri, negara jiran yang miskin tidak memberi apa-apa manfaat kepada sesiapa, sebaliknya memberi masalah dalam bentuk orang pelarian, penyeludupan, pasaran gelap dan sebagainya.

"Oleh itu membantu negara jiran supaya menjadi maju akan memanfaatkan kedua belah pihak dan Asean mestilah membantu negara jirannya mencapai kemajuan dan melupakan sebarang pertelingkahan," katanya dengan merujuk kepada perubahan yang sedang berlaku di Indochina.

Perdana Menteri seterusnya mengalu-alukan negara Indochina menjadi anggota Asean serta menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC).

Melalui kerjasama dengan negara-negara Indochina ini, Dr Mahathir berharap kuasa ketenteraan yang mempunyai agensi perisikan yang terbaik tidak boleh membuat ramalan bahawa kemungkinan peperangan hanya boleh dielakkan melalui kehadiran kuasa tentera.

"Semua anggota Asean kini sedar bahawa peperangan dan penaklukan seperti Perang Teluk tidak berfaedah langsung. Sebaliknya pembangunan ekonomi dan perdagangan dengan jiranlah yang lebih menguntungkan," katanya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 28

Semua harus bayar pastikan laluan kapal selamat dan bebas

SINGAPURA 27 Jan. — Perbelanjaan bagi memastikan laluan perkapalan bebas dan selamat bukan tanggungjawab negara-negara pesisir semata-mata, kata Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, sudah tiba masanya masyarakat antarabangsa menghargai masalah dan bahaya yang dihadapi oleh negara-negara pesisir di selat dan laluan laut tertentu seperti Selat Melaka.

"Adakah melampau untuk meminta mereka yang menggunakan laluan dan negara-negara maritim menyumbang kepada perbelanjaan menjaga laluan-laluan itu supaya bebas dan selamat," katanya ketika berucap pada perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di sini hari ini.

Sidang Kemuncak dua hari itu, dengan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong menyampaikan ucapan alu-aluannya, dihadiri oleh Sultan Hassanal Bolkiah (Brunei), Presiden Suharto (Indonesia), Presiden Corazon Aquino (Filipina) dan Perdana Menteri Thailand, Encik Anand Panyarachun.

Perdana Menteri berkata negara-negara pesisir bukan sahaja tidak mengutip sebarang cukai malah mereka bukan negara yang kaya.

"Pada satu pihak, rondaan maritim di laut dan udara adalah terlalu mahal. Perbelanjaan menyelenggara peralatan dan kakitangan untuk melawan tumpahan serta kerosakan lain juga sama tinggi," katanya.

Semasa merujuk tekanan oleh kumpulan-kumpulan Barat terhadap negara-negara tropika untuk mengekalkan hutan, beliau berkata, "walaupun kita mempersoalkan tuntutan bahawa hutan-hutan kita kepunyaan seluruh dunia, kita sentiasa menerima bahawa selat dan laluan laut tertentu menerusi perairan kita merupakan laluan antarabangsa."

Katanya, negara-negara pesisir tidak begitu bimbang sekiranya kapal yang melalui laluan itu jenis kecil, tidak begitu kerap dan tidak membawa kargo berbahaya. Tetapi kini bukan sahaja jumlahnya berkali-kali ganda malahan saiznya turut bertambah besar.

"Selain itu, kargo yang diangkut kebiasaannya berbahaya; sebagai contoh kapal-kapal tangki minyak dan kimia."

Sambil merujuk kepada Selat Melaka yang dikelilingi oleh Indonesia, Malaysia dan Singapura, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata telah banyak perlanggaran dan tumpahan minyak ke laut yang seterusnya mengalir ke pantai.

Bukan sahaja perbelanjaan membersihkan kawasan terbabit terlalu mahal, tetapi juga pemusnahan kawasan perikanan dan kepada industri pelancongan turut besar. Tambahan pula, pembiakan ikan di kawasan tumpahan memakan masa berbulan-bulan untuk kembali kepada sediakala, katanya.

"Kini wujud pula masalah baru — lanun," katanya, dan menambah kata bahawa lanun-lanun itu tidak hendakkan kargo yang dibawa tetapi untuk merompak wang dan barang berharga kepunyaan anak-anak kapal.

Sambil menarik perhatian bahawa anak-anak kapal ditinggalkan diikat selepas dirompak, katanya, untuk beberapa jam kapal itu belayar tanpa dipandu.

"Kapal itu mungkin melencong daripada laluannya dan ia mungkin berlanggar dengan kapal lain ataupun ia mungkin tersadai, mengakibatkan beraneka jenis kerosakan," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata jika dunia begitu gemar membuat tuntutan hak, maka dunia juga harus bersedia menerima tanggungjawab menjaga selat dan laluan perkapalan itu bebas dan selamat. — Bernama

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA 28 JAN 1992

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

BERSEDIALAH UNTUK HADAPI ORDE BARU YANG TAK MENENTU.

UCAPAN penuh Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, di Persidangan Keempat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Singapura semalam Isnin 27 Januari, 1992

SAYA ingin menyatakan betapa gembiranya saya berada pada perhimpunan negara-negara yang bersahabat ini. Tahniah dan terima kasih saya kepada anda, Tuan Pengerusi dan kepada kerajaan dan rakyat Republik Singapura kerana menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN yang Keempat.

Saya menyertai rakan-rakan sejawat yang dihormati untuk mengalu-alukan kehadiran Perdana Menteri Papua New Guinea, Encik Rabbie Namaliu ke mesyuarat ini.

Mesyuarat ini diadakan tepat pada masanya kerana ASEAN perlu menimbangkan reaksi yang bersesuaian terhadap perubahan-perubahan mendalam yang melanda dunia sejak Sidang Kemuncak ASEAN di Manila pada tahun 1987.

Kedudukan mutakhir susunan orde baru politik dan ekonomi sejagat tidak dapat dijangkakan tetapi kita mesti menyediakan diri kita untuk semua kemungkinan perubahan dalam orde ini.

Di rantau Asia Tenggara sendiri perubahan akan berlaku, dan bentuk kerjasama yang akan lahir mestilah kerjasama yang menguatkan lagi rantau kita dan mengekalkan kemajuan yang berterusan.

Dengan masalah Kemboja yang sedang dalam penyelesaian, ASEAN mulai sekarang mesti mengubah kedudukan bermusuhan yang mencorakkan Asia Tenggara pada masa lepas ke satu hubungan baru yang membina.

Ia bukanlah suatu kesengajaan bahawa negara-negara Asia Tenggara dalam kumpulan ASEAN ialah antara yang paling dinamik di dunia.

Kita telah menunjukkan bahawa persefahaman kejiranan dan kerjasama serta keinginan untuk saling membantu satu sama lain boleh memberi sumbangan yang besar ke arah pembangunan pesat.

Maka itulah jika semua negara di Asia Tenggara menerima pendekatan ini dalam hubungan dengan jiran dan pembangunan ekonomi, mereka semua akan sama-sama menikmati kemakmuran.

Sebuah rantau yang makmur akan membawa ke arah kehormatan dan pengaruh.

Justeru itulah maka ASEAN mesti mengambil daya usaha menyusun semula hubungannya dengan negara-negara Indochina.

Kita boleh memulakannya dengan membentuk hubungan rapat dan positif dengan mereka dalam hubungan dua hala dan sebagai satu kumpulan.

Sekiranya mereka berkeinginan berbuat demikian kita seharusnya mengalu-alukan mereka sebagai anggota kumpulan ASEAN, menyumbang kepada Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama kita.

Kita seharusnya memajukan dan menggalakkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) selain sebagai sebuah Zon Bebas Senjata Nuklear.

Saya berharap kuasa besar ketenteraan dengan keberkesanan agensi perisikan adalah salah bila ia meramalkan bahawa terdapat kemungkinan meletusnya sebuah "Perang Teluk" di Asia Timur, yang mana ini hanya dapat dielakkan dengan kehadiran tentera mereka.

Mulai sekarang semua negara Asia Timur harus belajar bahawa tidak berfaedahnya berbagai-bagai perang penaklukan seperti di Teluk.

Mereka pasti menemui bahawa pembangunan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara jiran adalah jauh lebih menguntungkan.

Jiran-jiran yang miskin bukan aset kepada sesiapa juga.

Masalah-masalah si miskin selalunya melimpah ke tempat lain dalam bentuk pelarian-pelarian, penyeludupan, pasaran gelap dan seumpamanya.

Negara-negara miskin bukan rakan perdagangan yang baik.

Maka itu membantu jiran-jiran menjadi makmur akan mendatangkan keuntungan bersama.

Jika ASEAN berhasrat untuk terus stabil dan makmur maka ia mesti membantu jiran-jirannya mencapai kemakmuran.

Paling utama ialah ia mesti mengelakkan pertelingkahan.

Sementara kita seharusnya tidak membiarkan perbezaan pendirian sistem politik menghalang kerjasama bersama, kita tentu sahaja tidak dapat menyokong regim-regim penindas yang tidak prihatin terhadap kehidupan sempurna rakyat mereka.

Tanpa campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara merdeka, kita mesti terus berjuang bagi mempastikan penerimaan standard kerajaan yang baik.

Adalah satu sikap yang angkuh untuk mendakwa bahawa hanya satu sistem tertentu sahaja yang betul dan adil.

Kenyataannya ialah demokrasi itu sendiri boleh membawa kesengsaraan kepada ramai orang.

Keadaan ini kita lihat pada keganasan dan kematian dalam pilihanraya-pilihanraya dan kekerapan berlakunya rusuhan dan mogok yang menyebabkan merosotnya pengeluaran negara dan mengabadikan kemiskinan.

Kita lihat hari ini kerajaan-kerajaan yang dipilih melalui sistem demokrasi merampas hak-hak politik yang dimiliki oleh rakyat, mengurung mereka, membunuh mereka dan pada umumnya berperangai seperti orang jahat tetapi disokong dengan senangnya oleh demokrasi yang lain kerana ia ditakrifkan sebagai demokratik.

Para-para makanan yang kosong dan kelaparan yang kita lihat dalam demokrasi baru Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS) dan Eropah Timur sekarang ialah satu lagi bukti tentang tidak sempurnanya demokrasi.

Kita mesti jangan melihat apa yang tersurat sahaja, sebaliknya melihat apa yang tersirat.

Demokrasi bukan suatu ubat sejagat yang boleh merawat.

Untuk berjaya mesti terdapat kewaspadaan dalam penggunaan proses demokrasi.

Tiada seorang pun harus dipaksa atau bergegas menceburi sesatu sistem yang mereka tidak biasa dengannya.

Dalam lapangan antarabangsa, pembentukan kumpulan-kumpulan ekonomi yang kuat untuk meningkatkan kepentingan serantau kini menjadi satu realiti dalam kehidupan ekonomi antarabangsa.

Perdagangan dan hubungan ekonomi antarabangsa diuruskan dengan tujuan melindungi kedudukan blok-blok perdagangan yang berkuasa dan ia semakin meningkat.

Di dalam sebuah dunia di mana manusia dan negara-negara menyusun diri mereka secara rantau, ia bukanlah sesuatu yang salah bagi negara-negara Asia Timur untuk bersatu bersama.

Asia Timur ialah suatu entiti geografi, sama seperti Eropah atau Amerika yang juga merupakan entiti geografi.

Demikian juga Asia Tenggara.

Jika Asia Tenggara dapat membentuk sebuah persatuan bagi menghasilkan manfaat bersama dan masih tetap bersaing dengan anggota-anggota dalam persatuan-persatuan Asia Pasifik yang lain, adakah terdapat sebarang alasan mengapa negara-negara Asia Timur tidak boleh membentuk cuma sebuah perundingan dan kewujudan bersama dengan pertubuhan-pertubuhan di rantau Asia Pasifik.

Pengalaman ASEAN memperlihatkan bahawa apabila negara di sesebuah rantau itu berbincang dan bekerjasama serta bercakap dalam satu suara, status dan pengaruh mereka adalah meningkat.

Negara-negara dan kumpulan lain pasti tidak akan selalu dapat mengadakan dialog dengan setiap satu dan setiap seorang daripada kita secara berasingan.

Tetapi sebagai satu kumpulan mereka akan berbuat demikian.

Dan dalam proses ini kita

UTUSAN MALAYSIA 28 JAN 1992

TONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

...perolehi faedah dan ...ya maju lebih cepat ber...g lain-lain negara indivi...alam rantau tersebut.

...erundingan Ekonomi Asia ...mur (EAEC) tidak akan menjadi mana-mana blok perdagangan atau ekonomi tetapi sebuah perundingan, satu persefahaman tidak rasmi negara-negara di Asia Timur untuk tujuan perbincangan dan mendapatkan persetujuan untuk bercakap sebagai satu suara di persidangan-persidangan perdagangan antarabangsa.

Hanya setakat itu sahaja.

Kita tidak faham mengapa kita tidak dibenarkan bercakap dengan orang lain atau untuk memanggil diri kita Asia Timur.

Adakah ini pengalaman sebelum perlaksanaan sebenar orde baru dunia?

Kita memerlukan asas ASEAN yang kuat bagi membolehkan kita berdepan dengan hal-hal yang tidak dapat dijangka di persekitaran Asia Pasifik yang luas di samping berdepan dengan dunia yang pesat berubah.

Semasa Perang Dingin wujud, kita semua rindu untuk bebas daripada penindasan konflik ini dan bebas daripada pertelagahan proksi serta pembahagian yang berhenti berputar.

Kita di rantau ASEAN kini mempunyai hak untuk menjadi lebih bebas memandangkan pihak kita yang menang.

Tetapi yang kelihatan sekarang ialah kita kurang bebas.

Perencanaan orde baru dunia penuh dengan halangan-halangan.

Suatu isu yang sama pentingnya kepada semua negara dan memerlukan kerjasama sejagat ialah berkenaan pengurusan alam sekitar.

Malangnya terdapat tumpuan yang tidak kena pada tempatnya mengenai hutan tropika dan peranannya dalam memperbaharui bekalan oksigen, melindungi flora dan fauna dan keseimbangan ekologi.

Yang nyata ialah negara-negara kaya yang mempunyai hanya 20 peratus daripada penduduk dunia bertanggungjawab ke atas 80 peratus daripada pelepasan gas rumah hijau.

Tiga puluh peratus pelepasan gas karbon dioksid datangnya daripada satu kuasa industri sahaja.

Pada bahagian lain di dunia sedang membangun, 1.5 bilion manusia tinggal dalam kemiskinan melarat.

Nasib mereka tidak dipedulikan bila apa yang sering menjadi sumber pendapatan utama mereka, iaitu hasil-hasil hutan tropika, diboikot.

Sekiranya hutan-hutan boleh menyelamatkan dunia daripada kesan rumah hijau, maka penekanan seharusnya ialah pada tindakan secara besar-besaran untuk menghijaukan semula dunia.

Mesti diingat bahawa pada satu ketika seluruh dunia pernah dilitupi dengan hutan-hutan.

Perubahan semula jadi di samping perubahan yang dibawa oleh manusia memusnahkan sebahagian besar daripada litupan hutan-hutan ini.

Dengan kekayaan negara kaya dan teknologi yang ada pada tangan mereka, adalah mungkin untuk menanam dan melitupi seluruh padang pasir dengan pokok-pokok, termasuk kayu keras tropika.

Kawalan pembalakan boleh diteruskan tetapi dalam seratus tahun jumlah tanah hutan tropika mestilah tiga kali ganda daripada yang ada sekarang.

Satu isu, yang dilupakan sepenuhnya, ialah hakikat bahawa kebakaran-kebakaran hutan menyebabkan kerosakan yang besar kepada alam sekitar berbanding dengan kawalan pembalakan.

Negara-negara membangun tidak mempunyai sumber kewangan dan kebolehan teknologi untuk mengawal dengan berkesan kebakaran hutan yang boleh berterusan hingga bermingu-minggu dan berbulan-bulan.

Sudah pasti lebih banyak hutan boleh diselamatkan dengan mencegah kebakaran hutan dan memadamkannya dengan cepat berbanding dengan memboikot eksport kayu tropika atau menasihatkan penghuni hutan supaya terus menetap dalam hutan, makan monyet-monyet dan dijangkiti semua jenis penyakit tropika.

Terdapat dakwaan bahawa hutan-hutan tropika adalah harta pusaka bersama dunia.

Kita tidak bersetuju dengan pandangan ini, kerana pada kita, kita mempunyai hak yang lebih ke atas hutan-hutan kita berbanding dengan mereka yang mendakwa memiliki Antartika.

Tetapi jika dunia begitu prihatin tentang pupusnya hutan tropika dan beranggapan mereka mempunyai hak ke atasnya maka mereka harus berbuat sesuatu mengenai kebakaran hutan di tropika.

Peralatan besar-besaran yang bernilai didapati di semua negara kaya di Utara.

Kebanyakannya tidak digunakan apabila tidak berlaku kebakaran hutan.

Adalah suatu hal yang mudah bagi pertubuhan antarabangsa untuk mewujudkan katalog semua sumber-sumber dan menghantarnya ke negara-negara tropika yang miskin apabila berlaku kebakaran hutan.

Ini adalah lebih membina berbanding dengan berdrama membesar-besarkan jumlah ekar hutan tropika yang musnah setiap hari atau bagaimana 300 orang Penan dihalang daripada memburu di berjuta-juta hektar tanah pemburuan mereka.

Sungguhpun kita tidak bersetuju dengan tuntutan bahawa hutan-hutan kita itu milik seluruh dunia, kita sentiasa mengaku bahawa selat dan laluan laut tertentu yang melalui perairan kita ialah perairan antarabangsa.

Yang paling terkenal sebagai perairan antarabangsa ini ialah Selat Melaka.

Terlalu sedikit perhatian diberikan kepada negara-negara persisiran bila kapal-kapal melalui selat yang kecil dan sempit itu dengan membawa kargo-kargo bahaya yang tidak bertanda.

Tetapi kini bilangannya bukan sahaja bertambah berkali-kali ganda, tetapi saiz kapalnya juga meningkat dengan hebatnya.

Sebagai tambahan, kargo yang mereka bawa selalunya berbahaya; sebagai contoh kapal minyak dan kimia.

Kami telah menghadapi kejadian pelanggaran dan tumpahan minyak ke laut dan pantai kami.

Kos pembersihannya memakan belanja yang tinggi.

Apatah lagi padahnya pada industri perikanan kami dan industri pelancongan.

Ia mengambil masa berbulan-bulan untuk memulihkan keuntungan kegiatan perikanan.

Kini kami berdepan degan satu masalah baru — lanun.

Lanun-lanun bukan sahaja mencuri muatan kargo malahan wang tunai dan barang bernilai milik anak kapal.

Dalam kegelapan malam mereka memanjat kapal dan mengikat anak kapal sambil mereka merampas dan merompak.

Kapal yang menjadi mangsa itu akan belayar tanpa panduan selama beberapa jam dan mungkin melencong daripada laluan asalnya lalu bertembung dengan kapal-kapal kecil lain atau karam, mengakibatkan pelbagai kerosakan.

Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan laluan laut antarabangsa? Negara-negara pesisiran pantai tidak mengenakan sebarang bayaran.

Mereka juga bukan di kalangan negara kaya.

Dalam pada itu, rondaan maritim di laut dan udara menelan belanja yang amat mahal.

Belanja untuk penyengaraan peralatan dan kakitangan untuk mencegah tumpahan minyak dan lain-lain kerosakan sama mahalnya.

Jika dunia begitu gairah menuntut hak-hak mereka, maka dunia mesti menerima tanggungjawab.

Inilah masanya masyarakat antarabangsa menghargai masalah-masalah itu dan bahaya yang dihadapi oleh negara-negara pesisiran pantai.

Adakah terlalu melampau meminta mereka yang menggunakan hak laluan itu dan negara-negara maritim menyumbangkan kos untuk menjaga keselamatan dan kebersihannya?

ASEAN tanpa ragu ialah kumpulan serantau yang paling berjaya di kalangan negara sedang membangun.

Kita berkumpul bersama pada asalanya kerana kita perlu mempunyai sebuah forum untuk menyelesaikan masalah-masalah sempadan pada zaman selepas penjajahan.

Kita tidak menyelesaikan semua masalah-masalah ini tetapi sekurang-kurangnya kita bersetuju bahawa cara ASEAN ialah melalui perundingan dan perbincangan.

Setelah berhimpun di sini kita merasakan adalah menguntungkan untuk turut berkerjasama dalam bidang ekonomi.

Sekali lagi, dengan ekonomi kita yang bersaing kita menjadi kurang berjaya.

Kita masih perlu meneruskan perjuangan.

Tetapi dalam pada itu dunia terus mengalami perubahan radikal.

Saya tidak akan mengulang di sini apakah perubahan itu.

Bagaimanapun apa yang pasti ialah kita akan merasai kesan kejatuhan itu.

Saya yakin kita boleh terus hidup.

Kita boleh makmur hasil perubahan ini.

Tetapi ia bergantung kepada kita untuk merangka tindakan kita jika kita mahu menjadi lebih kuat dan lebih makmur dengan perubahan ini.

Ia akan menuntut segala kebijaksanaan kita untuk melakukan ini.

ASEAN mestilah muncul dari penyusunan semula dunia dengan lebih bebas dan mempunyai daya ketahanan yang lebih dan lebih membangun daripada sebelumnya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada anda, kerajaan dan rakyat Singapura kerana kemesraan dan keselesaan yang diberikan kepada saya dan anggota-anggota delegasi saya.

Saya yakin di bawah tuan sebagai pengerusi, Sidang Kemuncak ASEAN Keempat ini akan menjadi kejayaan yang termashur.

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 28 JAN 199

'PERANG TELUK' TAK AKAN BERLAKU DI ASIA TIMUR.

Oleh
Zainuddin Maidin dan
Khalid Mohd.

SINGAPURA 27 Jan. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menangkis anggapan sebuah kuasa terbesar bahawa 'Perang Teluk' boleh berlaku di Asia Timur jika tenteranya tidak ada di rantau ini untuk menyekatnya.

Berucap di pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-4, beliau menegaskan: "Saya harap kuasa tentera yang terkuat itu dengan agensi risiknya yang efisyen tidak betul bila ia meramalkan kemungkinan berlaku 'Perang Teluk' di Asia Timur yang hanya boleh disekat dengan kehadiran tenteranya di sini."

Beliau berkata, negara-negara Asia Timur sedar betapa sia-sianya peperangan yang bertujuan menakluki wilayah orang.

"Sudah tentu mereka juga menyedari bahawa pembangunan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara jiran jauh lebih membawa faedah," ujarnya yang jelas merujuk kepada Amerika Syarikat.

Tak sefahaman

Tangkisan Perdana Menteri ditujukan kepada kenyataan Penolong Setiausaha Negara Amerika, Bahagian Asia Timur dan Pasifik, Richard H. Solomon baru-baru ini bahawa negaranya tidak mahu melihat apa yang berlaku ke atas Kuwait berlaku di rantau ini.

Menurut Solomon, Amerika Syarikat perlu hadir di rantau ini memandangkan negara-negara Asia Tenggara masih belum mempunyai satu persefahaman yang berkesan dalam soal keselamatan.

Beliau membuat kenyataan ini apabila ditanya tentang langkah Amerika Syarikat menggunakan Singapura sebagai pangkalan untuk menyenggara pesawat dan kapal perangnya ekoran penutupan Pangkalan Teluk Subic, Filipina dalam satu temuramah melalui satelit baru-baru ini.

Bertolak dari senario ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menyeru sidang kemuncak supaya mengambil langkah menyiapkan diri bagi

LIHAT MUKA 2

menghadapi perubahan dunia di mana mereka yang kuat dan kaya akan terus menekan mereka yang kecil dan sedang membangun.

Perdana Menteri membangkitkan bagaimana mereka yang kuat itu menolak bulat-bulat usaha Malaysia membentuk Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sedangkan mereka bebas membentuk apa sahaja yang mereka suka.

Sambil mencemuh keangkuhan golongan yang kuat itu, Dato' Sri Dr. Mahathir bertanya: "Apakah semua ini tanda-tanda awal orde baru dunia yang sedang mereka susun?"

Walaupun tidak disebutnya, amat jelas beliau menunjukkan kekecewaannya terhadap kuasa tunggal dunia, Amerika Syarikat, yang bertanggungjawab menyulitkan pembentukan EAEC dengan menolaknya dan mempengaruhi pula gergasi-gergasi ekonomi seperti Jepun dan Korea Selatan supaya jangan menyertai forum itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan kepada sidang kemuncak yang bermula pagi ini bahawa ASEAN tidak boleh membiarkan ia diperkotak-katikkan dan ikatan pertubuhan ini perlu diperkukuhkan untuk menghadapi tekanan-tekanan yang terus menimpa.

Beliau menarik perhatian bahawa dalam dunia yang sedang berubah dengan begitu cepat sekarang, perdagangan antarabangsa dan hubungan ekonomi dikawal dan diurus dengan tujuan melindungi kepentingan blok-blok perdagangan yang sedia kuat.

Malangnya, ujar beliau, hanya bangsa tertentu dan negara-negara tertentu sahaja yang diboleh melindungi kepentingan mereka.

Dalam dunia yang sedang mereka atur itu katanya, orang-orang Asia Timur tidak bolehpun memanggil diri mereka orang Asia Timur dan hendak bentuk sebuah forum bagi merundingkan kepentingan bersama pun tidak boleh.

"Kita memerlukan suatu asas yang kukuh bagi ASEAN menghadapi ketidaktentuan baru dalam suasana Asia-Pasifik yang lebih meluas dan juga dalam dunia yang semakin cepat berubah ini, ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, apabila Perang Dingin tamat, negara-negara dalam rantau ASEAN merasakan mereka seharusnya lebih bebas tetapi nampaknya "kami menjadi kurang bebas daripada dulu."

"Orde baru dunia yang sedang mengambil tempat sekarang nampaknya penuh dengan pantang-larang," tegas beliau.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir tetap yakin ASEAN yang sudah mencapai usia 25 tahun akan dapat menghadapi segala tekanan yang dikenakan ke atasnya dan akan dapat terus hidup sebagai satu pakatan serantau negara-negara sedang membangun yang paling berjaya.

Beliau juga percaya bahawa apa juga masalah sempadan dan saingan ekonomi sesama sendiri yang dihadapi sekarang, ASEAN tidak mempunyai pilihan melainkan terus mara dengan berani sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, jika ASEAN bijak mengatur langkah menghadapi perubahan-perubahan yang sedang berlaku di dunia hari ini, ia mungkin muncul lebih kuat dan berjaya daripada penyusunan semula dunia itu.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan, semua ini akan hanya dapat diperolehi jika kestabilan di rantau ini dapat diperkuatkan apa lagi dengan penyelesaian masalah Kemboja.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, ASEAN hendaklah mengambil inisiatif untuk menyusun semula hubungannya dengan negara-negara Indo-China dengan mengadakan hubungan dua hala dan juga sebagai satu kumpulan.

"Dan sekiranya mereka berhajat, mereka hendaklah diterima menjadi anggota ASEAN dengan memperakui Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama kita," katanya.

Beliau menambah, jika ASEAN hendak mengekalkan kestabilan dan kemakmurannya, ia hendaklah juga menolong jiran-jirannya supaya mereka turut menikmati kemakmuran kerana jiran yang miskin dan susah tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR ..UTUSAN MALAYSIA.....BERTARIKH ..... 29 JAN 1992

EAEC: MAHATHIR AMERIKA FAHAM.

EAEC: MAHATHIR MINTA AMERIKA FAHAM

SINGAPURA 28 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Amerika Syarikat memahami hasrat ASEAN untuk membawa Jepun menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Perdana Menteri menegaskan, bukanlah hasrat ASEAN untuk memburukkan lagi hubungan antara Amerika Syarikat dengan Jepun kerana keadaan itu sudahpun wujud.

Apa yang harus disedari, kata beliau ialah hakikat bahawa ahli-ahli perniagaan Jepun sendiri mahukan EAEC.

Bercakap pada sidang akhbar selepas Sidang Kemuncak ASEAN Keempat tamat petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, tanpa penyertaan Jepun dan Korea Selatan, EAEC tidak akan menjadi forum yang bermakna.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menyatakan Malaysia menyedari bahawa Jepun juga memerlukan Amerika Syarikat kerana ia merupakan pasaran paling besar

Oleh Zainuddin Maidin dan Khalid Mohd.

bagi Jepun.

Beliau menarik perhatian bahawa pasak yang memisahkan Amerika Syarikat dengan Jepun sudahpun wujud "dan bukan kami (ASEAN) yang menyebabkannya tutup".

"Masalah ini sememangnya sudah wujud di antara mereka. Hakikatnya ialah kalaupun ada EAEC, hakikat ini tidak akan membawa erti yang besar kepada hubungan kedua-dua negara itu," ujarnya.

Masalah hubungan

Dato' Sri Dr. Mahathir berpendapat, cara tunggal untuk menyelesaikan masalah hubungan antara Amerika Syarikat dan Jepun itu ialah bagi Amerika sendiri bertukar menjadi kompetitif seperti Jepun sendiri.

"Dan bila mereka juga kompetitif dan merasakan mereka boleh menang maka mereka tidak lagi akan merasa takut pada Jepun," ujarnya.

Beliau bagaimanapun menambah, buat masa ini Amerika Syarikat masih tidak pasti akan kemampuannya sama ada ia akan dapat bersaing dengan Jepun dan menang dalam persaingan itu.

Dalam nada seloroh, beliau berkata: "Atau mungkin Jepun yang patut mengurangkan daya saingnya".

Dato' Sri Dr. Mahathir berharap dengan penerimaan EAEC sebagai satu projek ASEAN, Jepun akan ke depan dalam menentukan sikapnya berhubung forum tajaan Malaysia ini.

"Kami tahu masyarakat perniagaan Jepun memang berminat dengan EAEC, tapi kami juga memahami hasrat Jepun untuk mengekalkan hubungannya dengan Amerika Syarikat kerana negara itu adalah satu pasaran yang begitu besar baginya.

"Kami bukannya hendak mencetuskan apa-apa masalah kepada Jepun, tapi kami ingin Amerika Syarikat memahami hasrat kami," ujarnya.

Menjawab pertanyaan yang bertalu-talu tentang EAEC daripada para wartawan asing, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata,

LIHAT MUKA 2

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 29 JAN 1992

EAEC: MAHATHIR MINTA AMERIKA FAHAM

di peringkat ASEAN, semuanya sudah selesai sekarang dan mulai hari ini apa yang perlu dilakukan ialah mengorak langkah untuk menjadikannya satu realiti.

Mulai hari ini juga ujarnya, projek EAEC memasuki peringkat perlaksanaan di mana para menteri ASEAN perlu duduk dan menghalusi butir-butir lanjut termasuk berjumpa dengan bakal-bakal anggota dan memberi penerangan lanjut tentang penubuhannya.

Mereka juga, tambah beliau hendaklah melakukan segala apa yang perlu bagi memastikan hasrat untuk melihat satu sistem perdagangan bebas wujud dan berjalan lancar di seluruh dunia.

Tentang berapa lama lagi EAEC akan lahir, Perdana Menteri berkata, berdasarkan kepada rekod cepat berkerja ASEAN, projek ini mungkin akan menjadi kenyataan lebih awal daripada yang dijangkakan.

"Jika kami dapat mempercepatkannya, kami akan membuatnya dengan cepat, mungkin kurang daripada lima tahun," ujarnya.

Menjawab pertanyaan beberapa wartawan Australia kenapa negara mereka tidak diajak menyertai EAEC memandangkan ia mempunyai hubungan dagangan yang besar dengan negara-negara Asia Timur, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

"Saya rasa Australia tidak termasuk dalam rantau Asia Timur. Hubungan dagang bukan syarat kemasukan, yang melayakkan sesebuah negara menyertai EAEC ialah kedudukan geografinya."

Seorang wartawan akhbar *Hindu* dari India bangun bertanya kenapa negaranya juga tidak boleh turut serta. Pertanyaan ini membuat para wartawan dan Dato' Sri Dr. Mahathir sendiri ketawa besar sebelumpun wartawan itu habis bertanya.

Sambil tersenyum beliau menjawab: "Kerana India dalam rantau Asia Selatan dan kami juga tidak dimasukkan dalam rantau itu." Sekali lagi semua yang hadir ketawa.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA MINGGU BERTARIKH 02 FEB 1992

MENANGANI CABARAN WAWASAN 2020.

SEDUTAN ucapan Perdana Menteri, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, di majlis makan malam 'BANGSA MALAYSIA YANG BERSATU MENJELANG TAHUN 2020' di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

UCAPAN selepas makan malam sepatutnya ringan dan tidak membebankan fikiran. Mungkin kerana selepas makan malam yang mengenyangkan dan kemungkinan kurang penghadaman, kita juga seharusnya dielakkan daripada menanggung beban fikiran.

Perpaduan kebangsaan bukanlah perkara yang sesuai untuk diperkatakan selepas jamuan besar. Dalam pada itu, Presiden anda yang memilih topik ini. Saya tidak ada kuasa dalam soal ini. Jika anda mengalami kurang penghadaman, baik di perut mahupun di fikiran, anda seharusnya tahu siapa yang hendak dipersalahkan.

Untuk tiga dekad berikutnya, perhatian berat akan ditumpukan kepada usaha mencapai matlamat Wawasan 2020. Wawasan itu mengenal pasti sembilan cabaran utama yang perlu ditangani dengan jaya jika kita mahu menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Satu-satunya yang dikenal pasti berkemungkinan menjadi cabaran asas dan pokok ialah cabaran membentuk bangsa Malaysia yang bersatu.

Menjelang tahun 2020, kita akan mempunyai kira-kira dua generasi rakyat Malaysia yang merdeka. Adakah kita akan menjadi bangsa Malaysia yang bersatu pada masa itu? Barangkali satu cara untuk menangani masalah ini ialah mengenal pasti apakah prasyarat asas bagi pengukuhan satu bangsa yang bersatu berlatarkan Malaysia dan kemudian menilai di manakah pendirian kita berhubung nilai-nilai asas ini.

Ciri-ciri yang diperlukan bagi pembentukan negara yang bersatu berbeza dari sebuah negara dengan negara yang lain. Switzerland, India, Amerika Syarikat, Ireland Utara, Fiji dan Lebanon, semuanya memerlukan formula yang sesuai dengan keadaan persekitaran mereka yang sebahagian besarnya ditentukan oleh sejarah, politik, perundangan, sosial, kebudayaan dan pembangunan ekonomi.

Sesetengah negara berpusar secara semula jadi melalui pengenalan etnik dan persamaan budaya. Lain-lain pula, dan ini termasuk Malaysia, adalah negara yang ditubuhkan secara sah. Tidak ada persamaan etnik atau budaya yang diwarisi. Tidak wujud persamaan bahasa secara semula jadi. Malah, sempadan geografinya juga tidak berpusar. Ia disempadani menerusi persetujuan bersama hasil proses perundingan. Di Semenanjung Malaysia, faktor kesamaan berlaku dengan pengiktirafan Persekutuan Tanah Melayu sebagai asas penubuhan negara.

Tetapi menjelang kemerdekaan, negeri-negeri telahpun berubah melalui pertalian yang ditubuhkan oleh pihak British. Selain itu, penduduk juga telah berubah hinggakan kesamaan asas etnik tidak boleh dijadikan asas bagi perpaduan kebangsaan. Kehadiran warganegara daripada asas etnik dan budaya yang berbeza memerlukan pembentukan asas baru bagi perpaduan kebangsaan. Mujurlah bagi Malaysia, bapa-bapa pengasas berupaya mencapai persetujuan besar terhadap asas bagi perpaduan ini. Kontrak sosiopolitik ini menyatupadukan warganegara Malaya dan dengan beberapa perubahan kecil, ia turut diterima oleh rakyat Sabah dan Sarawak ketika Malaysia dibentuk.

Penerimaan ini adalah benar dan ikhlas. Kita telah melalui banyak ranjau dan ujian. Pada 1969, kita benar-benar diuji. Tetapi kita mengharungi dengan jaya. Malah, kita belajar bagaimana mengawal perasaan dan menguruskan diri kita dengan lebih baik. Kita melihat beberapa negara di dunia hari ini yang gagal mengatasi kesetiaan etnik dan menanggung akibat daripada konflik keganasan yang tidak menguntungkan sesiapa.

Pada masa ini, banyak negara yang berpecah kepada negara kecil dan kuasa yang lemah dan mungkin kekal bermusuhan di antara satu sama lain walaupun selepas setiap satu mendapat kebebasan masing-masing. Tetapi kita sudah mendapat persetujuan ini sejak mencapai kemerdekaan dan penubuhan Malaysia. Kita memuliakannya dalam Perlembagaan Persekutuan dan kemudian dalam Rukunegara. Secara bersama, mereka menetapkan sifat politik untuk negara, kedudukan politik dan sosial pelbagai kaum, matlamat strategik negara serta prinsip dan nilai bersama yang akan dipatuhi oleh rakyat Malaysia dalam memburu matlamat ini.

Persetujuan ini tidak dapat dicapai tanpa cabaran, juga ia tidak hidup tanpa dugaan. Ketika itu, ada komunis yang telah dan masih menjadi pelampau. Untuk satu jangka masa singkat, kita telah terpaksa menggantung Parlimen untuk menyelamatkan negara. Dalam lain perkataan, kita terpaksa menjadi tidak demokratik dalam usaha menyelamatkan demokrasi kita. Dan oleh kerana kita bertindak dengan cepat dan tegas, kita dapat berbalik semula kepada persetujuan asal yang sudah terbukti sebagai usul yang 'viable dan komprehensif.

Saya yakin bahawa ikatan asas sosial ini yang telah kita lalui selama lebih 30 tahun akan terus membantu kita dalam tiga dekad berikut ini.

Tetapi bagi membangunkan bangsa yang membabitkan masyarakat majmuk dengan latar belakang sejarah, etnik, linguistik, agama, kebudayaan dan geografi, adalah sesuatu yang menuntut lebih daripada memupuk persetujuan atas sifat asas sesebuah negeri atau negara.

Ia meliputi perkongsian pengalaman sejarah, perkongsian nilai, mempunyai perasaan berkongsi identiti dan masa depan yang melangkaui batas kaum tanpa melemahkan identiti kaum itu sendiri, kesetiaan, komitmen dan mempunyai ikatan emosi terhadap negara dan memelihara adat budaya negara dengan teguh. Kemunculan semua faktor ini turut membabitkan pelbagai prasyarat.

Satu daripadanya ialah masa. Kita tidak boleh berkongsi pengalaman bersejarah atau mengembangkan asas yang lain kecuali dengan memberi masa. Banyak negara di dunia hari ini yang wujud sejak beberapa dekad, malah berkurun-kurun lamanya dari Malaysia, masih tidak dapat menyelesaikan masalah perpaduan di negara mereka. Kita mesti juga ingat, masalah awal mereka kurang rencam dan tidak beraneka jenis seperti di Malaysia. Oleh itu, pembinaan bangsa adalah proses berterusan dan apa yang kita ada sekarang adalah hasil usaha kita sejak 30 tahun lalu.

Menjelang tahun 2020, kita akan meninggalkan 30 tahun lagi di belakang kita. Selepas enam dekad, jika kita berjaya menjalankan proses pembinaan bangsa dengan teliti, sempurna dan tanpa masalah besar, kita akan melangkah dua kali ganda daripada yang sudah kita tempuhi setakat ini.

Kita mungkin berkongsi 60 tahun pengalaman sejarah, membentuk masa depan bersama, menanam nilai dan tanggapan yang sama, menyatukan rakyat dengan satu bahasa dan mengembangkan budaya, identiti dan kepercayaan

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA MINGGU BERTARIKH 02 FEB 1992

● Dari Muka 8

Malaysia yang unik tanpa sebarang paksaan, yang menjadi asas kepada persekitaran Malaysia yang membezakan kita daripada negara dan rakyat lain.

Jika kita masih lagi belum menjadi negara matang pada masa itu, kita sekurang-kurangnya sudah berada di landasan menuju ke arah negara bangsa yang sihat.

Bagaimanapun, semua ini hanya akan tercapai jika kita mengendalikan dengan baik pembinaan bangsa. Ini memerlukan kita menghormati tanggungjawab dan kewajipan masing-masing mengikut Perlembagaan, sama ada ia berkaitan dengan politik, kewarganegaraan, peluang sosioekonomi, bahasa, agama atau kuasa-kuasa pusat dan negeri. Ini adalah ikrar yang kita buat apabila kita mencapai kesepakatan. Pengakuan ini mestilah diteruskan, secara ikhlas dan sepenuhnya.

Dalam melaksanakan proses pembinaan bangsa, kita juga perlu menyusun semula ketidakseimbangan sosioekonomi di kalangan pelbagai kaum dan wilayah di negara ini.

Pertumbuhan adalah suatu yang mesti. Jika kita tidak berkembang, kita tidak akan mempunyai sumber untuk menyusun apa-apa. Tetapi penyusunan adalah perlu. Jika kita tidak melaksanakannya, kita akan menghancurkan diri sendiri, yang akan membantutkan sama sekali pertumbuhan negara.

Berdasarkan sebab ini, Malaysia memerlukan satu dasar pertumbuhan yang mampan dengan kesamarataan sebagai asasnya dalam usaha untuk mewujudkan satu asas yang kukuh bagi perpaduan negara. Kita sudah sampai ke satu arah yang sangat penting dalam usaha memperbaiki ketidakseimbangan yang berlaku sejak 30 tahun lalu. Mudah-mudahan pada tahun 2020, kita akan dapat menyelesaikan semua masalah ini.

Jika benar kita mampu mencapai matlamat ini tanpa mengorbankan pertumbuhan dan tanpa melemahkan hak setiap individu, saya berani katakan kita berjaya menyelesaikan satu masalah terbesar dalam perpaduan negara di negara ini. Tanggungjawab ini tidak hanya terletak di bahu kerajaan. Sektor swasta juga mempunyai peranan penting, terutama ketika kerajaan sedang menggalakkan penswastaan dan melonggarkan peraturan.

Sektor swasta patut berbincang bersama dalam memikirkan bagaimana mereka boleh meluaskan tugas dan tanggungjawab di bidang ini. Malah, kepentingan sektor swasta sendiri menyebabkan mereka menyumbang lebih dalam ini, sebagaimana perpaduan negara dan keharmonian kaum menjadi prasyarat kepada kestabilan politik menjadi amat penting kepada perniagaan.

Bagi Bumiputera, sudah jelas bahawa mereka berjaya membabitkan diri dalam sektor ekonomi yang moden dan mahir. Bagaimanapun, mereka perlu bekerja lebih gigih lagi untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam sektor ekonomi yang lebih dinamik dan menguntungkan.

Oleh kerana Malaysia semakin menuju ke arah perindustrian serta pembandaran dan menghala ke arah masyarakat maju, keperluan dan keutamaan mengubahsuai nilai-nilai psikobudaya dan sikap akan berkembang. Hanya apabila kita berubah, kita akan mempunyai daya saing. Hanya apabila kita berubah, kemajuan kita lebih mampan. Kita boleh berubah dan menyesuaikan diri tanpa mengetepikan nilai-nilai murni yang kita warisi; ini perlu kita kekalkan dan berbangga dengannya.

LIHAT MUKA 19

Bumiputera perlu menghargai ini. Dan mereka mesti berubah. Mereka tidak akan hilang identiti, sebaliknya keupayaan mereka akan dipertingkatkan.

Untuk melaksanakan proses pembinaan bangsa, kita juga memerlukan keamanan dan kestabilan. Kita perlu keamanan dan kestabilan untuk meneruskan dan mencapai matlamat strategik kita untuk menjadi bangsa yang bersatu tanpa halangan. Kita memerlukan keamanan dan kestabilan untuk merancang dan merangka dasar jangka panjang yang boleh dilaksanakan dalam tempoh yang lebih panjang.

Kita perlu keamanan dan kestabilan untuk pertumbuhan dan kemakmuran, mencapai persamaan dan keadilan sosioekonomi, memupuk dan memelihara nilai bersama dan memantapkan kesepakatan serta mengukuhkan semangat kesederhanaan, timbang rasa dan hormat menghormati.

Walaupun kita menikmati keamanan dan kestabilan sejak 30 tahun lalu, ia turut dicemari keganasan komunis, konfrontasi dan Peristiwa 13 Mei. Bagaimanapun, kita masih terus maju. Kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi kita menjadi impian dan model kepada negara lain di dunia. Bayangkan apa yang dapat kita capai dalam masa 30 tahun akan datang jika keamanan dan kestabilan kita lebih mantap. Kita mesti menolak unsur-unsur melampau dan tidak tolak ansur, huru hara dan ganggu gugat.

Semangat kaum dan agama memang mudah diapi-apikan. Sekali ia ditiup, sukar dipadamkan. Jika kita menyingkap semula sejarah, ia penuh dengan konflik dan perang atas nama bangsa dan agama. Jika dilihat di sekeliling kita hari ini, kita akan melihat banyak negara yang aman sejak beberapa dekad, kini musnah akibat pertelingkahan kaum etnik dan pergolakan agama.

Keadaan ini menyebabkan penyeksaan dan kehancuran yang tidak dapat digambarkan. Walaupun selepas keadaan kembali aman, parut sudah ditinggalkan manakala negara mereka kembali mundur.

Kita tidak mahu keadaan ini berlaku di Malaysia. Pada masa lalu, kita juga mengalami konflik bangsa dan agama. Pada satu ketika, hampir mengalami malapetaka. Jika boleh, kita tidak mahu melalui lagi lorong-lorong hitam itu.

Oleh itu, kita hadkan kegiatan tertentu. Isu yang dianggap sensitif dan boleh menyemarakkan kemarahan dilarang dalam perdebatan awam dan kontroversi. Walaupun ini dianggap pencabulan hak asasi manusia oleh orang asing, kita tidak perlu minta maaf kepada sesiapapun. Kita pasti mereka tidak akan berada di samping kita untuk memikul beban apabila negara dilumpuhkan oleh keganasan, atau memperbaiki semula kehancuran negara.

Had yang kita tetapkan terhadap hak asasi dan kebebasan adalah mengikut proses undang-undang dan demokrasi, dan kita mempunyai sistem demokrasi sihat dan stabil yang dapat dilaksanakan di samping mematuhi undang-undang.

Untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu kita juga memperkenalkan pelbagai dasar dan program sejak 30 tahun lalu selain Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Antaranya ialah Dasar Pendidikan Negara, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Perpaduan negara juga menjadi matlamat utama

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERITA MINGGU.....BERTARIKH 02

dalam dasar dan program seperti sukan dan perumahan. Dasar dan program ini juga menyumbang ke arah hubungan sosial yang sihat di kalangan pelbagai keturunan, berkongsi nilai dan pandangan bagi mewujudkan satu identiti dan budaya Malaysia di samping mengekalkan warisan etnik kita.

Saya yakin dalam tempoh 30 tahun lagi kita akan dapat mengusahakan dasar itu dan pelaksanaannya. Bagaimanapun, sudah tentu ada beberapa kelemahannya. Kita mesti memperbetulkannya dari semasa ke semasa sebagaimana yang kita lakukan pada masa lalu. Dasar yang tidak membawa hasil yang diharapkan, perlu dikaji semula. Kita mesti bersedia untuk mencipta dan menguji serta menerima perubahan keadaan dan keperluan.

Di samping mewujudkan 'Bangsa Malaysia' atau Kebangsaan Malaysia yang bersatu, kita juga mengenal pasti lapan cabaran utama lain untuk diatasi menjelang tahun 2020. Matlamat kita untuk mencapai negara Malaysia yang bersatu perlu diusahakan serentak dengan matlamat lain. Bahkan, usaha mencapai kejayaan semua sembilan objektif itu adalah saling berkait dan saling memerlukan.

Cabaran yang ada di hadapan kita adalah sangat besar. Untuk menggerakkan perubahan sosial yang sebegitu besar dalam skop yang luas memerlukan kreativiti, perancangan yang sempurna dan penyelerasan rapi.

Cabaran besar itu bagaimanapun tidak sepatutnya melemahkan kita. Dalam usaha mencapai matlamat itu, kita mesti mengukuhkan kekuatan kita. Kekuatan yang perlu diusahakan ialah keupayaan untuk menggalakkan kemajuan — kita diiktiraf sebagai salah satu negara yang mempunyai ekonomi dinamik — keupayaan kita untuk menerima dan mencapai persetujuan dalam pendekatan yang luas, sikap toleransi kita, cinta kita untuk keamanan dan kestabilan dan kehidupan demokratik kita. Kekuatan itu jika digunakan dengan baik, boleh membantu kita menghadapi cabaran pada masa depan.

Akhir sekali, rakyat sendiri yang akan menentukan sama ada Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu-padu menjelang tahun 2020. Dalam sistem demokrasi, rakyat berkuasa menentu dan mempengaruhi dasar dan program yang dilaksanakan. Kerajaan yang dipilih hanya boleh mengikut arah yang dipilih oleh rakyatnya dan bergerak pada tahap yang dikehendaki oleh rakyatnya.

Kita di sini bernasib baik. Rakyat Malaysia tidak kira bangsa mempunyai nilai dan sikap yang membantu Malaysia mencapai tahap perpaduan dan negara bangsa yang ada sekarang. Memang ada golongan pelampau tetapi secara keseluruhan rakyat Malaysia lebih mengutamakan negara, mencintai keamanan, pragmatik, suka menolong dan menghormati hak masing-masing berdasarkan undang-undang. Mereka juga mengutamakan kebebasan, kestabilan dan keadilan sosial.

Semua kualiti ini mesti dipupuk dan dikukuhkan di rumah kita, di sekolah, di tempat kerja dan dalam masyarakat secara keseluruhan bagi memperkukuhkan asas untuk mewujudkan negara yang bersatu dan sihat dalam tempoh tiga dekad akan datang. Fokus utama kita mestilah pada generasi sekarang dan yang akan datang, kerana mereka yang akan mentadbir dan mewarisi Malaysia pada tahun 2020. Di tangan mereka dengan restu Tuhan, kita serahkan arah tujuan negara ini.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 20 APR 1992

PERLUAS ANGGOTA ASEAN.

Daripada Ahmad Nazri Abdullah

HANOI, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan hasratnya untuk melihat sebuah masyarakat Asia Tenggara yang makmur, kukuh dan bekerjasama untuk keamanan, kemajuan dan kestabilan serantau.

"Malaysia menjangka satu kelahiran masyarakat Asia Tenggara yang penduduknya bebas melawat antara satu sama lain serta perdagangan dan pelaburan mengalir tanpa sebarang sekatan.

"Sebuah masyarakat Asia Tenggara dengan institusi bersama diwujudkan untuk melatih ahli sains dan cendekiawan supaya setanding dengan mereka di negara maju," katanya di majlis makan malam yang diberi oleh Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet, bagi meraikan lawatan beliau di sini malam ini.

Katanya, perkembangan dunia kini meyakinkan Malaysia bahawa negara di rantau ini tidak mempunyai pilihan kecuali bekerjasama rapat bagi menghadapi kumpulan politik dan ekonomi di Amerika dan Eropah.

Dengan merujuk pakatan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan Pakatan Eropah Bersatu, Perdana Menteri menegaskan negara di rantau ini perlu segera bekerjasama dan merancang masa depan berdasarkan kepentingan bersama kerana kedua-dua pakatan itu mengutamakan kepentingan mereka sendiri.

Dr Mahathir yakin, apabila keanggotaan Asean diperluas kepada 10 negara (Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar), hasrat mewujudkan sebuah masyarakat Asia Tenggara yang kuat dan stabil, boleh tercapai.

DR MAHATHIR
...tiada pilihan

Vietnam dan Laos sudah menyatakan kesediaan menandatangani perjanjian persahabatan dan kerjasama Asean, manakala dua lagi, Myanmar dan Kemboja dijangka menyertainya selepas keadaan mereka stabil.

Mengenai hubungan dua hala, Dr Mahathir mengulangi janji Malaysia untuk berkongsi pengalaman pembangunannya dengan Vietnam dan memberi bantuan di bidang teknologi getah, pengurusan pentadbiran dan teknikal.

"Kita lakukan semua ini dengan semangat persahabatan dan kerjasama serta kepercayaan penuh bahawa jiran yang stabil dan makmur akan menyumbang kepada keselamatan dan keamanan serantau.

"Kami juga yakin, Vietnam benar-benar ikhlas ingin hidup dalam aman dan bekerjasama dengan jirannya serta menjadi anggota Asia Tenggara yang bertanggungjawab," tegasnya.

Mengenai dua isu yang masih belum diselesaikan, iaitu soal orang pelarian dan tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Dr Mahathir yakin dengan adanya semangat persefahaman dan persahabatan, kedua-dua isu itu dapat diselesai dengan cepat.

Perdana Menteri dan rombongannya tiba jam 2 petang waktu Malaysia dan disambut oleh rakan sejawatnya, Vo Van Kiet.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluannya, Van Kiet melahirkan keyakinan beliau hubungan persahabatan dan kerjasama kedua-dua negara akan mencapai kejayaan cemerlang pada masa depan.

Turut mengikuti rombongan Perdana Menteri ialah empat menteri, iaitu Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu.

Selain itu, turut serta ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Osman Aroff, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 25 APR 1992

Buka zon proses eksport: PM

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

SUBANG, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebuah konsortium mengandungi beberapa syarikat tempatan akan diwujudkan bagi membuka zon pemprosesan eksport, sama dengan konsep zon perdagangan bebas, di Vietnam.

Menurutnya, kerajaan Vietnam mempelawa usahawan Malaysia membuka zon pemprosesan eksport di negara itu dan menawarkan pilihan beberapa kawasan yang luas dan mencukupi.

Perdana Menteri menyifatkan lawatan ke Vietnam sebagai yang terbaik dan paling berjaya berbanding lawatan perdagangan ke negara lain sebelum ini.

"Lawatan ini amat berjaya kerana kita dapat menjalin hubungan baik serta menandatangani beberapa perjanjian di antara kerajaan dan kerajaan. Kejayaan ini jelas di segi ekonomi dan politik, umpamanya kita berjaya mencapai persetujuan untuk membincangkan masalah tuntutan bertindih di Laut China Selatan secara damai.

"Sebanyak 20 perjanjian perdagangan di antara syarikat Malaysia dengan syarikat Vietnam juga berjaya ditandatangani," katanya kepada pemberita setibanya bersama rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengetuai rombongan 127 pegawai peringkat tertinggi kerajaan yang turut disertai kira-kira 100 ahli perniagaan tempatan.

Ikut sama dalam rombongan itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu dan Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid.

Perdana Menteri berkata, lawatan lima hari itu membolehkan Malaysia mengenal pasti jenis barang yang boleh diimport, perkhidmatan serta jenis pelaburan dari negara ini yang sesuai dipasarkan di negara itu.

"Lawatan ini juga membolehkan saya melihat keadaan sebenar Vietnam yang berbeza daripada jangkaan saya, iaitu kegiatan perdagangan swasta, sama ada di segi runcit atau perniagaan besar memang banyak, terutama di Saigon.

"Vietnam dalam proses inovasi memperkenalkan pelbagai jenis perniagaan swasta yang suatu masa dulu tidak dibenarkan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, masalah kekurangan wang tunai yang dialami Vietnam tidak menjadi masalah besar kepada hubungan perdagangan kedua-dua negara.

"Ini (kekurangan wang tunai) tidak akan menjadi masalah besar kerana pada masa sekarang pun negara lebih banyak membeli daripada mengeksport ke sana.

"Setelah mengenal pasti barang yang boleh dibeli dan dipasarkan di sana, kita akan mengadakan perdagangan timbal balas dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala dengan Vietnam," katanya.

Mengenai tawaran Malaysia untuk melatih pelarian Vietnam yang berada di negara ini sebelum dihantar pulang, Perdana Menteri berkata, terpulang kepada kerajaan Vietnam untuk menyambut tawaran itu.

"Malaysia hanya mengemukakan cadangan saja. Bagaimanapun, mereka mungkin tidak senang hati jika kita menumpukan kepada pelarian yang ada di negara ini saja, sedangkan rakyat mereka di sana banyak yang tidak mempunyai pekerjaan," katanya.

Kadar pengangguran di Vietnam ialah kira-kira 20 peratus daripada jumlah pekerja di negara itu.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

28 APR 1992

UTUSAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

UTARA GUNA ALAM SEKITAR SEKAT KEMAJUAN SELATAN

-DR. M.

UCAPAN Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir merasmikan Persidangan Peringkat Menteri Kedua Negara-Negara Membangun Tentang Alam Sekitar Dan Pembangunan (UNCED) di Kuala Lumpur pada 27 April 1992.

SAYA ingin mengucapkan selamat datang kepada anda ke Malaysia. Saya dan rakyat Malaysia yang lain berasa bertuah kerana berpeluang menjadi tuanrumah kepada Persidangan Peringkat Menteri Kedua Negara-Negara Membangun Tentang Alam Sekitar dan Pembangunan.

Adalah benar-benar dikesali bahawa meskipun sudah dua tahun persiapan dibuat bagi persidangan UNCED ini, isu-isu dan masalah-masalah utama masih belum dapat diselesaikan lagi. Saya difahamkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Persiapan UNCED yang keempat dan terakhir, yang tamat di New York awal bulan ini, agak tidak begitu memuaskan dari segi komitmen. Di samping terdapat beberapa kemajuan yang dikenalpasti dalam beberapa aspek, sehingga ini masih belum terdapat hidangan seimbang tentang isu-isu alam sekitar dan pembangunan.

Isu-isu kewangan masih belum dapat diselesaikan. Selatan sungguh-sungguh kecewa bahawa Utara tidak bersedia untuk bertindak balas sama ada dari segi quantum atau komitmen-komitmen tangible yang lain. Jika pihak Utara yang kaya mengharapkan negara miskin untuk membayar bil bagi alam sekitar yang lebih bersih, Rio akan menjadi satu gelanggang yang tidak menghasilkan apa-apa.

Mesti diingati UNCED juga adalah tentang pembangunan. Tidak akan ada pembangunan jika negara-negara miskin tidak dibenarkan untuk menerokai kekayaan semula jadi mereka.

Satu-satunya cara bagi mereka untuk membangun dan mengelakkan kerosakan kepada alam sekitar ialah untuk mereka untuk menerima bantuan kebendaan besar-besaran. Meminta si miskin membantu si kaya adalah bertentangan dengan semua prinsip kemanusiaan tentang kebajikan dan kesaksamaan.

Juga kemajuan tentang isu ini dikompromikan oleh desakan Utara bahawa Kemudahan Alam Persekitaran Global (Global Enviromental Facility, GEF) dijadikan mekanisme tunggal untuk membiayai projek-projek alam sekitar dalam rangkakerja keputusan-keputusan yang akan dibuat di Rio, di samping bagi Konvensyen Tentang Perubahan Iklim dan Kepelbagaian Biological. Isu mentadbirkan adalah satu bidang kritikal di bawah rundingan.

Jika GEF hendak dijadikan satu mekanisme pembiayaan yang betul selepas Rio, satu transformasi besar tentang GEF mesti berlaku untuk menjadikannya lebih demokratik dengan keanggotaan sejagat yang mempunyai akses dan pengagihan di bawah kriteria yang telah dipersetujui.

Barangkali boleh dihujah bahawa UNCED adalah terlalu ambisus bagi satu perjanjian-perjanjian total yang bermakna yang boleh dicapai menjelang Kemuncak Rio nanti. Tentunya, isu-isu yang terlibat adalah terlalu kompleks dan mesyuarat ketua-ketua kerajaan tidak dapat menyelesaikan perincian lanjut yang rumit. Mereka, iaitu ketua-ketua, selalu tidak berunding syarat-syarat treati atau perjanjian. Mereka biasanya mengesahkan dan memformalkan apa yang telah dirundingi oleh pakar-pakar dan pegawai mereka yang kemudian diperbaiki oleh para menteri mereka.

Kerana itu, mesyuarat-mesyuarat persiapan adalah lebih crucial daripada mesyuarat ceromonial ketua-ketua kerajaan. Kegagalan pada peringkat persiapan akan meletakkan seluruh rundingan dalam bahaya.

Jika kita berfikir bahawa kejayaan UNCED boleh dibahaskan, mengapa kita bertemu hari ini? Kita bertemu hari ini kerana UNCED boleh diselamatkan sekurang-kurangnya separuh jika negara-negara membangun berupaya untuk mempunyai satu pandangan yang lebih jelas tentang apa yang diharapkan dan apakah pendirian bersama yang boleh diambil.

Perkara rujukan asas bagi Selatan ialah resolusi konsensus Bangsa-Bangsa Bersatu 44/228 yang dengan ketara memberi petanda pakej global yang diharapkan; satu Piagam Dunia yang mempunyai import pengisytiharan yang tinggi; satu program tindakan global yang dipanggil Agenda 21; satu keputusan spesifik tentang sumber-sumber kewangan tambahan untuk membiayai Agenda 21; satu keputusan tentang pemindahan teknologi pada kadar keutamaan; satu kenyataan prinsip mentadbir pengurusan kesemua hutan dan satu struktur institusi antara kerajaan untuk mengawasi susulan terhadap UNCED.

Juga terdapat persetujuan bahawa menjelang Rio, rundingan-rundingan bagi konvensyen tentang perubahan iklim dan kepelbagaian-bio akan disempurnakan. Kejayaan kemuncak Rio hanya boleh diukur andainya terdapat pencapaian-pencapaian signifikan dalam kesemua bidang ini, dalam konteks satu global pakej, bukannya dari segi kemajuan satu isu dan mengabaikan yang lain.

Satu struktur institusi antara kerajaan di bawah penyeliaan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan berguna jika tidak ada persetujuan sebenar terhadap isu-isu kritikal di atas. Begitu juga, apa gunanya terdapat satu Piagam Dunia jika tidak terdapat kemajuan sebenarnya tentang isu-isu kritikal berkait kewangan dan teknologi?

Pada dasarnya, rundingan-rundingan untuk persiapan ke arah Rio mencerminkan cubaan berterusan oleh Selatan untuk membawa Utara ke meja rundingan bagi mengatasi pertumbuhan dan pembangunan Selatan yang telah diabaikan selama empat dekad.

Ketakutan oleh Utara terhadap pemburukan alam sekitar telah memberi Selatan satu landasan yang tidak dimiliki sebelum ini. Adalah memang wajar bagi kita untuk mengambil pendekatan cara ini. Melainkan terdapat satu perkongsian kawalan-kawalan dalam asas yang lebih luas dan struktur kawalan yang lebih demokratik dan satu iklim ekonomi antarabangsa yang lebih suportif, untuk selama-lamanya gelanggang permainan tidak akan menjadi sesuatu yang rata. Selama-lamanya Selatan akan berada paling bawah dalam timbunan.

Sama ada kita suka atau tidak, negara-negara Utara yang maju, setelah memusnahkan warisan mereka, mahu mengisytiharkan apa yang masih tinggal terpelihara di negara-negara membangun juga menjadi milik mereka.

Sebagai akibat, mereka akan mendesak untuk mempunyai lebih daripada suara dalam pengurusan aset ekological yang masih tinggal di dunia. Dan bila negara Utara yang kuat bercakap, suara negara-negara membangun akan tenggelam. Keadaannya adalah berbeza jika mereka bersatu dengan satu suara yang kuat di Rio.

Sebagai ilustrasi, mari kita ambil kes membalak hutan-hutan tropika. Negara-negara maju tidak ada hutan tropika tetapi dengan melibatkan isu-isu alam sekitar mereka mahu mengawal penerokaan hutan-hutan di negara membangun. Kami di Malaysia cukup sedar akan peranan yang dimainkan oleh hutan-hutan tropika dalam memelihara kesimbangan rumit alam sekitar.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA 28 APR 1992

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

Kita juga sedar akan beribu-ribu jenis flora dan fauna yang ·rdapat cuma dalam hutan-hutan kita. Kami sedar bahawa ·okok-pokok menyerap karbon dioksida dan mengeluarkan emula oksigan yang amat bernilai yang tanpanya kita semua akan nati.

Tetapi kita juga benar-benar sedar bahawa kami juga ialah ·ebuah negara membangun yang memerlukan kekayaan yang ersimpan dalam hutan-hutan kami. Kami tidak menebang pokok-ɔokok secara bodoh. Kami memerlukan ruang untuk hidup, kami ɔerlu ruang untuk pertanian, dan kami memerlukan wang dari ualan kayu. Jika demi kepentingan negara kaya yang kami tidak ɔerlu menebang pokok-pokok kami, maka mereka hendaklah memberi pampasan bagi kehilangan pendapatan.

Jika kami terpaksa berkhidmat untuk keperluan oksigan dunia, bagi keseimbangan ekologikal, maka kami mesti diberi pampasan secara adil. Atau jika tidak, beri kami hak kepada kekayaan kayu-kayan kami

Utara yang demokratik begitu hebat bercakap tentang pampasan yang adil. Mereka memberitahu para pekerja kami supaya mogok untuk mendapat pampasan yang adil sekalipun ia menjahanamkan ekonomi kami. Jika kita terpaksa berkhidmat untuk keperluan oksigan dunia, bagi keseimbangan ekologikal, maka kami mesti diberi pampasan secara adil. Atau jika tidak, beri kami hak kepada kekayaan kayu kayan kami.

Tetapi sebaliknya apa yang telah dilakukan oleh Utara? Mereka melancarkan satu pemulauan kayu kayan kami. Mereka berhujah bahawa jika mereka tidak membeli, kami akan menghentikan penebangan pokok-pokok.

Betapa mudahnya iaitu anda boleh mengabaikan beribu-ribu orang yang hidup mereka bergantung atas industri kayu -kayan, dan jika anda boleh mengabaikan kehilangan pendapatan kerajaan yang kita gunakan untuk mensubsidi dan membantu rakyat kami, terutamanya golongan miskin.

Apa yang dilakukan oleh Utara bukan sekadar mahu memelihara hutan, tetapi mahu rakyat Malaysia membayarnya. Apakah ini adil?

Namun begitu penebangan kayu-kayan dengan mudah boleh dikurangkan tanpa kita perlu membayarnya. Jika negara kaya membayar harga kayu dua kali ganda lebih mahal, pembalakan boleh dikurangkan separuh. Begitulah mudahnya.

Mereka berkata bahawa kebanyakan wang dalam industri kayu -kayan dibuat di Utara yang kaya. Malaysia mendapat cuma sedikit daripada eksport balak mentahnya. Jadi mengapa eksport kayu kayan? Kita setuju sepenuhnya.

Tetapi penyelesaiannya bukanlah menghentikan pembalakan tetapi untuk menempatkan semula industri-industri memproses ke Malaysia supaya dengan itu kita mendapat lebih hasil nilai tokok. Kemudian kita boleh mengurangkan penebangan pokok tanpa kehilangan pendapatan. Memulaukan kayu-kayan Malaysia tidak akan membantu apa-apa. Sesungguhnya, jika kayu kayan kami tidak mempunyai nilai kepada kami, kita akan menebang pokok-pokok itu untuk dijadikan bahan bakar dan menggunakan tanah bagi pertanian.

Pada satu waktu dulu, planet kita ini diselaputi oleh hutan hampir sepenuhnya. Kita diberitahu bahawa padang pasir di mana terdapat simpanan besar petroleum pada satu waktu ialah paya dan hutan-hutan tropika. Jika kita benar-benar percaya pada keadilan dan perkongsian beban, mengapa tidak padang-padang pasir itu dan ladang-ladang luas di Eropah dan Amerika yang mengeluarkan makanan yang disubsidi yang tidak diperlukan oleh dunia ditanam semula dengan hutan?

Jika anda boleh menyedut air di dalam bumi untuk membina padang-padang golf dan ekslusif di padang pasir California, jika anda boleh mewujudkan tasik-tasik besar di tengah-tengah padang pasir untuk membina hotel-hotel mewah, tidakkah anda boleh menggunakan teknik yang sama untuk mengairkan padang pasir dan menghutankannya semula?

Hutan-hutan tropika yang baru boleh diwujudkan semula dengan flora dan fauda yang ditanampindah daripada hutan-hutan tropika kami. Mengapa orang di kawasan tropika saja yang harus menyimpan serangga-serangga yang membawa penyakit di dunia?

Kita tentu tidak mahu untuk memusnahkan semua padang pasir kita. Tidak ada siapa yang tahu apa pula malapetaka yang bakal menimpa jika kita melakukan itu. Tetapi ladang-ladang Eropah dan Amerika yang telah digondolkan daripada hutan-hutan kayu keras dan lembut pada masa silam dan hari ini menghasilkan makanan secara tidak efisyen, boleh dikembalikan kepada keadaan asalnya. Bahan-bahan tanaman, teknologi dan pakar-pakar semuanya ada untuk menjadikan projek ini satu kejayaan.

Harus diingat selalu bahawa bukan hanya pokok-pokok tropika yang boleh menyerap karbon dioksida dan mengeluarkan oksigen. Semua pokok, termasuk di estet-estet boleh melakukan tugas itu dengan sama baiknya.

Kebanyakan hutan-hutan tropika mempunyai kandungan perubatan dan kerana itu mestilah dipelihara. Sekali lagi, negara-negara kayalah yang mendapat faedah kerana mereka mempunyai teknologi untuk mengambil dan mengasingkan bahan-bahan aktif itu.

Apakah negara-negara miskin tropika diharapkan untuk mengekalkan hutan-hutan mereka bagi diperas oleh negara kaya melalui penguasaan sains mereka? Apa pula pampasan yang dipertimbangkan sebagai balasan?

Dalam rundingan-rundingan bagi satu Konvensyen Tentang Kepelbagaian-bio, Utara telah tidak menyambut baik akan cadangan-cadangan bagi penyelidikan bersama dalam negara-negara maju yang kaya dengan gene untuk mendapat faedah daripada teknologi hayat.

Dalam keadaan yang ada, si miskin mungkin tidak boleh meneroka kayu-kayan dan kekayaan daripada hutan mereka kerana Utara ingin mendapat faedah dari segi kewangan daripada potensi perubatan kayu-kayu tropika.

Tahun lalu, satu kawasan luas hutan di Indonesia dijilat api dan terbakar berbulan-bulan. Seluruh Malaysia telah diliputi oleh jerebu. Lebih dari pembalakan, kebakaran hutan memusnahkan segala-galanya. Tidak ada yang tinggal. Pokok-pokok, haiwan, serangga dan malah manusia terbunuh.

Jika hutan-hutan tropika begitu berharga kepada pencinta alam sekitar, maka kebakaran sepatutnya memberi kebimbangan lebih besar di kalangan mereka daripada pengeluaran terkawal balak. Kerajaan-kerajaan dan NGO sepatut segera memadamkan kebakaran itu. Tetapi mereka tidak bertindak. Alasannya ialah mereka telah tidak diminta membantu. Apakah mereka telah diminta untuk memerangi pembalakan? Namun mereka telah melancarkan satu kempen besar terhadap pembalakan.

Banyak yang boleh dibuat untuk mencegah dan memerangi kebakaran hutan. Negara kaya mempunyai satelit pengintipan untuk mengesan kebakaran dengan tepat. Mereka mempunyai peralatan memerangi kebakaran yang mahal dan sofistikated. Mereka mempunyai pakar-pakar yang boleh memadamkan kebakaran besar di Kuwait.

Tetapi mereka telah tidak berbuat apa-apa untuk menyelamatkan hutan yang mereka dakwa amat mereka sayangi. Kita tidak boleh dipersalahkan jika kita berfikir kempen menentang kayu tropika ialah kerana mereka bersaing dengan jayanya dengan kayu hutan temperet.

Kayu tropika yang dimusnahkan oleh kebakaran tidak mengacu apa-apa ancaman terhadap penjualan kayu iklim temperet tetapi kayu yang dibalak secara hati-hati, merupakan satu ancaman.

Jadi, kebakaran hutan tidak diendahkan tatkala kutukan keras dihalakan terhadap pembalakan hutan-hutan tropika.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 28 APR 1992

Apabila kempen anti kayu tropika tidak mendapat cukup perhatian, satu wajah kemanusiaan ditambah kepadanya. Penan adalah manusia lemah lembut yang patuh pada undang-undang berjumlah kira-kira 10 ribu orang.

Ladang kekal

Pada asalnya mereka adalah penanam-penanam dan pemburu yang berpindah-randah. Tetapi sembilan ribu daripada mereka sudahpun menetap di ladang-ladang kekal atau bekerja makan gaji. Cuma seribu orang masih tinggal di dalam hutan.

Jika mereka memilih untuk kekal tinggal di dalam hutan-hutan, ia adalah satu pilihan yang akan dihormati oleh kerajaan, tetapi pilihan ini mesti dipertimbangkan dengan betul. Pilihan ini mesti jangan dijadikan satu bahagian kempen anti kayu tropika Utara.

Aktivis anti kayu tropika melihat bahawa di dalam Penan memberi mereka satu peluang untuk meletakkan satu wajah kemanusiaan dalam kempen mereka memperjuangkan kayu temperet. Lantas orang Penan yang lemah lembut itu didesak menjadi militan, untuk membantah, menegakkan bloked dan menentang pihak berkuasa.

Jangan jadikan Penan ini satu isu. Perjuangkanlah kayu temperet jika mesti tetapi terimalah persaingan kayu tropika. Anda mencanangkan pasaran terbuka dan perdagangan bebas. Berpeganglah kepada kepercayaan anda. Jangan kaitkan perdagangan dan bantuan kepada negara-negara membangun dengan isu-isu alam sekitar. Hentikan pulasan tangan.

Sebaliknya marilah kita bekerjasama untuk melindungi dan memelihara alam sekitar. Tutup ladang-ladang yang tidak efisyen dan industri-industri yang mencemar dan tanam semula dengan hutan. Pindahkan pemerosesan produk-produk utama ke negara-negara membangun supaya pembangunan mereka boleh dimaksimumkan. Bantulah penghutanan semula padang-padang pasir di negara-negara kaya dan juga negara miskin. Selaraskan dan anjurkan pencegahan dan pemerangan terhadap kebakaran hutan di seluruh dunia. Bayar harga lebih bagi kayu tropika.

Ini semua adalah perkara-perkara positif yang boleh dibuat jika terdapat kejujuran dalam kempen untuk memelihara hutan tropika.

Kempen menentang kayu tropika adalah satu kes jelas akan satu kegunaan oportunistik tentang isu-isu alam sekitar. Jika tidak kerana ingin mencari kesempatan, tenaga para pencinta alam sekitar boleh difokuskan secara lebih berhabuan kepada pencemaran-pencemaran yang lain.

Ambil CFCs dan ken penyembor sebagai contoh. Banyak lagi penyemburan cara-cara lain yang tidak mencemar. Daripada menggunakan plastik yang diasaskan pada petroleum, gunakan plastik yang diasaskan pada minyak sayuran yang boleh dihancurkan secara hayat. Kurangkan penggunaan bahan bakar minyak dalam pengangkutan dan penjanaan elektrik. Benarkan projek-projek elektrik hidro yang munasabah.

Hentikan penggunaan bahan bakar nuklear sebagai tenaga. Lebih dari segala-galanya, haramkan pembuatan, penyimpanan dan penggunaan senjata nuklear.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

20 APR 1992

UTUSAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

Dr. M tingkatkan usaha majukan ekonomi Vietnam

ZAINUDDIN MAIDIN

Melaporkan daripada
HANOI

HANOI 19 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk meningkatkan lagi usaha Malaysia bagi membantu pembangunan ekonomi Vietnam.

Malaysia telah pun memberikan bantuan kepada negara ini di bidang teknologi getah, pengurusan, pentadbiran dan latihan teknikal.

Dengan penyertaan 107 orang yang mewakili pelbagai perusahaan dan perniagaan swasta di dalam rombongan Perdana Menteri itu, Vietnam melihat Malaysia secara bersungguh melibatkan pihak awam dan swasta bagi membantu pembangunannya.

Berikutan dengan kehancuran Soviet Union, Vietnam sekarang lebih mengharapkan bantuan dari negara-negara jiran yang maju di samping Jepun.

Sekalipun Singapura adalah merupakan negara ASEAN yang paling aktif dalam perdagangan dan terbesar jumlah dagangannya dengan Vietnam, tetapi Vietnam menganggap Malaysia yang mempunyai banyak kawasan luar bandarnya sebagai contoh yang paling sesuai bagi pembangunannya.

Malaysia juga telah meningkatkan lagi jumlah perdagangan dan penanaman modal di negara ini sejak dua tahun lalu dengan mengadakan usaha sama di dalam bidang perhotelan, carigali, perlombongan, pertanian dan perladangan serta pembinaan jalan raya.

Dr. Mahathir di dalam ucapannya di majlis makan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet malam ini menyatakan bahawa semuanya itu, "Kami lakukan

LIHAT MUKA 2

dengan semangat persahabatan dan kerjasama serta dengan kepercayaan penuh bahawa jiran-jiran yang stabil ekonominya dan makmur akan menyumbang secara positif terhadap keselamatan dan keamanan rantau ini.

"Kami melakukannya juga kerana yakin Vietnam benar-benar ikhlas ingin hidup dalam aman dan bekerjasama dengan jiran-jirannya serta menyertai sepenuhnya sebagai anggota masyarakat Asia Tenggara yang bertanggungjawab," katanya.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa berakhirnya konfrontasi Timur-Barat dan kemunculan satu kumpulan ekonomi dan politik yang baru di Eropah dan Amerika di mana masing-masing mengutamakan kepentingan sendiri dahulu menyebabkan lebih perlu dan segera bagi Asia Tenggara dan Asia Timur bekerjasama dan merancang masa depan berdasarkan kepentingan serantau.

Perlu disebutkan masalah yang masih wujud antara Vietnam dan Malaysia ialah soal orang pelarian Vietnam di Malaysia dan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Bagaimanapun sementara menunggu penyelesaian masalah itu Malaysia dan Vietnam telah mengambil langkah yang positif dengan menjalankan usahasama mencarigali.

Dalam masalah pelarian, Malaysia berharap Vietnam akan terus mengambil langkah bagi mengambil balik kira-kira 12,000 pelariannya yang masih ada di Malaysia.

Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet dalam ucapan balasnya malam ini menyatakan, "Saya percaya dengan sepenuh hati bahawa persaudaraan dan kerjasama antara kedua negara akan menyaksikan masa depan yang gilang gemilang."

Sementara itu, rombongan Perdana Menteri telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) pagi ini untuk lawatan rasmi enam hari itu.

Antara mereka yang menyertai rombongan beliau dalam lawatan itu termasuklah isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Rafidah Aziz.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 21 APR 1992

Mahathir rasmi pejabat Renong di Hanoi

HANOI, Isnin — Pejabat perwakilan Renong Berhad di Vietnam hari ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lorong Le Thai To di sini.

Dalam satu upacara ringkas, Perdana Menteri memotong riben dan membuka tirai plak yang mencatatkan nama Renong Berhad. Majlis itu turut dihadiri eksekutif kanan kumpulan Renong, termasuk Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Halim Saad dan Pengerusi Kinta Kellas, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Berucap di majlis itu, Dr Mahathir berkata, pembukaan pejabat perwakilan Renong itu adalah mercu tanda semangat keusahawanan dan keinginan untuk mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan antara negara di rantau Asia Tenggara.

"Ini sudah pasti menghasilkan peluang ekonomi lebih luas yang akan memberi faedah kepada Malaysia dan Vietnam," katanya.

Beliau berkata, keperluan untuk pembangunan sosial dan ekonomi di antara Malaysia dan Vietnam tidak akan terjejas walaupun proses pembangunan di kedua-dua negara pada masa ini tidak seimbang.

Perdana Menteri menegaskan dalam dunia yang dipengaruhi perubahan dinamik, penting segala usaha dan cara dipertimbangkan untuk mencapai dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

"Untuk berjaya, kita mesti berusaha sehingga di luar sempadan kita dan tidak teragak-agak untuk menghadapi risiko," katanya.

Menurutnya, kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Vietnam berdasarkan perbezaan di segi kelebihan perbandingan mempunyai peluang untuk menghasilkan keun-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 24 APR 1992

JANGAN CUBA TIPU VIETNAM - DR. MAHATHIR.

BANDAR RAYA HO CHI MINH 23 April — Kerajaan Malaysia tidak akan melindungi ahli-ahli perniagaannya yang cuba menipu dalam menjalankan perniagaan dengan Vietnam untuk mendapat keuntungan cepat.

Di dalam memberi amaran ini, Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, "mereka yang berbuat demikian akan dihantar balik ke Vietnam untuk menghadapi tindakan di bawah undang-undang negara ini."

Beliau menegaskan bahawa orang Vietnam mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap orang Malaysia. Oleh itu, jangan ada sesiapa cuba mencari keuntungan cepat sehingga sanggup menipu.

Beliau mahukan supaya perhubungan dan penanaman modal Malaysia di negara ini dianggap oleh semua pihak di Malaysia sebagai sesuatu yang kekal.

Beliau menyatakan demikian ketika bercakap dalam persidangan akhbar khusus untuk wartawan Malaysia apabila ditanya tentang kemungkinan ada ahli perniagaan Malaysia yang cuba menjual barang-barang buruk sebagai barang baru kepada Vietnam yang masih baru dalam dunia perniagaan bebas.

Dr. Mahathir berkata, ada kemungkinan perkara ini berlaku dan itulah sebabnya beliau telah pun mengingatkan ahli-ahli perniagaan Malaysia sebelum tiba di sini supaya jangan melakukan perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan orang-orang Vietnam.

"Kiranya ada di antara kita yang cuba menipu, maka ia akan memberi kesan buruk kepada kita. Maka amat penting kita tidak menipu sesiapa.

"Kalau ada yang melakukannya, kita akan mengambil tindakan, kita akan hantar balik mereka ke sini untuk menghadapi tindakan di negara ini," tegasnya.

Dr. Mahathir juga menyatakan keyakinan bahawa Malaysia akan dapat bersaing dengan negara-negara lain di dalam menjalankan kegiatan perniagaan di Vietnam sekalipun Malaysia sekarang berada pada nombor sebelas dari sejumlah 34 negara asing yang membuat pelaburan di negara ini.

Katanya, Malaysia mempunyai kelebihan dari negara-negara lain kerana Vietnam menganggap Malaysia sebagai contoh yang lebih tepat kepada pembangunan negara mereka dan mereka lebih cenderung kepada kita.

"Walaupun kita ketinggalan, tetapi kita akan dapat bersaing dan setanding dengan negara-negara lain," katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi ahli-ahli perniagaan dari negara-negara lain datang ke sini dengan usaha mereka sendiri, tetapi kita memberikan sokongan kepada ahli-ahli perniagaan kita.

Ketika ditanya berapa lamakah ahli-ahli perniagaan kita akan terus bergantung kepada kerajaan, Dr. Mahathir berkata, "inilah salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan kedatangan ahli-ahli perniagaan kita ke negara ini.

"Mereka menunggu dorongan kerajaan sehingga ada barang-barang buatan Malaysia yang dieksport ke negara ini menerusi negara jiran," katanya.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, akhir-akhir ini telah nampak perubahan sikap peniaga dan pengusaha Malaysia. Mereka mula sanggup keluar mencari pasaran di Indo-China dan lain-lain malah ada yang ke Angola walaupun kerajaan belum pergi.

Beliau juga melihat sistem sosialis yang masih ada di Vietnam tidak akan mejadi penghalang kepada kegiatan ekonomi pasaran di negara ini, kerana Vietnam sendiri sudah tidak percaya sistem ekonomi Soviet Union akan berjaya malah menyebabkan kemerosotan ekonomi.

"Mereka menerima konsep pasaran terbuka, tetapi mereka belum mempunyai pengalaman, tiada perintis dan pengurus yang cekap.

"Pokoknya mereka sedar dan sedang berusaha untuk meningkatkan kemampuan mereka," katanya.

Daripada segi politik pula, Dr. Mahathir melihat bahawa sekalipun pemerintahan satu parti yang masih wujud di negara ini tidak memberi kuasa kepada seseorang menjadi diktator, tetapi berbagai peringkat jawatankuasa pemerintahan telah menyebabkan kelewatan dalam membuat keputusan.

Dr. Mahathir juga tidak melihat soal tidak boleh memiliki tanah di bawah undang-undang Vietnam sebagai suatu halangan kepada peniaga-peniaga Malaysia.

"Kita harus ingat sekalipun undang-undang ini masih wujud, tetapi ramai pelabur-pelabur asing yang telah pun datang ke sini dan memiliki tanah," ujarnya.

Beliau berkata, tidak jauh bezanya undang-undang ini dengan Malaysia. Di Malaysia juga kita tidak lagi memberikan hak milik tetap sebaliknya memberikan pajakan setinggi-tingginya 99 tahun.

"Perbezaannya ialah mereka hanya memberikan dari 15 tahun kepada 30 tahun dan sehabis lama ialah 50 tahun, tetapi tidak boleh dijual kepada orang lain untuk mengelakkan dari berlaku spekulasi dan bagi memastikan siapa yang mendapat tanah menggunakannya," tambahnya.

Dr. Mahathir yang akan menamatkan lawatan lima harinya ke sini esok telah menyifatkan lawatannya itu sebagai berjaya dari semua aspek kerajaan dan swasta.

Antara lain tiga kejayaan yang disebutkan oleh beliau ialah:

+ Dalam masalah perhubungan dua hala dan antarabangsa, kedua pihak bersetuju untuk menyelesaikan semua masalah yang timbul menerusi rundingan.

+ Dapat mengenali cara Malaysia boleh memainkan peranan membantu Vietnam di dalam pembangunan semula selepas perang.

+ Kerajaan dapat mengenalpasti latihan dan bantuan yang boleh diberikan kepada Vietnam dan swasta pula dapat mengenal pasti projek-projek usahasama dengan agensi Vietnam.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA 25 APR 1992

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

Malaysia akan tubuh konsortium bina kilang di Vietnam

SUBANG 24 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan menubuhkan konsortium yang terdiri daripada syarikat-syarikat swasta untuk membina kilang di kawasan perdagangan bebas Vietnam.

Katanya, apa yang memberangsangkan sepanjang lawatannya ke Vietnam ialah persetujuan republik itu untuk membentuk kawasan perdagangan bebas untuk syarikat-syarikat Malaysia.

Bercakap pada sidang akhbar sekembalinya beliau ke tanar air selepas lawatan rasmi enam hari ke Vietnam, Dr. Mahathir menambah, Vietnam telahpun membentuk beberapa kawasan seumpama itu dan Malaysia telah mendapat salah satu tempat yang strategik.

"Peluang ini perlu direbuti oleh syarikat-syarikat Malaysia," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, lawatan enam harinya ke Vietnam adalah yang paling berjaya dalam kebanyakan lawatan kerja ke luar negara.

Ini kerana banyak isu dan perkara telah dapat diselesaikan termasuklah perjanjian di antara kerajaan dengan kerajaan dan juga pihak swasta, ujarnya.

Jelas beliau, antara isu menarik yang berjaya dalam rundingan antara kedua-dua buah negara termasuklah mengeratkan kembali hubungan politik, menyelesaikan pertindihan kawasan perairan dan persetujuan rundingan secara damai mengenai semua masalah sempadan laut.

Mengenai usahasama perdagangan pula, beliau berkata, lebih 20 perjanjian perdagangan telah dibuat di antara kedua-dua buah negara.

"Pertama kita telah mengenal pasti barang-barang yang boleh kita beli dan kedua kita akan mengadakan kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan.

Dr. Mahathir juga berkata, lawatannya itu membolehkan beliau melihat keadaan di Vietnam yang sama sekali berbeza dari jangkaan awalnya.

Kata beliau, semua aktiviti perdagangan baik dalam perniagaan runcit dan besar terutama dari sektor swasta meningkat beberapa kali ganda.

"Keadaan tidaklah seperti dahulu lagi di mana pada masa itu tidak ada syarikat-syarikat persendirian tetapi sekarang mereka dalam proses inovasi dan pihak swasta benar-benar bergerak pantas dalam perniagaan," kata Dr. Mahathir.

Dalam satu perkembangan lain pula, Dr. Mahathir berkata, beliau gembira kerana para peniaga Malaysia kini berani meneroka jauh sehingga ke Angola.

Ditanya apakah bentuk perniagaan yang dijalankan oleh rakyat Malaysia di negara itu, Perdana Menteri berkata, di Angola para peniaga Malaysia telah memulakan satu projek yang kena mengena dengan perumahan.

Di Zimbabwe dan Tanzania pula, kata beliau, Sime Darby telahpun membuka kilang.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 28 APR 1992

BARAT PATUT HENTIKAN SIKAP 'TALAM DUA MUKA'.

SEDUTAN ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Persidangan Peringkat Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang kedua di Kuala Lumpur, semalam.

PERSIAPAN bagi Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) sudah dijalankan sejak dua tahun lalu, tetapi beberapa isu dan masalah utama masih belum diselesaikan. Saya difahamkan bahawa mesyuarat persiapan yang keempat dan terakhir di New York awal bulan ini adalah amat tidak memuaskan, terutama di segi komitmen peserta. Walaupun ada kemajuan dicapai dalam beberapa aspek, masih wujud ketidakseimbangan mengenai isu alam sekitar dan pembangunan.

Masalah kewangan masih belum diselesaikan. Negara-negara Selatan tidak puas hati dengan sikap negara Utara yang enggan menunjukkan komitmen di segi material. Sekiranya negara Utara mengharapkan negara miskin membiayai usaha memelihara alam sekitar, maka Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil akan menjadi siasia. Kita mesti sedar bahawa Unced juga mencakupi soal-soal pembangunan. Pembangunan tidak akan terhasil jika negara miskin tidak diberi kesempatan untuk menggunakan kekayaan sumber aslinya. Satu-satunya cara bagi mereka untuk membangun tanpa merosakkan alam sekitar ialah dengan menerima bantuan daripada negara kaya. Meminta negara miskin untuk membantu negara kaya adalah sama sekali bertentangan dengan prinsip kemanusiaan.

Kemajuan mengenai isu ini dikompromi dengan desakan negara Utara mengenai fungsi Kemudahan Persekitaran Sejagat (GEF) sebagai satu-satunya mekanisme untuk membiayai projek alam sekitar dan juga Konvensyen Mengenai Perubahan Cuaca dan Kepelbagaian Biologi (*Conventions on Climate Change And Biological Diversity*). Bidang penting yang masih perlu dirundingkan ialah isu siapa yang akan mentadbir. Jika GEF akan menjadi satu lagi mekanisme tabungan sesuai selepas persidangan Rio, GEF perlulah diubahsuai supaya ia lebih berbentuk demokratik dengan keanggotaan lebih universal dan kemasukan dan pembayaran berdasarkan kriteria dipersetujui.

Barangkali hasrat Unced untuk mencapai persefahaman menyeluruh sebelum menjelangnya persidangan di Rio adalah terlalu tinggi. Isu-isunya terlalu kompleks dan mesyuarat ketua-ketua kerajaan juga mungkin tidak dapat menyelesaikan butir-butir kompleks. Mesyuarat ketua-ketua kerajaan selalunya tidak membincangkan mengenai perjanjian, sebaliknya hanya mengesahkan apa yang sudah dibincangkan oleh pegawai dan pakar masing-masing dan diluluskan oleh menterinya. Oleh itu, seharusnya mesyuarat persediaan diberi tumpuan lebih berbanding mesyuarat ketua-ketua kerajaan kerana pada mesyuarat itulah perkara pokok dibincangkan dan keputusan menyeluruh dibuat. Jika mesyuarat persediaan gagal, keseluruhan mesyuarat boleh dianggap tidak berjaya.

Jika kita menganggap kejayaan Unced boleh dipertikai, mengapa kita masih bermesyuarat di sini? Kita berada di sini kerana kita yakin Unced boleh diselamatkan jika negara membangun mempunyai pandangan yang jelas mengenai apa yang boleh dijangkakan dan boleh mengambil pendirian yang sama.

Rujukan asas bagi negara Selatan ialah persetujuan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perkara 44/228 yang dengan jelas menetapkan apa yang dijangkakan oleh dunia: Piagam Dunia Mengenai Pengisytiharan Import, program tindakan sejagat yang dikenali sebagai Agenda 21, keputusan khusus mengenai sumber kewangan tambahan bagi membiayai Agenda 21, keputusan mengenai pemindahan teknologi pada kadar yang dipersetujui, keputusan bersama mengenai pengurusan hutan dan struktur institusi antara kerajaan bagi mengawasi perkembangan selanjutnya untuk dihantar kepada Unced. Perjanjian juga sudah dibuat bahawa sebelum bermulanya persidangan Rio, rundingan bagi konvensyen perubahan cuaca dan kepelbagaian biologi akan diselesaikan. Persidangan Rio hanya akan berjaya jika semua perkara berkenaan dapat diselesaikan sebagai satu pakej dan bukannya menyelesaikan satu isu tetapi tidak mengendahkan isu lain. Kewujudan institusi antara kerajaan yang terletak di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan memberi sebarang makna jika isu-isu kritikal berkenaan tidak dapat diselesaikan. Dalam hal itu juga, apalah gunanya mempunyai Piagam Bumi (Earth Charter) jika pada hakikatnya tidak ada perkembangan di segi kewangan dan teknologi?

Pada dasarnya, rundingan bagi persiapan Rio membayangkan usaha berterusan negara Selatan untuk membawa negara Utara ke meja rundingan bagi membincangkan masalah pertumbuhan dan pembangunan yang tidak diendahkan olehnya sejak empat dekad lalu. Kebimbangan negara Utara mengenai kemusnahan alam sekitar memberi ruang kepada negara Selatan untuk memulakan rundingan yang sebelum ini tidak wujud. Kini sudah sampai masanya bagi semua negara bertanggungjawab bersama-sama menjaga keadaan alam sekitar antarabangsa dan bukannya mengharapkan kepada sesuatu pihak saja.

Sama ada kita sedar atau tidak, negara membangun di Utara kini mulai menuntut apa yang masih ada di negara sedang membangun sebagai hak mereka, setelah mereka merosakkan apa yang ada di negara sendiri. Akibatnya, mereka akan mendesak untuk mempunyai lebih daripada hak dalam pengurusan aset ekologi dunia yang masih wujud. Dan apabila negara Utara yang berkuasa mulai menyuarakan pendapatnya, suara negara sedang membangun akan tenggelam. Keadaan ini akan berubah jika mereka dibenarkan bersuara sebagai satu kumpulan yang kukuh di Rio.

Untuk memperjelaskan perkara ini, kita boleh melihat kes pembalakan kayu tropika. Negara membangun tidak mempunyai hutan tropika tetapi dengan terbabit dalam isu alam sekitar, mereka berharap dapat mengawal eksploitasi hutan oleh negara sedang membangun. Kami di Malaysia sedar mengenai peranan hutan tropika dalam mengawal keseimbangan alam seki-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 28 APR 1992

tar. Kami juga tahu bahawa kebanyakan spesis flora dan fauna hanya boleh didapati di hutan tropika negara ini. Kami juga sedar bahawa pokok menyerap karbon dioksida dan mengeluarkan oksigen kerana tanpanya kita semua akan mati.

Tetapi sebagai negara sedang membangun, kami juga perlu menikmati hasil daripada kekayaan sumber hutan. Kami tidak menebang pokok membuta-tuli. Kami memerlukan ruang untuk mendirikan rumah, ruang untuk menjalankan kegiatan pertanian dan kami juga memerlukan hasil daripada penjualan kayu tropika. Jika negara kaya tidak mahu kita menebang pokok, mereka perlulah memberi pampasan kepada kita sebagai ganti rugi pendapatan. Mereka selalu bercakap mengenai pampasan yang adil. Mereka menggalakkan pekerja di negara ini untuk mogok bagi mendapatkan pampasan yang adil, walaupun ia menghancurkan ekonomi kita. Oleh itu, jika kita perlu memberi oksigen untuk kegunaan dunia dan keseimbangan ekologi, maka kita juga perlu diberikan pampasan yang adil. Jika tidak, izinkan kami untuk menggunakan hak kami dalam mengendalikan sumber kekayaan hutan tropika kami.

Sebaliknya, apa yang negara Utara lakukan? Mereka melancarkan kempen memulaukan kayu tropika kita. Alasannya ialah jika mereka tidak membeli, kita akan berhenti daripada menebang hutan tropika kita. Tetapi mereka tidak mengambilkira beribu-ribu penduduk yang bergantung hidup kepada hutan dan kerajaan kehilangan sumber pendapatan yang digunakan bagi menampung golongan miskin. Hakikatnya, apa yang dilakukan oleh negara Utara bukan saja memelihara hutan tetapi juga membuat Malaysia terpaksa menanggung bebanannya. Adakah ini adil?

Penebangan hutan tropika boleh dilakukan tanpa memberi kesan negatif kepada negara kita. Jika negara kaya sanggup membayar dua kali ganda harganya, pembalakan boleh dikurangkan kepada separuh daripada apa yang dijalankan sekarang. Mudah saja.

Mereka berkata kebanyakan negara Utara yang kaya adalah pengeluar utama kayu tropika. Malaysia tidak memperolehi pendapatan yang tinggi hasil eksport balak mentah. Jadi, mengapa kita masih mengeksport kayu-kayan? Pada dasarnya kita bersetuju. Tetapi penyelesaiannya bukanlah untuk menghentikan kegiatan pembalakan sama sekali tetapi untuk menempatkan semula industri pemprosesan di negara ini supaya kita memperolehi keuntungan tambahan. Dengan cara itu, kita boleh mengurangkan penebangan pokok tanpa mengurangkan pendapatan negara. Pemulauan kayu tropika Malaysia tidak akan menolong mana-mana pihak. Sebaliknya, jika kayu tropika kita tidak bernilai, adalah lebih baik jika kita menebang semua pokok bagi menghasilkan bahanapi dan menggunakan kawasan itu bagi kegiatan pertanian.

Suatu ketika dahulu, dunia hampir diliputi hutan. Kita juga dimaklumkan bahawa kawasan carigali minyak di padang pasir pada suatu masa dahulu juga adalah hutan tropika. Oleh itu, jika kita benar-benar mahu berkongsi masalah, mengapa tidak kita menjalankan penanaman semula di padang pasir di seluruh dunia atau memulihkan semula ladang di Amerika Syarikat dan Eropah yang tidak menghasilkan tanaman secara produktif? Jika anda boleh mengorek tasik bagi membina padang golf eksklusif di padang pasir California dan membina hotel mewah, mengapa anda tidak boleh melakukan perkara yang sama bagi tujuan menempatkan semula hutan tropika? Hutan tropika baru yang dipenuhi dengan flora dan fauna boleh dialihkan dari sini ke sana. Mengapa harus kami di sini saja yang perlu berkorban untuk kepentingan sejagat?

Ini tidak bermakna yang kami mahu menghapuskan padang pasir sama sekali kerana kita juga tidak tahu akibat daripadanya. Tetapi kita boleh berusaha untuk memulihkan ladang di Amerika Syarikat dan Eropah yang tidak menghasilkan keluaran dengan produktif. Saya yakin bahawa anda semua mempunyai kepakaran teknologi yang tinggi dan bahan mentah yang cukup untuk menjalankannya.

Kita semua mestilah ingat bahawa bukan hutan tropika saja yang mengeluarkan karbon dioksida tetapi juga semua jenis pokok di dunia ini.

Kebanyakan pokok hutan tropika mempunyai nilai tinggi di segi perubatan dan sudah tentulah negara kaya yang beruntung kerana mereka mempunyai kepakaran dan teknologi untuk menjalankan kajian. Adakah ini bermakna bahawa kita menyimpan hutan tropika semata-mata untuk memberi peluang kepada negara kaya untuk menjalankan kajian sainsnya? Apakah bentuk pampasan yang diberikan kepada kita? Dalam rundingan untuk menjalankan Konvensyen Mengenai Kepelbagaian Biologi (Convention on Biodiversity), negara Utara tidak menyatakan kesediaan dalam cadangan untuk menjalankan penyelidikan secara usahasama. Ini jelas menunjukkan bahawa negara miskin hanya dapat melihat saja negara kaya mengaut keuntungan daripada kekayaan sumber hutannya kerana ia sendiri tidak mampu melakukannya.

Tahun lalu, kawasan hutan yang luas di Indonesia terbakar selama beberapa bulan. Seluruh Malaysia diliputi jerebu. Lebih daripada pembalakan, kebakaran hutan menghancurkan semuanya. Tiada yang tinggal. Pokok, binatang, serangga dan juga manusia mengalami kemusnahan.

Sekiranya hutan tropika sangat berharga kepada golongan pencinta alam sekitar, tentulah kebakaran hutan itu mencemaskan mereka, lebih daripada pengawalan penebangan hutan. Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sepatutnya bergegas untuk memadamkan kebakaran. Tetapi tiada sebarang usaha dijalankan. Alasan ialah mereka tidak diminta berbuat demikian. Adakah mereka diminta untuk menentang pembalakan? Bahkan, mereka mengadakan kempen besar-besaran terhadap pembalakan.

Banyak boleh dilakukan untuk mencegah dan mengawal kebakaran hutan. Negara kaya mempunyai satelit pengintip untuk mengesan kebakaran secara tepat. Mereka mempunyai peralatan memadam kebakaran yang mahal dan canggih. Mereka mempunyai pakar yang mampu mengawal kebakaran pelantar minyak di Kuwait. Tetapi mereka tidak berbuat apa-apa untuk menyelamatkan hutan, yang mereka dakwa sangat mengambil berat. Kita tidak boleh dipersalahkan sekiranya kita berpendapat kempen antikayu tropika adalah kerana mereka berusaha bersungguh-sungguh menentang hutan iklim sederhana. Hutan tropika yang musnah oleh kebakaran tidak mendatangkan kesan kepada penjualan balak hutan iklim sederhana tetapi balak yang ditebang secara sempurna memberikan kesan. Oleh itu kebakaran hutan tidak dipedulikan manakala pelbagai tohmahan dirujuk kepada pembalakan hutan tropika.

Apabila kempen antikayu tropika gagal menarik perhatian secukupnya, sebagai tambahan manusia pula digunakan. Masyarakat Penan yang berjumlah 10,000 orang adalah bangsa yang patuh kepada undang-undang. Mereka adalah pemburu dan pengamal sistem pertanian pindah. Tetapi kini 9,000 sudah menetap dan tinggal kekal di kawasan kebun dan ladang atau makan gaji. Hanya 1,000 masih tinggal di hutan. Jika mereka memilih tinggal di hutan, kerajaan akan menghormati pilihan itu tetapi ia mestilah ditimbangkan lebih berhati-hati. Pilihan itu mestilah bukan sebahagian daripada kempen antikayu tropika oleh negara Utara.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 12 MAR 1992

Tingkat kerjasama dengan institusi di seberang laut — PM

KUALA LUMPUR 11 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu institusi pengajian tinggi di negara ini meningkatkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi ternama di seberang laut untuk menentukan kualiti pendidikan tidak terjejas.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama itu juga adalah lebih baik kerana ia mampu memberi persediaan kepada penuntut Malaysia sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara di samping mengurangkan pengaliran keluar ringgit.

"Terdapat banyak masalah di kalangan penuntut yang terlalu muda apabila terdedah kepada budaya asing," katanya ketika berucap merasmikan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini hari ini.

ITTAR ditubuhkan oleh Koperasi Usaha Bersatu Malaysia (KUB) bertujuan menyediakan peluang pendidikan kepada anak ahli - ahlinya, khususnya pendidikan dan latihan peringkat profesional, vokasional dan teknikal.

Institut ini menyediakan program diploma dalam empat bidang — pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran, perakaunan dan pentadbiran pejabat di samping enam program peringkat sijil — komputer, menaip, trengkas, 'shorthand,' perakaunan dan bahasa.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan sentiasa mengalu - alukan penubuhan institusi pendidikan swasta seperti ITTAR, lebih - lebih lagi ia diilhamkan dan dilahirkan oleh sebuah koperasi yang didokong oleh orang Melayu.

Di samping itu, kata beliau, penubuhan institusi pendidikan swasta dengan sendirinya memperkenalkan elemen penswastaan ke dalam sistem pendidikan negara, tanpa kerajaan sendiri mengambil langkah tertentu ke arah penswsataan itu seperti yang dilakukan dalam penswastaan Telekom, Pos dan Tenaga Nasional.

Perdana Menteri berkata, pihak swasta juga lebih berupaya memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menyediakan tenaga mahir untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan kerana ia fleksibel dalam merangka sesuatu pendekatan mengikut keperluan tenaga manusia, berbanding dengan sektor awam.

Menurutnya, penubuhan lebih banyak pusat pengajian tinggi swasta, termasuk oleh institusi pendidikan luar negara membolehkan kerajaan mengagihkan wang untuk keperluan lain yang juga penting.

Katanya, walaupun Malaysia mengamalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan, kerajaan mempunyai pandangan luas dan pragmatik dalam usaha menyediakan pendidikan yang berkualiti selaras dengan matlamat Wawasan 2020 kerana maruah dan kehormatan bangsa bergantung kepada kejayaan dan kekuatannya sendiri.

Beliau menambah, sambutan terhadap institusi pendidikan swasta sangat menggalakkan kerana keperluan terhadap kehendak pengetahuan yang mendesak dan ramai rakyat Malaysia mengambil peluang itu untuk melengkapkan diri menghadapi cabaran pembangunan negara yang pesat, terutama dalam bidang perindustrian.

Sementara itu, Pengerusi KUB merangkap Presiden ITTAR, Encik Hassan Harun berkata, KUB akan mengadakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan dalam bidang profesional, teknikal dan vokasional sama ada bersendirian ataupun kerjasama dengan institusi dalam serta luar negara.

Sehubungan itu, katanya, ITTAR akan membuka cawangan - cawangan di seluruh negara secara murah dengan menyewa bangunan - bangunan yang sedia ada dan melengkapkannya dengan teknologi pendidikan dan latihan terbaru.

"Cawangan ITTAR ini akan menjadi infrastruktur yang lengkap lagi canggih untuk peningkatan peluang pendidikan di masa depan," katanya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH 05 APR 1992

Mahathir ajak umat Islam ubah sikap

KUALA LUMPUR 4 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menyeru umat Islam supaya mengubah sikap dan bekerja lebih kuat, menguasai semua ilmu dan meninggikan produktiviti.

Beliau mahu mereka mengejar kebahagiaan dunia yang seimbang dengan kebahagiaan akhirat dan mengelak diri daripada berkonflik.

Dalam dunia yang serba moden dan kompetitif, katanya, umat Islam perlu melipatgandakan usaha untuk maju dalam semua bidang selaras dengan kemajuan dunia hari ini.

"Kita tidak mahu melihat umat Islam ketinggalan kerana kononnya mengejar kebahagiaan di akhirat. Masyarakat Islam juga tidak harus bersikap fanatik dengan membelakangkan pemikiran waras," katanya dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri melalui RTM malam ini.

"Untuk maju kita perlu mengembalikan semangat menimba ilmu dalam semua bidang. Ini juga adalah selaras dengan cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020," ujarnya.

LIHAT MUKA 14

Menurut beliau, Islam tidak menyuruh umatnya mencipta, menambah dan mewajibkan berbagai-bagai 'ibadat baru' sehingga memudaratkan mereka.

"Jika majoriti umat Islam meninggalkan kerja biasa mereka untuk melakukan 'ibadat' ciptaan ini, mereka akan menjadi miskin dan daif di mana orang seperti ini mudah diperalat dan ditindas oleh orang lain," kata Dr. Mahathir sambil memberitahu walaupun hanya sekumpulan kecil yang melakukannya, beban kepada umat Islam lain akan bertambah.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri mengingatkan, ibadat yang wajib tidak perlu dicicirkan semata-mata untuk mengejar kemajuan di dunia kerana kedua-duanya perlu dikejar bersama.

Dalam perutusannya itu, Dr. Mahathir juga mahu umat Islam mengekalkan keadaan harmonis di negara ini dengan mengelakkan diri daripada berkonflik agar keamanan yang dituntut oleh agama Islam terus terpelihara.

"Kita berjaya menikmati pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang di samping mencapai kestabilan politik dan kemajuan ekonomi, semuanya ini tidak mungkin wujud tanpa keazaman dan kegigihan rakyat yang mahukan keamanan dan kesejahteraan," tegas Perdana Menteri.

Mengenai ekonomi, Perdana Menteri berkata, negara telah berjaya mencapai pertumbuhan yang menggalakkan di mana inflasi dan pengangguran dapat dikawal bagi membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang tinggi.

Beliau yakin jika rakyat terus berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan produktiviti dan berani menghadapi cabaran, negara akan terus mencapai kemajuan yang lebih pesat dan rakyat akan memperolehi nikmat yang lebih.

"Kita di Malaysia sungguh bertuah jika dibandingkan dengan rakyat negara-negara lain seperti Afrika, Amerika Latin dan Eropah Timur yang serba kekurangan, di mana di sesetengah negara pula orang Islamnya ditindas sehingga tidak dapat mengerjakan ibadah," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa syukur kerana umat Islam negara ini selamat menunaikan ibadat puasa dalam keadaan tenang dan sempurna di samping meneruskan tugas-tugas harian yang memberi keinsafan terhadap penderitaan dan kesulitan yang dihadapi oleh orang miskin dan yang kurang bernasib baik.

Dalam amanat Hari Rayanya itu, Dr. Mahathir turut mengingatkan umat Islam supaya berhati-hati menggunakan jalan raya untuk mengelak daripada berlakunya kemalangan.

"Amatlah menyedihkan apabila menjelang Aidilfitri kita mendengar kematian yang begitu ramai di kalangan pengguna-pengguna jalan raya, justeru itu berjaga-jagalah ketika di jalan raya," katanya sambil berdoa semuga pemandu kenderaan akan bersabar, cermat dan berhati-hati.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH 12 APR 1992

Umur persaraan wajib kakitangan kerajaan dikekal 55 tahun

KUALA LUMPUR 11 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umur persaraan wajib kakitangan kerajaan akan dikekalkan pada 55 tahun walaupun ramai yang berpendapat ia patut dinaikkan kepada 60 tahun.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan akan menyambungkan tugas atau menawarkan jawatan tertentu kepada mana-mana kakitangan yang berkebolehan.

"Setelah kita kaji umur bersara ini, mungkin akan rugi kalau kita naikkan kepada 60 tahun kerana kadang-kadang terdapat banyak 'kayu mati'.

"Kalau umur bersara 60 tahun, orang inilah yang tunggu sampai 60, yang cekap nak bersara lebih awal, terutama sekali pihak swasta menawarkan banyak jawatan dengan gaji yang lebih," katanya ketika berucap di Malam Sekalung Budi Sejuta Kenangan di sini malam ini.

Majlis itu diadakan sempena meraikan persaraan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Zainol Mahmood yang mula bersara 16 April ini.

Dr. Mahathir memberitahu, mana-mana kakitangan kerajaan yang diambil semula bekerja apabila mereka sampai umur persaraan akan memperolehi lebih banyak ganjaran daripada sebelumnya termasuk pencen yang dikecualikan daripada cukai dan mendapat gaji yang sama seperti semasa sebelum bersara.

Di majlis itu, beliau juga mengumumkan perlantikan Zainol sebagai Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia.

Katanya, Zainol merupakan salah seorang daripada pegawai kerajaan yang telah banyak mencapai kejayaan dalam tugasnya tanpa banyak masalah.

Antara kejayaan itu, kata Perdana Menteri, beliau dapat menyelesaikan tugas dengan diplomasi tanpa menyakiti mana-mana pihak, termasuk wakil-wakil rakyat.

"Diplomasi amat penting bagi seseorang pegawai kerajaan yang sering berurusan dengan ahli politik yang biasanya menganggap mereka berkuasa," katanya sambil menambah bahawa sebagai pegawai kerajaan, "banyak liku-liku yang perlu dilalui.

Sementara itu, Zainol dalam ucapannya, berkata, pegawai-pegawai kerajaan di negara ini masih jauh ke belakang dari segi penggunaan tenaga serta kebolehan mereka.

Beliau berpendapat, lebih 30 peratus tenaga serta kebolehan para pegawai masih belum digunakan lagi.

"Kalau kita menggunakan sepenuhnya tenaga, kebolehan dan kepakaran sendiri, kita mungkin dapat mencapai matlamat Wawasan 2020 sepuluh tahun lebih awal," katanya.

Zainol yang dilahirkan 55 tahun lalu di Kangar, Perlis pernah menjawat beberapa jawatan penting sebelum ini, antaranya, Timbalan Penolong Pegawai Daerah Kuala Selangor dan Rawang, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 28 APR 1992

Kumpulan aktivis anti-kayu tropika mendapati kaum Penan sebagai peluang menggunakan manusia untuk kempen balak hutan iklim sederhana. Dan kamu Penan diminta menjadi militan, membantah, mengadakan sekatan dan menentang pihak berkuasa.

Hentikanlah mengadakan isu mengenai kaum Penan. Galakkan penggunaan balak hutan iklim sederhana jika anda perlu, tetapi hadapilah persaingan daripada kayu tropika. Anda menganjurkan pasaran terbuka dan perdagangan bebas. Sekarang laksanakan kepercayaan anda sendiri. Hentikanlah tindakan mengaitkan perdagangan dan bantuan kepada negara membangun dengan isu alam sekitar. Hentikan daripada memutarbelitkan isu.

Marilah kita bekerjasama menjaga dan memulihkan alam sekitar. Tutup ladang yang tidak berkesan dan industri yang mencemarkan serta menanam semula hutan yang ditebang. Alihkanlah pemprosesan barangan utama ke negara membangun bagi memaksimumkan pembangunan negara terbabit. Bantulah untuk menanam semula di kawasan gurun

Lihat muka 11

sama ada di negara kaya atau miskin. Anjur dan selaraskanlah gerakan mengawal dan memadam kebakaran hutan di seluruh dunia. Bayar lebih untuk kayu tropika.

Ini adalah perkara positif yang boleh dilaksanakan sekiranya ada keikhlasan dalam kempen untuk menyelamatkan hutan tropika.

Kempen terhadap kayu tropika adalah kes jelas mempergunakan isu alam sekitar. Jika tidak kerana sikap itu, tenaga golongan pencinta alam sekitar boleh difokuskan kepada isu pencemaran lain. Ambil contoh CFCs dan alat penyembur. Ada banyak cara semburan yang tidak mencemarkan. Gunakanlah plastik berasaskan minyak sayuran yang mudah reput. Kurangkan penggunaan minyak pembakar dalam pengangkutan dan generator elektrik. Benarkanlah pelaksanaan projek hidro elektrik yang munasabah.

Hentikanlah penggunaan nuklear sebagai bahan tenaga. Terutama sekali di segi pengeluaran, penyimpanan dan penggunaan senjata nuklear.

Jika alam sekitar bersih, mereka yang paling bertanggungjawab terhadap pencemarannya mestilah bertindak. Lapan puluh peratus pencemaran berpunca daripada kegiatan perindustrian di negara Utara. Kawasan mereka mestilah terlebih dahulu dibersihkan. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mereka tidak patut mendiamkan diri dan mengenakan tekanan kepada kerajaan sendiri, pengusaha perindustrian dan pemimpin tentera mereka.

Negara membangun juga mestilah turut melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Pertama, mereka mestilah datang berkumpul untuk membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi bersama. Biarlah tiada sebarang pemisahan di antara kita apabila membicarakan mengenai alam sekitar. Kita akan berkongsi segala bebanan mengikut keupayaan dan kesanggupan. Apa carapun, kita boleh menerima kenyataan bahawa pengorbanan pembangunan kita semata-mata menentukan yang kaya dan berkuasa boleh terus menikmati peningkatan mutu kehidupan. Sesungguhnya, golongan yang kaya sepatutnya bersedia berkorban kejayaan mereka selaras dengan cita-cita pembangunan.

Kita mempunyai tanggungjawab besar menentukan kerjasama Selatan-Selatan berkesan di segi alam sekitar dan pembangunan. Negara Selatan mestilah mengenal pasti bentuk kerjasama dan interaksi, khususnya di segi perhutanan, pemindahan teknologi dan pengurusan alam sekitar. Negara Selatan juga mesti menyediakan contoh kerjasama antarabangsa dan menganggapnya sebagai sumbangan kepada Unced. Adalah juga penting kita terus berunding menjelang persidangan di Rio de Janeiro, Brazil.

Secara ikhlas, saya berharap peluang bersejarah di Rio tidak akan disia-siakan. Rio boleh menjadi majlis untuk mengambil langkah bersejarah yang penting bagi perkongsian sejagat sebenar. Selatan sudah cukup menderita. Adalah salah, jika kita akan dipersalahkan atas dosa Utara yang lalu. Selatan tidak boleh kekal gudang untuk sumber Utara, termasuk memelihara hutan untuk disediakan sebagai pusat hijau sejagat dan sumber kajibaka makmal. Utara mesti membantu Selatan maju untuk kepentingan alam sekitar, ekonomi dan keselamatan yang mereka kehendaki.

Kebebasan adalah bahan yang banyak didesak oleh Utara. Kesusahan akan menimpa manamana negara dalam dunia membangun, yang tidak memberi kebebasan kepada warganegara sendiri. Utara masih memikirkan kebenaran dan haknya untuk menahan penduduk di negara membangun daripada kebebasan mereka untuk mempergunakan kekayaan asli sendiri. Dalam kempen menentang kayu tropika dan dalam memulaukannya, mereka menafikan kebebasan kita untuk hidup, untuk mengeluarkan sedikit kekayaan yang kita ada, dan untuk membebaskan kita daripada kebuluran, penyakit dan kemiskinan. Bagaimana mereka masih cakap kebebasan apabila mereka sendiri yang menghalang kita dari kebebasan? Apabila kita mencapai kemerdekaan, kita memikirkan kita akan bebas. Tetapi Utara masih menakluk kita dengan tekanan penjajahan. Tepat sekali takrif Neo-colonialism yang dicipta oleh Allahyarham Presiden Sukarno.

Perkembangan pembangunan dan ekonomi mesti seiring dengan sebahagian kesan ke atas alam sekitar yang tidak diingini. Ketika negara maju sudah pun memusnahkan sepenuhnya alam sekitar mereka, tiada sebab untuk menghalang negara membangun daripada membangun. Jika kemusnahan alam sekitar hendak diminimumkan, negara maju mesti bersedia untuk membayar subsidi kos. Jika kos pembangunan lebih tinggi disebabkan oleh keadaan alam sekitar sekarang, negara membangun hari ini akan dikenakan hukuman yang tidak adil. Ini tidak boleh diterima.

Malaysia mahu mencadangkan kepada masyarakat dunia program alam sekitar menyeluruh yang menguntungkan, membabitkan penghijauan dunia. Sebagai langkah pertama, kita meminta masyarakat sejagat mempunyai matlamat sekurang-kurangnnya 30 peratus kawasan bumi akan dihijaukan menjelang tahun 2000. Dunia sekarang mempunyai 27.6 peratus tanah yang diliputi hutan dan kita hanya perlu meningkatkan 2.4 peratus sepanjang lapan tahun akan datang. Yang jelas ini bukanlah matlamat yang tidak munasabah. Semua negara mesti menetapkan matlamat kehijauan kebangsaan dan yang tiada tanah sesuai mesti memberi sumbangan yang cukup kepada negara membangun yang ada tanah.

Dalam hal tertentu, Utara tidak harus melihat ini sebagai masalah kerana ia mempunyai tabung, teknologi dan sumber. Sebaliknya, mereka boleh mengalihkan subsidi ke atas ladang yang tidak berdaya maju kepada penanaman semula hutan secara besar-besaran. Oleh itu, tiada dana baru diperlukan dan hasilnya akan menyebabkan kehijauan dan banyak karbon tenggelam.

Kerajaan Malaysia bertanggungjawab memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus tanah kita akan terus kekal sebagai kawasan hutan.

Saya meminta masyarakat dunia mewujudkan segera Tabung Sejagat untuk menyokong matlamat kehijauan sejagat ini. Tabung itu akan menyediakan kewangan untuk penanaman dan penempatan semula hutan. Sumbangan kepada tabung itu mesti berdasarkan kependudukan, kekayaan dan keupayaan untuk memenuhi matlamat kehijauan, selain faktor lain yang berkaitan. Negara yang mempunyai kadar pengeluaran karbon dioksida yang melebihi had yang ditetapkan harus membayar berasarkan kepada jadual yang dipersetujui. Bagaimanapun, dalam cadangan ini tiada tolak ansur prinsip hak kedaulatan untuk membangun.

Penghijauan dunia diharap akan memberi inspriasi semangat baru bagi perkongsian dan kerjasama antarabangsa yang mana sumber sejagat dikongsi bersama secara adil. Jika berjaya kita akan dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya sebahagian masalah kepentingan alam sekitar.

Bagi kita, Malaysia sudah mengambil beberapa langkah ke arah memastikan alam sekitar yang bersih dan sehat. Ini termasuk menimbulkan kesedaran di kalangan penduduk dan akhir ini pun kita menyiapkan filem video bertajuk 'An Initiative for the Greening of the World', yang menggambarkan pembabitan Malaysia dan harapan untuk dunia hijau. Filem video ini akan ditayangkan pada anda sebentar nanti.

Saya berharap anda semua akan berjaya dalam mesyuarat ini dan nikmatilah kesegaran Malaysia hijau ketika anda di sini.

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH

PM lancar program hijaukan dunia

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia hari ini melancarkan "Inisiatif Penghijauan Dunia", dokumen yang merangkumi program bertindak dengan mengemukakan dua cabaran utama, khususnya kepada negara membangun dalam pemeliharaan alam sekitar.

Dua cabaran itu ialah menetapkan matlamat jelas untuk mengurang pengeluaran karbon dioksida dan memastikan 30 peratus permukaan bumi diliputi tumbuhan hijau pada akhir abad ini.

Program itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak dengan majlis perasmian Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, di sini hari ini.

Ia menggariskan cabaran berasaskan prinsip pencegahan untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksida melalui penggunaan bahan bakar dengan lebih berkesan.

Inisiatif itu mencadangkan penubuhan Tabung Penghijauan Sedunia yang akan membiayai semua program ke arah memastikan 30 peratus permukaan bumi diliputi tumbuhan hijau akhir abad ini.

Dokumen Inisiatif Penghijauan Dunia akan dikemukakan ke Sidang Kemuncak Bumi (Unced) di Rio, Jun ini.

Ia menyebut, ketika ini 27.6 peratus permukaan bumi diliputi tumbuhan hijau. Oleh itu, Malaysia yakin matlamat 2.4 peratus sehingga tahun 2000, yang memerlukan peningkatan 0.3 peratus setahun, boleh dicapai jika program itu mendapat kerjasama negara maju.

Pada masa ini, kawasan Oceania secara keseluruhan, Amerika Tengah, Amerika Selatan, Afrika, Russia dan Asia Tenggara mempunyai 30 peratus penghijauan.

Bagaimanapun, negara maju seperti Denmark hanya 11 peratus, Perancis (25 peratus), Ireland (5 peratus), Itali (22 peratus), Belanda (9 peratus), Norway (26 peratus), Switzerland (24 peratus), Amerika Syarikat (21 peratus) dan United Kingdom (8 peratus).

Menurut program itu, penubuhan Tabung Penghijauan Dunia, di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) boleh menjadi contoh kerjasama sedunia bagi menghadapi masalah pemanasan dunia.

Tabung berkenaan boleh dimulakan dengan sumbangan kewangan daripada negara yang belum mencapai matlamat 30 peratus. Jika sesebuah negara itu gagal mencapai matlamat tahunannya pada peringkat kebangsaan, ia patut menyumbang sejumlah wang bagi membolehkan negara lain menanam tumbuhan hijau bagi keluasan sama.

Cara lain bagi membiayai tabung itu ialah melalui sumbangan kewangan daripada setiap negara mengikut matlamat penghijauan antarabangsa dan juga pengiraan keseimbangan karbon.

Mengikut cara ini, negara yang mengeluarkan karbon dioksida melebihi kadar yang ditetapkan perlu membayar sejumlah wang yang dipersetujui bersama dengan tujuan "menseimbangkan akaun karbon" mereka.

Bagaimanapun, cadangan penghijauan dunia tidak akan menjejas hak sebuah negara terhadap pembangunan hutan.

Walaupun matlamat 30 peratus dicadangkan bagi negara lain, Malaysia sendiri bersedia menetapkan matlamatnya pada tahap yang lebih tinggi.

Dr Mahathir ketika melancarkan program itu mengumumkan Malaysia akan mengekalkan 50 peratus kawasan hijau sebagai membuktikan komitmen negara terhadap penghijauan dunia.

...embawa ne-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 06 MAY 1992

Dr Mahathir mahu belia siap sedia

Oleh Haw Tian Soo

IPOH, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta belia menyediakan diri ke arah mencapai Wawasan 2020 dengan menjauhkan diri daripada diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan negara.

Menurut Perdana Menteri, sebagai pewaris negara, mereka bertanggungjawab menjayakan wawasan itu, mendisiplinkan diri serta sanggup melawan arus pemikiran dan budaya asing yang jelas sudah melampau batas.

Sehubungan itu, beliau mengecam budaya amalan kebanyakan masyarakat dunia Barat zaman ini yang menjadikan seseorang individu seolah-olah 'raja' dan bebas daripada sebarang larangan dan peraturan.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, mereka tidak lagi takut kepada balasan terhadap kesalahan yang dibuat hinggakan institusi perkahwinan dan keluarga diketepikan.

"Dunia Barat menjadikan bersekedudukan sebagai amalan biasa sehinggakan homoseks juga diterima sebagai amalan dan diiktiraf oleh undang-undang mereka." katanya ketika berucap di perhimpunan Hari Belia Negara 1992, Pelancaran Anugerah Belia Remaja Perdana dan Program Malaysia Sejagat di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kebebasan yang tidak terhad yang dipuja oleh Barat akan membinasakan kita dan menyebabkan kita ketinggalan selama-lamanya.

"Institusi seperti keluarga dan perkahwinan perlu dihormati dan disanjung tinggi. Bersopan santun dan beradat resam, disiplin dan ketertiban perlu dikekalkan," katanya.

Menurutnya, bagi mencapai kemajuan, rakyat seharusnya membendung nafsu dan mengamalkan nilai dan budaya mulia kerana kebebasan yang tidak terhad akan menyebabkan sesuatu bangsa itu mundur dan terhina.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan golongan belia negara ini yang bertanggungjawab terhadap pencapaian Wawasan 2020 supaya tidak membenarkan diri mereka diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan.

Mereka (belia) hendaklah mendisiplinkan diri dan sanggup melawan arus pemikiran dan budaya asing yang jelas sudah melampaui batas walaupun dicap ketinggalan zaman.

"Kebebasan bukan matlamat kita. Kebebasan adalah alat untuk kebahagiaan dan kemajuan," katanya.

Dr Mahathir berkata, disebabkan masyarakat membangun seperti Malaysia masih belum mempunyai kekuatan ketahanan, penerimaan amalan dan budaya buruk daripada masyarakat maju akan membawa kesan yang lebih buruk.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan sebagai negara membangun, amalan menerima cara dan budaya yang membawa kemajuan daripada negara yang maju adalah suatu tindakan waras.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting dalam aspek itu ialah mengenali apa yang harus ditapis dan dikikis bukan saja pengaruh budaya serta nilai asing malahan daripada budaya dan nilai asli rakyat negara ini.

"Kita juga harus kawal dan sedar bahawa ada di antara budaya serta nilai asal kita yang buruk menyebabkan kita sukar mencapai kemajuan," katanya.

Kira-kira 5,000 belia dari seluruh negara hadir di perhimpunan itu. Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Fuad Hassan.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH ..... 0 6 MAY 1992

PM : KEBEBASAN ALAT MENUJU KEBAHAGIAAN.

Oleh
Mohd. Sidek Salleh

IPOH 5 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat khususnya golongan belia bahawa kebebasan bukanlah satu matlamat tetapi hanyalah alat untuk menuju kebahagiaan dan kemajuan.

Kata Perdana Menteri, masyarakat maju kini menuju kemunduran dan kehancuran kerana mereka taksub dengan prinsip kebebasan individu dan menolak nilai-nilai budaya lama mereka.

Tegasnya: "Sepertimana kita bebas untuk meniru, kita juga harus bebas untuk tidak meniru dan mengekalkan identiti kita jika dengannya kita akan mencapai kebahagiaan dan kehormatan."

Berucap merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Indera Mulia di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kebebasan tanpa had yang dipuja Barat akan membinasakan rakyat dan menyebabkan mereka ketinggalan selama-lamanya; mundur dan terhina.

Tegasnya, yang penting ialah rakyat dapat mengenali apa yang harus ditapis dan dikikis bukan sahaja daripada pengaruh budaya dan nilai asing, tetapi juga daripada budaya dan nilai asli dalam masyarakat Malaysia.

"Seperti juga kita sedar nilai-nilai dan budaya buruk yang melanda masyarakat maju tidak baik bagi kita, kita juga harus kawal dan sedar bahawa ada antara budaya dan nilai-nilai asal kita yang buruk yang menyebabkan kita tidak mencapai kemajuan dahulu," katanya.

Dr. Mahathir mengingatkan, untuk maju, rakyat perlulah membendung nafsu dan mengamalkan nilai dan budaya yang mulia, yang memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Dalam hubungan ini, ujarnya, golongan belia perlu mengekalkan aspek-aspek nilai dan budaya lama dalam masyarakat Malaysia yang menghormati peraturan dan sekatan terhadap kebebasan pada tahap yang munasabah.

Institusi seperti keluarga dan perkahwinan perlu dihormati dan disanjung tinggi dan sifat-sifat seperti bersopansantun dan beradat-resam, berdisiplin dan tertib perlu dikekalkan, ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, penekanan yang diberikan kepada budaya dan nilai hidup yang mulia ini adalah penting kerana negara ingin mencapai kemajuan yang tinggi seperti yang dihasratkan Wawasan 2020.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, golongan belia hendaklah menjauhkan diri daripada diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan negara.

Mengikut budaya Barat zaman ini, katanya, individu adalah raja dan bebas daripada sebarang larangan dan peraturan dan seseorang itu harus membuat apa sahaja mengikut kehendak hatinya dengan menjadikan *Do your own thing* sebagai slogan.

"Dengan tidak lagi takut kepada balasan terhadap kesalahan yang dibuat institusi perkahwinan dan keluarga diketepikan, bersekedudukan menjadi amalan biasa, anak tidak lagi kenal bapanya, amalan homoseksual diterima dan diiktiraf oleh undang-undang," katanya.

Nilai dan budaya masyarakat ini bertukar sehingga yang buruk dianggap baik dan yang baik dianggap buruk dan dengan runtuhnya cara dan nilai yang murni kemampuan mereka untuk bersaing sudah merosot dan tanda-tanda keruntuhan masyarakat sudah ternampak.

Dr. Mahathir berkata, golongan belia tidak harus menjadikan sikap dan tingkah laku Barat itu sebagai contoh kerana Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun ingin mencapai tahap kemajuan yang tinggi.

LIHAT MUKA 2

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH ..... 08 MAY 1992

HUDUD: KEADILAN ATAU SEKADAR SATU PELARIAN.

Oleh Datuk Dasuki Ahmad

KENYATAAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelaksanaan Hukum Hudud pada Sabtu 2 Mei 1992 adalah kenyataan yang tegas, berani dan bertanggungjawab.

Berani kerana beliau membuka pintu seluas-luasnya bagi Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan hukum berkenaan. Ini memberi laluan yang luas dan selesa bagi kerajaan Pas pimpinan Nik Aziz Nik Mat untuk 'memuaskan kehendaknya'.

Bagaimanapun bagi negeri-negeri yang ditadbirkan oleh Barisan Nasional (BN), beliau dengan tegas dan penuh bertanggungjawab tidak akan mengizinkan demikian. Tegas beliau, "Kita membuat keputusan demikian kerana kita mengikut ajaran Islam, iaitu mengambil kira apa yang dikatakan 'Siasah-Syariyah."

Sikap seumpama ini membuktikan bahawa Perdana Menteri tidak sekali-kali menentang Hukum Hudud, apa lagi untuk menyatakan ketidakyakinnya terhadap hukum Allah. Tetapi menurut ijtihad, Dr Mahathir tidak melaksanakan hukum itu dalam keadaan dan suasana sekeliling yang ada hari ini juga adalah menurut hukum Allah, iaitu antara lainnya untuk menjaga kepentingan (masalah) orang ramai dan mengelak daripada kemungkinan bahaya yang timbul daripada pelaksanaan hukum yang tidak dibina di atas tapak yang kukuh dan teguh.

Lebih-lebih lagi Malaysia didiami oleh pelbagai kaum, keturunan dan kepercayaan agama.

Antara kepentingan orang ramai yang menjadi keutamaan kepemimpinan hari ini ialah kestabilan politik, kemantapan ekonomi, penyatuan kaum dan lebih penting daripada itu semua ialah untuk menonjolkan Malaysia di kalangan umat Islam antarabangsa sebagai negara dakwah, bukan negara hukum.

Khalifah Saiyidina Omar r.a. sendiri yang tidak dapat menyempurnakan hudud di zamannya, bukan boleh diertikan bahawa beliau menentang Hukum Hudud atau tidak yakin beliau kepada hukum Allah. Khalifah Saiyidina Omar adalah khalifah kedua selepas Khalifah Abu Bakar Assiddiq r.a. Beliau juga seorang sahabat yang terdekat dengan Baginda Rasulullah s.a.w. dan salah seorang daripada sepuluh sahabat yang dijamin syurga.

Boleh dan beranikah kita menghukum Saiyidina Omar sebagai sahabat yang tidak sempurna Islamnya kerana tidak menyempurnakan Hukum Hudud di zamannya?

Sesungguhnya, tidak ada sesiapa di kalangan umat Islam yang menentang Hukum Hudud dan tidak ada sesiapa yang tidak mengakui bahawa ia adalah satu peraturan Allah yang dapat menyelesaikan banyak perkara.

Bagaimanapun masalah yang berada di hadapan kita sekarang ialah masalah pelaksanaan, bukan masalah hukum. Matlamatnya untuk menegak keadilan dan keharmonian, bukan untuk mendera atau menyeksa. Dalam hubungan pentadbiran keduniaan ini, kita terpaksa mengambil kira suatu Hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud, "Kamu lebih mengetahui urusan keduniaan kamu."

Kerana itu, pelaksanaannya tidak boleh dijadikan sebagai suatu pelarian untuk menutup kelemahan diri sendiri atau suatu usaha untuk memalingkan pandangan orang ramai kepada perkara-perkara yang tidak penting.

Perlaksanaan juga tidak boleh dibina di atas kepentingan politik kepartian sempit, iaitu cuma untuk menyatakan keangkuhan diri dan golongan yang konnya lebih Islam atau lebih sempurna Islamnya daripada orang lain.

Banyak perkara yang perlu diambil kira sekiranya hudud hendak dilaksanakan dengan penuh sempurna. Antaranya:

- Pertama, mengenai pentadbiran syarak yang perlu diubahsuai, sekurang-kurangnya takrif adil bagi saksi, penentuan sempadan dorongan-dorongan yang membawa kepada berlakunya jenayah dan sebagainya.
- Kedua, pengamal hukum pula perlu didedahkan dengan tuntutan-tuntutan semasa, agar pelaksanaannya tidak dipengaruhi oleh emosi dan sentimen.
- Ketiga, hukum itu sendiri yang perlu dibebaskan daripada ikatan mazhabi dengan ijtihad baru bertunjangkan perkembangan sosial dan masyarakat semasa.

Di negeri yang rakyatnya menganggur dan miskin, khususnya negeri Kelantan yang pendapatan per kapita rakyatnya hanya $3,000, iaitu jauh lebih rendah daripada per kapita negara sekarang iaitu $7,500 setahun, apakah memotong tangan boleh dilaksanakan sekiranya mencuri itu dilakukan atas dorongan-dorongan kelaparan? Kadar harta yang dicuri itu pula, siapakah yang menentukannya?

Ini adalah antara persiapan-persiapan kecil yang harus disempurnakan dahulu. Jika tidak, maka bercanggahlah dengan konsep keadilan dalam Islam yang menegaskan bahawa melepaskan 10 orang pesalah (yang kesamaran buktinya) adalah lebih baik daripada menjatuhkan hukum ke atas seorang yang tidak berdosa.

Kaedah lain lagi ada menyatakan: Elakkan daripada menjatuhkan hukum sekiranya ada unsur-unsur keraguan.

Di zaman moden ini sungguh banyak keraguan dan kesamaran dalam menjalankan pelaksanaan Hukum Hudud. Antara lain, pencuri-pencuri masa kini bukan lagi mencuri satu atau dua gantang gandum atau mencuri beberapa ekor kambing biri-biri, kibas atau unta di padang pasir, tetapi di zaman teknologi ini, mereka mencuri dalam bentuk melarikan harta dari institusi-institusi kewangan, menipu saham, melarikan cukai dan sebagainya dengan menggunakan alat-alat yang canggih.

Bentuk kecurian seumpama ini tidak ada dalam kitab fiqah mazhabi yang menjadi punca hukum masa kini. Andaian masalah yang mereka hadapi pada waktu itu tidak mencakupi banyak perkara yang sedang berlaku kini.

Namun demikian, mereka berjaya menyusun kaedah-kaedah mendapatkan hukum daripada punca asal al-Quran dan as-Sunnah dan cara-cara mengeluarkan fatwa tanpa terikat kepada fatwa-fatwa yang mereka keluarkan bagi kepentingan zamannya.

Hudud ini pula tidak cuma terbatas kepada curi dengan memotong tangan dan zina dengan merejam. Jika hudud hendak dilaksanakan dengan sempurna, maka ulama dan ahli bijak pandai Islam juga harus memikirkan pelaksanaan hukum terhadap penderhakaan kepada pemerintah, keengganan bersama majoriti, tidak patuh kepada jamaah, penyebaran fitnah, adu domba di kalangan masyarakat dan sebagainya.

Mengapa sebilangan kita terlalu ghairah untuk melaksanakan hudud dan hudud yang dimaksudkan itu pula dibataskan kepada zina dan curi sahaja? Apakah kedua-dua jenayah itu

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

08 MAY 1992

BERITA HARIAN

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

menjadi penyakit masyarakat yang boleh menjadi punca keruntuhan bangsa dan negara?

Khalifah Abu Bakar Assiddik mengambil tindakan memerangi dan membunuh orang yang enggan membayar cukai pada zamannya. Apakah sesuai peraturan seumpama ini dipadankan di negara ini dalam pelaksanaan hudud nanti tanpa mengira siapa dan daripada golongan mana penjenayah yang berkenaan?

Mampukah dalam konteks sistem Malaysia yang ada ini kata-kata Baginda Rasulullah, "Sekiranya Fatimah anak aku sendiri yang mencuri, maka aku akan potong tangannya." Ertinya pelaksanaan hukum Islam tidak ada sesiapa yang mengatasi undang-undang walaupun dia itu puteri Baginda Rasulullah sendiri yang amat dikasihinya.

Hukum Islam berhubung dengan hudud memang tetap, tetapi Baginda Rasulullah tidak pernah mengarah sahabat-sahabatnya mencari orang yang melakukan zina untuk dijatuhkan hukum. Sebaliknya apabila ada seorang wanita yang datang memberi pengakuan bahawa dia melakukan zina, Baginda tidak mahu mendengar dan menghalaunya pergi.

Sehingga wanita itu membuktikan dirinya mengandung, melahirkan anak dan menyusukan anaknya selama dua tahun, barulah disempurnakan hukum itu atas permintaan wanita itu sendiri. Dan hukum hudud dalam Islam bukanlah bertujuan mendera, apa lagi untuk membalas dendam. Jika ada sedikit syubahat (kesamaran hukum) sekalipun, maka hukum itu terpaksa diangkat.

Dr Mahathir sebagai seorang Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada bangsa dan negara sudah tentu melihat suasana yang ada daripada semua aspek. Kerana itu, beliau dengan penuh tegas dan berani menyatakan sikapnya walaupun terpaksa menghadapi cemuhan dan sindiran tajam daripada pemimpin-pemimpin Pas.

Pas yang melaung ke sana ke mari akan melaksanakannya di Kelantan sehingga hari ini barisan ulamanya yang juga dipimpin oleh Nik Aziz belum membuat apa-apa persiapan dan persediaan ke arah itu. Sekurang-kurangnya sesuatu yang boleh menjadi panduan kepada golongan pengamal undang-undang itu.

Kitab-kitab fiqah yang ada, bukanlah buku undang-undang yang boleh dijadikan rujukan segera. Negara-negara Islam yang ada hari ini pun tidak ada satu yang boleh dijadikan model, kerana masing-masing mempunyai keutamaan sendiri.

Bagi kita adalah jelas sistem pemerintahan yang ada hari ini adalah yang terbaik dan hampir keseluruhannya sudah selaras dengan tuntutan Islam. Di bawah sistem inilah semua rakyat dapat menikmatinya dengan penuh selesa teramsuk pemimpin-pemimpin Pas sendiri, dapat hidup dengan aman damai, makmur dan mewah yang tidak mungkin mereka perolehi daripada kebanyakan negara Islam yang lain.

Bahkan semua pemimpin Islam dan ulama di peringkat antarabangsa mengkagumi dan menghormati Malaysia sebagai negara dakwah yang paling terkemuka dan berjaya di masa kini.

Jika Pas ingin melakukan perubahan, ayuhlah. Tetapi kegagalan nanti janganlah pula meletakkan sebab kegagalan itu di atas pundak orang lain sebagai satu pelarian baru pula.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA .....BERTARIKH - 7 JUN 1992 .....

PM SERU SEMUA PIHAK PATUHI UNDANG-UNDANG.

KUALA LUMPUR 6 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta kerjasama semua pihak mempertahankan sistem undang-undang yang harus dipatuhi bagi memastikan keadaan ekonomi, sosial dan politik negara terus stabil.

"Tanpa menghormati pentadbiran dan sistem undang-undang, kita tidak mungkin stabil dan berjaya sebagai sebuah negara yang disegani oleh masyarakat antarabangsa," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya aturan kerajaan dan sistem pentabiran dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipatuhi jika masyarakat yang adil hendak diwujudkan.

Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di istiadat mengadap dan pengurniaan darjah kebesaran dan bintang-bintang negara sempena hari keputeraan Seri Paduka ke-64 di Istana Negara di sini.

DR. MAHATHIR

Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan berusaha menentukan pembangunan negara ini bersifat positif dan seimbang.

Katanya dasar-dasar dan program-program yang dibentuk akan dipasti mencapai matlamat akhirnya iaitu pertumbuhan diikuti dengan pengagihan yang saksama tanpa menjejaskan mana-mana pihak.

Dr. Mahathir yakin Malaysia mampu mencapai matlamat yang dirancangkan dalam Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam.

Serentak dengan itu beliau mengingatkan kerajaan amat memerlukan kesabaran rakyat sebelum dapat melaksanakan sebarang perubahan yang kadangkala membawa kesan negatif kepada golongan tertentu walaupun membawa kebaikan kepada keseluruhan masyarakat dalam jangka panjang.

Mengenai ekonomi, beliau berkata ia akan terus berkembang dengan pengurusan ekonomi yang bijak, kesungguhan rakyat untuk terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan sektor swasta menerokai pasaran baru.

Katanya, pertumbuhan ekonomi memuaskan yang dinikmati tahun lepas adalah hasil usaha kerajaan, rakyat, masyarakat peniaga dan pengusaha.

Beliau yakin walaupun kadar tahun ini dijangka lebih sederhana ia masih kukuh dan stabil.

Perdana Menteri berkata keadaan ini membolehkan kerajaan meneruskan usaha membangunkan negara dengan pesat dan kerajaan akan terus mengamalkan sikap liberal terhadap pelaburan bagi menjamin pembangunan yang berterusan.

Beliau berkata pada masa yang sama sektor swasta akan terus digalakkan untuk memainkan peranan penting sebagai jentera penggerak utama pertumbuhan ekonomi.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa Malaysia akan terus memainkan peranan cergas di peringkat antarabangsa.

Menurutnya Malaysia juga akan terus menjalin perhubungan erat dengan seluruh negara di dunia terutama dunia ketiga.

"Demi kedaulatan negara dan keadilan, Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya terhadap isu-isu yang dianggap penting kepadanya," ujarnya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 13 JUN 1992

HAPUS KUASA VETO: DR M.

Daripada Mior Kamarul Shahid

RIO DE JANEIRO, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya kuasa pembatal yang diberi kepada lima kuasa besar dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dihapuskan.

"Saya tidak nampak alasan yang digunakan akibat kesan Perang Dunia Kedua terus menerus mempengaruhi kita," katanya dalam wawancara khas dengan Inter Press Service News Agency (IPS) yang menerbitkan risalah *Terra Viva*, di sini hari ini. Risalah itu diterbitkan sempena persidangan alam sekitar sekarang.

Katanya, ketika kuasa itu diberi selepas perang, ia mempunyai alasan yang boleh diterima tetapi selepas setengah abad, ia tidak boleh diterima lagi.

Lima negara yang menikmati keistimewaan itu ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Russia (dulu Soviet Union) dan China.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tugas Majlis Keselamatan PBB memperbetulkan semula strukturnya supaya kuasa yang ada turut diberi kepada negara yang tidak begitu kuat, termasuk negara Dunia Ketiga.

Mengenai kedudukan China, Dr Mahathir menjawab, negara itu kini memberi tumpuan kepada soal pembangunan ekonomi dan tidak lagi kepada soal meluaskan jajahan.

Mengenai Asean, beliau berkata kumpulan itu mengalu-alukan negara di rantau Asia Tenggara menyertainya tetapi sehingga kini belum ada permohonan.

Dr Mahathir tiba di sini awal pagi ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Bumi atau Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced). Beliau akan menyampaikan ucapannya esok.

Presiden George Bush, dari Amerika Syarikat yang tiba di sini malam ini, juga akan berucap esok.

Setibanya di sini, Dr Mahathir terus diberi taklimat mengenai perkembangan sepanjang Sidang Kemuncak Bumi oleh perwakilan Malaysia.

Mengenai pencemaran, Dr Mahathir berkata bilangan penduduk yang berlebihan di negara maju adalah satu daripada faktor pencemaran yang terpaksa dihadapi dunia sekarang.

"Disebabkan negara maju mempunyai bilangan penduduk yang ramai, mereka terpaksa memerlukan makanan yang banyak berbanding negara miskin. Oleh itu, mereka terpaksa mengeluarkan sisa yang banyak," katanya.

Perdana Menteri berkata, meskipun penduduk dunia yang kaya hanya 25 peratus, negara mereka mengeluarkan 85 peratus sisa buangan.

Bagaimanapun, daripada 75 peratus penduduk yang miskin, negara mereka hanya mengeluarkan 10 peratus sisa yang boleh menyebabkan pencemaran.

"Jika negara maju dapat mengurangkan kadar buangan dan sisanya sebanyak 25 peratus, ia sudah memadai," katanya.

Dalam hubungan inilah, katanya, Malaysia tidak akan menandatangani Konvensyen Perubahan Iklim disebabkan keenganan negara Utara menetapkan sebarang jangka waktu dan kadar tertentu untuk mengurangkan gas rumah hijau pada satu tahap tertentu. Malaysia hanya menandatanganinya apabila perunjukan mengenainya dikaji semula.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menandatangani Konvensyen Biodiversiti kerana ia memenuhi sekurang-kurangnya beberapa kepentingan negara, termasuk perkongsian bersama kekayaan di negara Dunia Ketiga.

Dr Mahathir menjelaskan, di negara yang mempunyai bilangan penduduk berlebihan, secara langsung menyebabkan penggunaan sumber berlebihan. Penggunaan berlebihan ini apabila digandakan dengan bilangan penduduk berlebihan, menyebabkan punca pencemaran yang teruk.

"Sebagaimana kita tahu, buangan sisa disebabkan penggunaan sumber yang berlebihan," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah wajar negara maju mengawal pertumbuhan penduduknya. Ini boleh mengurangkan kadar kemiskinan.

"Tetapi, jika negara kaya cuba menghalang negara miskin menjadi kaya, negara kaya perlu menyalahkan diri sendiri kerana menjadi punca negara miskin menjadi terus miskin," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam dunia unipolar sekarang, kuasa dunia tidak seharusnya mengambil berat soal rakyat mereka saja.

"Kini, timbul keraguan di kalangan penduduk Selatan kerana keputusan yang dibuat kuasa besar hanya mengambil kepentingan penduduknya dan tidak seluruh penduduk dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan ini menyebabkan negara berkenaan mengamalkan pilih kasih dalam menentukan kesejahteraan dunia.

LIHAT MUKA 2

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 15 JUN 1992

MAHATHIR MAHU SEMUA IHAK BEKERJASAMA.

SEDUTAN ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro pada Sabtu 13 Jun, 1992 (Ahad di Malaysia).

DR MAHATHIR MOHAMAD
... Malaysia menaruh harapan tinggi

A ingin mengucap-terima kasih kepada rumah, Presiden ando Collor de Mello kerajaan Brazil ke- menyediakan sua- persidangan yang se-

alaysia hadir di persi-gan ini kerana kami atin terhadap soal n sekitar. Kami ke i mencari jalan untuk entingan pembangu- mampan dan mewu-kan asas jitu demi ker-ama seluruh dunia ngenai alam sekitar pembangunan. Kami lar jika sesuatu hendak akukan ke arah pem-ngunan mampan, maka mua negara di dunia sti bekerjasama. Pen-maran berlaku tanpa engenal sempadan. Ne-ra jiran, sama ada jauh au dekat, menerima ke-n pencemaran yang di-luarkan oleh negara rkenaan.

Pada masa ini, kami ampu mengatasi masa-h pencemaran di Malay-a. Keluasan Malaysia ampir sama dengan Bri-ain, tetapi kami hanya empunyai bilangan pen-luduk satu pertiga dari-adanya. Kami adalah ne-gara membangun dengan endapatan per kapita atu per sepuluh daripada negara maju. Oleh itu, ka-pasiti buangan daripada penggunaan adalah kecil — satu pertiga belas dari-pada negara maju.

Pada masa yang sama, kemampuan kami untuk mengatasi masalah pem-buangan sisa adalah lebih besar daripada sepatut-nya. Bumi negara kami hampir 60 peratus diliputi hutan hujan tropika, ma-nakala 15 peratus lagi di-liputi tumbuh-tumbuhan yang ditanam. Setiap kar-bon dioksida yang kami keluarkan, kami mampu menyerapnya.

Jika pencemaran boleh dibendung dalam sempa-dan sesebuah negara, maka Malaysia tidak per-lu berasa bimbang. Teta-pi, Malaysia terpaksa menghadapi pencemaran yang melepasi sempadan. Kebanyakan negara maju tidak dapat memenuhi ka-pasiti pembuangan sisa di negara mereka. Mereka menebang tebas hutan di negara mereka hingga ti-dak dapat menampung pengeluaran sisa pembu-angan mereka yang besar dan terpaksa bergantung kepada negara miskin.

Malaysia bersedia me-lakukan sesuatu. Tetapi, apakah tidak ada jalan mengatasi masalah pem-buangan sisa? Adakah wa-jar negara miskin dipaksa membersihkan setiap ke-kotoran yang dicipta di negara kaya? Bukankah wajar tanggungjawab, kos dan tugas pembersihan dikongsi bersama? Inilah persoalan yang memerlu-kan jawapan di persida-ngan ini.

Untuk mendapatkan ja-wapan yang tepat, ia me-merlukan satu kejujuran dan keikhlasan pada se-tiap pihak. Kita sudah banyak bercakap menge-nai orde baru dunia, hak kemanusiaan, demokrasi dan keadilan. Kita me-merlukan bukti mengenai perkara ini semua, terutamanya ketika kita cuba mengenal pasti punca dan cara mengatasi masalah

Kami mengakui manusia yang mengharapkan pembangunan adalah punca pencemaran dan mewujudkan alam sekitar yang tidak sihat. Kita tidak boleh memberhentikan pembangunan sama sekali, tetapi sekurang-kurangnya mengurangkan pencemaran yang berpunca daripada pembangunan.

Jika kita ingin mencapai pembangunan mampan, bermakna kita mesti bersedia melakukan pengubahsuaian perlu. Tetapi, jika kita mula mengatakan itu adalah satu cara hidup dan tidak boleh disentuh serta tidak boleh dirundingkan, maka ia tidak membawa apa-apa erti mengenai pembangunan dan alam sekitar.

Ada dakwaan mengatakan salah satu punca wujudnya keadaan alam sekitar yang tidak sihat adalah disebabkan saiz penduduk di sesetengah negara membangun. Kami menolak sangkaan seperti ini.

Bagaimanapun, kami mengambil perhatian mengenai usaha negara kaya yang cuba mewujudkan kadar kelahiran yang rendah. Jika kita mahu mengurangkan pertumbuhan bilangan penduduk, maka kita mesti membantu masyarakat miskin supaya mereka maju. Tetapi, apa yang kami dengar daripada negara maju ialah cadangan yang mendorong negara miskin memberhentikan pemba-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

15 JUN 1992

.....

POTONGA

ngunan supaya dapat mengurangkan pencemaran. Kita mungkin boleh mengurangkan pencemaran, tetapi akhirnya akan menyebabkan peningkatan bilangan penduduk berlebihan di negara membangun yang miskin.

Kami tahu 25 peratus daripada penduduk dunia di negara kaya menggunakan 85 peratus daripada kekayaannya dan mengeluarkan 90 peratus daripada sisa buangannya. Daripada perkiraan matematik, jika negara kaya mengurangkan penggunaan sisa buangan kepada 25 peratus, kadar pencemaran akan berkurangan 22.5 peratus. Tetapi, jika negara miskin yang berjumlah 75 peratus mengurangkan keseluruhan penggunaannya dan lenyap daripada muka bumi sekalipun, pencemaran cuma dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus saja.

Apa yang dilakukan oleh negara kayalah yang sepatutnya diambil perhitungan, bukan apa yang dilakukan oleh negara miskin, tetapi ini tidak berlaku. Itulah sebabnya negara kaya wajar menukar cara hidup mereka. Perubahan hidup bagi negara miskin saja, selain tidak adil akan mewujudkan suasana yang tidak produktif. Sebaliknya, negara kaya hanya bercakap mengenai kedaulatan pengguna dan hak terhadap cara hidup mereka. Negara kaya tidak mahu menerima cadangan mengurangkan pembuangan karbon dioksida dan gas rumah hijau yang lain kerana ia memerlukan kos dan membantut kemajuan mereka. Sebaliknya, mereka membiarkan penduduk miskin di negara membangun terus lemas, seolah-olah ia tidak mendatangkan kesan kepada mereka.

Salah satu daripada isu utama yang kita harap diselesaikan ialah soal kepanasan dunia. Di sini, salah satu daripada negara perindustrian tidak bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksida pada kadar, yang pada umumnya, diterima oleh orang lain. Disebabkan ia adalah punca utama pencemaran industri, maka keputusan yang dibuatnya menyebabkan sebarang perjanjian yang dicapai, tidak seimbang dan tidak bermakna.

Malaysia sejak beberapa tahun lalu mengambil langkah mengawasi pengeluaran karbon dioksida. Kami mengenakan cukai 300 peratus ke atas kereta yang mempu-

juga dikenakan cukai yang berat. Tetapi, di kebanyakan negara maju, cukai yang dikenakan ke atas automobil dan petrol adalah minimum menyebabkan kadar bilangan kereta adalah tinggi. Tentunya pengurangan bilangan kereta persendirian dan pengangkutan awam tidak dapat mengubah cara hidup. Tetapi, ia boleh menghasilkan sesuatu yang mengkagumkan terhadap masalah dunia yang kian panas.

Satu lagi isu yang kita hadapi ialah biodiversiti. Negara miskin diberitahu supaya mengekalkan hutan mereka dan sumber baka demi kepentingan masa depan manusia. Ini samalah seperti memberitahu negara miskin, mereka mesti terus- menerus menjadi miskin kerana hutan mereka dan sumber lain adalah terlalu berharga untuk mereka. Bagaimanapun, mereka tidak menolak nilai biodiversiti, sekurang-kurangnya bukan keseluruhannya.

Menafikan sumber mereka akan hanya menjadikan mereka miskin dan membantutkan pembangunan. Sudah tentu jika mereka menemui sesuatu dalam hutan berkenaan, mereka berhak mendapat sebahagian pulangannya.

Tetapi, sekarang kita diberitahu negara kaya tidak bersetuju memberi pampasan kepada negara miskin atas pengorbanan yang mereka lakukan. Negara kaya mempertikaikan pelbagai jenis baka yang tersimpan dan dikawal oleh negara miskin, adalah tidak bernilai sehingga negara kaya, menerusi kebijaksanaan mereka, mengeluarkan segala potensi di dalamnya. Ia adalah harta intelektual dan mesti mendapat hakcipta serta dilindungi.

Negara membangun yang mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur, April lalu bersetuju dengan rancangan menanam semula hutan di seluruh dunia. Satu tabung untuk 'Menghijaukan Dunia' dicadangkan. Tetapi, negara Utara menentang cadangan ini. Barangkali ia dianggap satu lagi percubaan negara membangun untuk 'memeras' negara kaya dengan menggunakan isu alam sekitar. Negara Utara hanya nampak helah yang digunakan oleh Selatan dan memastikan mereka tidak diperas. Meskipun begitu, negara Utara menuntut pula satu konvensyen diwujudkan.

hutan di negara miskin Selatan mengikut telunjuk mereka tanpa perlu mengeluarkan sebarang kos. Tawaran yang mereka buat adalah lebih rendah daripada kerugian pendapatan negara miskin dan itupun dilakukan sebagai konsesi yang memadai.

Kami menerima Kemudahan Alam Sekitar Sedunia (GEF) dan bersetuju ditadbirkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) yang dikuasai oleh Bank Dunia. Tetapi, mengapa kami tidak diberi sedikit suara, mengapa kami tidak diberi ruang dalam mentadbirkan tabung ini? Tentunya ini tidak bermakna negara Selatan cuba memeras Utara.

Negara miskin tidak meminta derma. Bila negara kaya menebang tebas hutan mereka, membina kilang yang mengeluarkan racun dan mendatangkan masalah kepada dunia kerana sumber yang murah, negara miskin tidak pun berkata apa-apa. Pada hal mereka membayar untuk pembangunan di negara kaya. Sekarang, negara kaya menuntut hak untuk melaksanakan peraturan pembangunan di negara miskin. Meskipun begitu, jika ada cadangan supaya negara kaya memberi pampasan kepada negara miskin secukupnya, dianggap sebagai keterlaluan. Sebagai negara yang pernah dijajah kami dieksploitasi. Sekarang, sebagai sebuah negara yang merdeka, kami juga dieksploitasi.

Malaysia menyedari masalah ini, lama sebelum tiba di Rio. Dalam dunia yang mengagungkan demokrasi, kami mendapati negara yang berkuasa meletakkan pelbagai syarat untuk kami mengambil bahagian dalam proses demokrasi. Kami terkilan atas prinsip keadilan dan saksama ini. Malah, kami dapati Deklarasi Rio dan Agenda 21 telah dikaburi atas desakan kuasa besar dan kaya.

Walaupun wujud hal seperti ini, kami masih menaruh harapan yang tinggi terhadap persidangan ini dan kami menganggap persidangan mengenai alam sekitar dan pembangunan ini sebagai berjaya sekiranya wujud persefahaman menghadapi masalah yang kita hadapi, dan perlunya kita bekerjasama berasaskan kepada hak persamaan. Malaysia akan melakukan apa saja yang difikirkan

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH - 2 JUL 1992

PM: Wawasan 2020 bergantung kepada kualiti keluarga

KUALA LUMPUR 1 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua golongan bahawa kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, banyak bergantung kepada kualiti keluarga yang diwujudkan.

Perdana Menteri berkata ini kerana keluarga merupakan unit sosial terpenting dalam masyarakat yang boleh menentukan arah dan arus pembangunan masyarakat.

"Sama ada kita berjaya menjadi negara maju atau tidak banyak bergantung kepada kualiti keluarga Malaysia," katanya ketika berucap melancarkan program 'Rumahku Syurgaku' di Auditorium Besar, Angkasapuri, di sini.

Oleh itu; katanya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing ke arah mewujudkan keluarga bahagia dan menyeru kerajaan-kerajaan negeri supaya mengambil inisiatif melaksanakan program tersebut.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata bahawa hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang tidak akan tercapai sekiranya individu yang menjadi elemen terpenting dalam masyarakat membelakangkan sifat-sifat positif yang sepatutnya dimiliki mereka.

"Oleh itu sifat-sifat mulia yang dianjurkan oleh Islam seperti sayangkan negara, cintakan keluarga, rajin dan tertib, berdaya saing, bertolak ansur, tidak mensiasiakan masa dan sebagainya perlu dipraktik lebih daripada yang diperkatakan," kata beliau.

Perdana Menteri lalu mengingatkan ibu bapa bahawa mereka mempunyai peranan penting untuk memahami hasrat negara dan seterusnya membantu membentuk peribadi generasi muda supaya sesuai dengan perubahan-perubahan yang akan berlaku menjelang tahun 2020.

Katanya, kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap kebahagiaan keluarga dan peranannya dalam masyarakat kerana tidak mahu keruntuhan moral dan kehancuran institusi keluarga di barat akibat kebebasan yang tidak terhad, berlaku di sini.

"Tanpa keluarga tidak akan ada kesinambungan nilai hidup di kalangan generasi yang menurut," kata Dr. Mahathir, dan menambah kata kerajaan bukan sahaja berusaha mempertahankan institusi keluarga tetapi meningkatkan kualiti mereka melalui pelbagai program supaya mereka dapat mengecap hasil pembangunan negara.

Beliau memberikan contoh di bawah program pembasmian kemiskinan, kerajaan bukan sahaja melihatnya dari sudut kebendaan tetapi daripada segi kualiti manusia yang menyeluruh termasuk kemiskinan pengetahuan dan kerendahan moral, yang mempunyai kesan terhadap kesejahteraan negara.

Strategi

Dr. Mahathir berkata pelancaran program 'Rumahku Syurgaku' tepat pada masanya ketika kerajaan sedang menyusun strategi dan perancangan menuju ke arah negara maju.

Di samping itu juga beliau mahukan ibu bapa serta generasi muda supaya menghayati ajaran Al-Quran, yang menjelaskan cara-cara ketua keluarga boleh memastikan hidup anak-anak berada di jalan yang benar.

Bagi generasi muda yang merupakan pewaris yang akan menerajui kepimpinan negara pula, mereka perlu mempunyai saksiah yang baik serta memiliki tingkah laku terpuji terutama ketika berhadapan dengan ibu bapa mereka, katanya.

Katanya, mereka perlu kembali kepada ajaran Islam dan Al-Quran memandangkan pelbagai masalah sosial yang berlaku sekarang berpunca daripada kurang didikan dan asuhan agama.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa faktor terpenting ke arah mewujudkan rumah tangga bahagia adalah didikan dan asuhan dan bagi umat Islam didikan Islamlah yang menjadi terasnya.

Selain daripada faktor kejujuran, keikhlasan, tolong menolong dan bantu membantu bagi mewujudkan suasana bahagia, masyarakat juga perlu sentiasa bersyukur dengan apa yang dikurniakan kepada mereka, kata beliau. — Bernama.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH - 4 JUL 1992

Pengajaran sains perlu diubah: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tatacara pengajaran sains dan kejuruteraan di institusi pengajian tinggi mungkin perlu diubah dengan memberi latihan amali kepada pelajar sebelum mereka diajar teori dan prinsip, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan pelajar lebih mudah faham jika mereka dilengkapkan dengan mata pelajaran secara fizikal.

"Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi perlu memodenkan pendidikan sains dan kejuruteraan selaras dengan perubahan masa.

"Universiti dan institusi pengajian lain mesti menyediakan pendidikan berterusan dan latihan semula bagi melahirkan jurutera yang lebih berwibawa," katanya merasmikan majlis makan malam tahunan Lembaga Jurutera Malaysia di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, menjelang 2000, kira-kira 56,600 jurutera diperlukan berbanding 26,500 pada 1990, iaitu meningkat 9.8 peratus setiap tahun.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, jurutera Malaysia perlu menumpu kepada pemindahan teknologi kerana ia hanya berjaya dilaksanakan jika ada kesungguhan untuk menerimanya.

Katanya, pemindahan teknologi boleh dilaksanakan jika jurutera tempatan yang bersikap sebagai pemerhati cekap dan teliti serta sentiasa menambah pengetahuan mengenai teknologi mutakhir.

"Tiada gunanya menyalahkan pihak asing yang keberatan memindahkan teknologi mereka kepada kita. Perlu disedari bahawa kita sendiri tidak berminat memindahkan teknologi kita kepada orang lain, terutama saingan kita.

"Oleh itu, jurutera mesti bersedia menggunakan pengetahuan dan pengalaman bagi meningkat kepakaran mereka setiap masa. Tiada sesiapa yang akan membimbing kita sepanjang perjalanan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga perlu diperkemas, khususnya memastikan ia tidak menjadi amalan akademik saja kerana ia adalah sains gunaan yang berhubung kait dengan matlamat organisasi.

Katanya, R&D hanya berguna jika semua pihak mempunyai sikap yang sesuai terhadap hasil kajian dan penyelidikan.

"Diketahui umum bahawa walaupun semua penyelidikan asal dijalankan di Barat, Jepun yang mendapat faedah pelaksanaan hasil R&D," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejuruteraan di bidang gas dan minyak perlu diberi tumpuan khusus kerana timbul masalah kepakaran kejuruteraan tidak selaras dengan pertumbuhan pesat sektor itu.

Beliau turut menasihatkan jurutera tempatan supaya menjadi perintis dalam usaha mengatasi masalah pengeluaran asap kenderaan kerana ia dapat mengelak daripada sekadar membeli peralatan antipencemaran dari Barat.

"Kita tidak patut membenarkan Barat mendapat untung daripada kembangan terhadap masalah alam sekitar sejagat. Jurutera tempatan patut mengkaji punca enjin yang mengeluarkan banyak asap dan mencari jalan mengatasi masalah itu," katanya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH - 4 JUL 1992

Jangan tolak dunia: Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu masyarakat Islam meningkatkan penguasaan ilmu seimbang dengan amalan agama dalam usaha mencapai matlamat kemajuan dan kegemilangan pada abad ke-21.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, mereka perlu berusaha menyaingi negara maju di segi penguasaan pelbagai ilmu yang boleh menjadikan negara Islam kukuh, kuat dan mampu menangkis segala ancaman.

"Imbangan di antara dunia dan akhirat mesti mempengaruhi setiap kegiatan umat Islam. Dunia tidak boleh ditolak kerana mementingkan akhirat manakala akhirat juga tidak boleh ditolak kerana keperluan dunia.

"Walaupun banyak negara yang ditakrif negara maju, kita juga tahu bahawa kemajuan mereka di segi intelek dan fizikal diiringi dengan keruntuhan moral dan akhlak yang ketara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020 dan melancarkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Ikim, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim; beberapa menteri Kabinet serta diplomat asing.

Dr Mahathir berkata, tafsiran yang berbeza, mengeliru dan melemahkan umat Islam perlu dikaji dengan teliti supaya dapat diperbetul.

"Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian daripada Nabi Muhammad tidak boleh dianggap setaraf dengan ajarannya dan dengan itu boleh diulas, diselidik atau digugurkan jika didapati bercanggah dengan al-Quran dan hadis," katanya.

Berikutan itu, Perdana Menteri menegaskan, kalangan ilmuan yang akan menyelidik bidang tertentu di Ikim perlu mempunyai pandangan terbuka dan berani menyoal pandangan yang *orthodox*.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, tentangan hebat akan datang daripada mereka yang benar-benar percaya bahawa apa yang mereka percaya dan ajar adalah benar dan tidak boleh disoal manakala sebarang keraguan dianggap bertentangan dengan akidah.

"Baru-baru ini kontroversi berkenaan teori '*big bang*' (letupan besar) yang menjadikan alam raya. Mengikut fahaman lama, tidak ada letupan besar, sebaliknya kita fahami bahawa langit dan bumi tidak begitu jauh.

"Sekarang kita fahami bahawa ada kemungkinan letupan besar ini berlaku dan juga mengenai jarak bintang dan bumi jauhnya berbanding perjalanan cahaya mungkin 100 atau 1,000 tahun baru sampai.

"Ini adalah pendapat baru. Tetapi ia tidak menidakkan kebenaran Islam, bahkan membuktikan kebesaran Tuhan iaitu alam raya ini tidak sebesar yang kita fikir, jauh lebih besar daripada itu, oleh itu harus kita terima," katanya.

Katanya, Ikim ditubuhkan untuk mengkaji perkara seumpama itu bagi menghilangkan silap tafsiran yang berleluasa di kalangan umat Islam sejak 1,400 tahun lalu.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

...ONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN .....BERTARIKH - 4 JUL 1992 .....

...UMAT ISLAM MESTI TEBUS SEMULA MARUAH DIRI.

UCAPAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Majlis Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21 di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

INSTITUT Kefahaman Islam Malaysia disyorkan kerana ada banyak kekeliruan di kalangan orang Islam dan bukan Islam mengenai agama Islam sehingga berlaku salah faham dan sengketa bukan sahaja di antara orang Islam dengan bukan Islam tetapi juga di antara orang Islam dengan orang Islam.

Sama ada kita suka atau tidak, ramai bukan Islam yang berpendapat bahawa Islam adalah agama yang dikait rapat dengan kemunduran, kemiskinan dan kelemahan. Kebelakangan ini pula Islam sering dikaitkan dengan keganasan dan *irrationality* — iaitu tindakan atau pemikiran yang tidak berprinsip.

Kita kecewa dengan pandangan serong terhadap Islam dan orang Islam. Tetapi hakikatnya ialah orang Islam dan negara-negara Islam memang ketinggalan, lemah dan bergantung kepada negara asing dan orang asing untuk pelbagai keperluan hidup di dunia moden ini. Di masa yang sama orang Islam sukar bekerjasama dan bersepakat. Mereka mudah membiarkan diri diperalatkan untuk kepentingan asing. Mereka juga tidak mampu dan kadang-kadang tidak mahu menolong sesama sendiri. Perpecahan dan permusuhan antara mereka jelas terlihat dan mereka sering bersengketa sesama sendiri.

Pemerintahan negara-negara Islam di zaman ini biasanya lemah, ketinggalan, kerap kucar-kacir dan tidak tertib. Tidak ada negara Islam yang boleh dianggap sebagai kuasa besar yang disegani oleh dunia. Semua negara Islam dianggap sebagai negara membangun walaupun ada yang kaya raya. Ini adalah kerana di segi teknologi dan kecanggihan, negara Islam tidak berkemampuan.

Tetapi keadaan ini bukanlah selalunya begitu. Islam dan umat Islam pernah melalui zaman-zaman kegemilangan yang panjang, di waktu orang Islam, agama Islam dan negara-negara Islam dihormati dan dimuliakan. tahu dari sejarah bahawa selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w., penganut Islam mara dari Semenanjung Arab ke Utara, Timur dan Barat.

Dalam jangkamasa yang pendek mereka berjaya mengembangkan Islam dari Sepanyol di Barat hingga ke China di Timur.

Sebuah empayar yang terbesar dalam sejarah dunia pernah didirikan oleh orang Islam melalui tindakan dakwah, ketenteraan dan pemerintahan yang cekap. Negara-negara Islam muncul dan terkenal dengan tamadun yang tinggi dan canggih.

Di wilayah-wilayah Islam ada cerdik pandai yang cekap dalam bidang pentadbiran, pembangunan, pertanian, industri, kejuruteraan, pertanian, ilmu sains dan hisab tinggi, ilmu falak dan pelayaran, perubatan dan bermacam-macam lagi ilmu selain daripada agama Islam, hukum-hakam dan tafsirannya.

Institusi-institusi pelajaran tinggi bertaburan dari Sepanyol hingga ke Asia Tengah, lengkap dengan perpustakaan dan makmal. Ilmu-ilmu lama dari tamadun yang sudah luput seperti Greek dan Rome dikaji, ditokok tambah dan dibukukan secara teratur.

Orang daripada suku kaum Turki di Asia Barat dan Asia Tengah menerima agama Islam dan sekali lagi mereka menjadi bangsa yang maju dan dapat memperluaskan wilayah Islam ke Eropah Timur. Wilayah yang ditadbir oleh mereka dibangunkan dengan pesat, lengkap dengan jalan, saluran air, bangunan, tembok dan menara, pusat membeli belah, rumah tumpangan dan pelbagai lagi kemudahan yang menandakan tamadun yang tinggi.

Kemudian satu persatu wilayah Islam ini jatuh ke tangan bangsa Eropah. Sepanyol direbut balik oleh bangsa Sepanyol dan Eropah Timur oleh bangsa-bangsa di situ. Di Asia Tengah negara-negara Islam yang diduduki oleh suku kaum Turki dan Parsi jatuh ke tangan Russia.

Akhirnya semua wilayah Islam ditakluki oleh kuasa Barat. Hanya yang tinggal ialah Turki dan padang pasir yang mengelilingi Makkah dan Madinah.

Soal yang perlu ditanya ialah kenapakah sebuah empayar yang begitu besar dan kuat akhirnya menjadi lemah dan ditakluki oleh orang lain? Apakah bezanya di antara orang Islam dalam abad-abad selepas wafat nabi Muhammad s.a.w. yang begitu berjaya mengembangkan wilayah dan ajaran Islam serta menguasai pelbagai ilmu dunia dengan orang Islam yang datang kemudian yang tidak dapat mempertahankan wilayah-wilayah yang mereka warisi, kurang berilmu dan lemah dalam serba-serbi?

Kita yakin bahawa penganut-penganut agama Islam dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan abad-abad yang berikut memiliki semangat keIslaman yang tulen. Di samping itu, ajaran baginda masih terang dan jelas dalam hati mereka. Tidak ada kekeliruan di kalangan mereka mengenai ajaran Islam kerana belum ada pentafsir-pentafsir yang berpolemik mengenai hukum-hakam Islam dan lain-lain ajaran Islam.

Agama Islam pada zaman itu adalah agama yang mudah yang tidak membebankan penganutnya dan sudah tentu tidak menghalang kemajuan mereka. Ajaran bahawa dunia dan kemajuan di dunia tidak penting tidak menakluki fikiran orang Islam di abad-abad awal Islam berkembang. Justeru itu, mereka berusaha menguasai semua ilmu dan mengejar kebahagiaan di dunia. Hasilnya ialah satu tamadun yang mengimbangi dunia dan akhirat. Kejayaan orang Islam dalam semua bidang ilmu, serta kecekapan dan kemajuan mereka adalah begitu tinggi sehingga mereka dapat mengatasi penganut agama lain.

Oleh kerana umat Islam cekap dan pandai dan dapat mendirikan negara-negara yang kukuh dan kuat maka agama Islam dan orang Islam dihormati. Bagi orang Islam dakwaan bahawa agama Islam adalah agama yang benar mudah diterima. Walau bagaimanapun, bagi orang yang bukan Islam dakwaan oleh orang Islam tidak mempunyai kesan. Yang berkesan kepada mereka ialah kelihatan secara nyata bahawa penganut agama Islam jelas maju, kuat dan cekap dalam bidang-bidang yang mereka sendiri ceburi. Demikian kejayaan tentera Islam menewaskan tentera bukan Islam lebih meyakinkan mereka akan kebesaran Islam daripada dakwaan bahawa orang Islam yang kalah, mati syahid dan memperolehi kemenangan.

Ada daripada kalangan orang Islam yang berpendapat sama ada orang lain menghormati orang Islam atau agama Islam tidak penting. Yang penting ialah iman orang Islam dan akhirat. Bagi mereka yang terlindung daripada tekanan orang asing, pandangan ini mungkin mudah diterima. Tetapi hari ini ramai orang Islam di seluruh dunia yang ditindas dan ramai juga yang dipisahkan daripada aga-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

:ONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN .....BERTARIKH - 4 JUL 1992 .....

TAN
JUM3

ıereka, sedangkan ti-
/ada satu pun negara
n yang mampu mem-
ı perlindungan atau
ıolongan.

enghormatan orang
kan Islam terhadap
ıma Islam adalah pen-
g, kerana ia akan men-
nin penindasan tidak
:an berlaku kepada
nat Islam. Dan orang Is-
m pula tidak akan mu-
ah kecewa, dan dengan
u tidak akan mudah di-
ıisahkan daripada agama
nereka. Walau apa pun
ıasil daripada penghor-
matan kepada agama Is-
lam, hakikatnya ialah ti-
dak ada sesiapa yang suka
agama mereka dipandang
rendah dan dihina.

Jika Islam pada satu masa dahulu dapat membawa tamadun yang gemilang, apakah Islam pada hari ini tidak mungkin mewujudkan sekali lagi satu tamadun yang sama kegemilangannya? Mereka yang berfikiran waras tentu yakin bahawa ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Pencapaiannya sudah tentu tidak mudah. Sudah tentu ia akan mengambil masa. Tetapi sesuatu matlamat itu tidak akan tercapai tanpa permulaan. Segala-galanya bermula dengan langkah pertama.

Setiap orang Islam tentu berminat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam. Masalahnya ialah bagaimana kita dapat menjayakan matlamat ini. Sudah tentu jika kita teruskan amalan sekarang, jika kita tidak mengambil usaha tertentu ke arahnya, kejayaan tidak akan datang dengan sendirinya. Sebaliknya, besar kemungkinan kita akan ditinggal lebih jauh di belakang.

Langkah pertama yang perlu diambil ialah menentukan matlamat, iaitu mendefinasikan apa yang dimaksudkan dengan kemajuan dan kegemilangan. Walaupun ada banyak negara yang ditakrif sebagai negara maju, kita juga tahu bahawa kemajuan mereka di segi intelek dan fizikal diiringi dengan keruntuhan moral dan akhlak yang ketara. Sudah tentu ini bukanlah contoh kemajuan dan kegemilangan yang kita harus kejar.

Namun kita masih perlu mengimbangi negara-negara maju di segi penguasaan pelbagai ilmu, iaitu kecekapan dalam bidang sains dan teknologi, ciptaan, perubatan, pentadbiran, sosial, ekonomi dan politik dan bidang lain yang boleh menjadikan negara Islam kukuh, kuat dan mampu menangkis segala ancaman. Dan kita perlu imbangi negara-negara maju dalam bidang-bidang ini tanpa keruntuhan moral dan akhlak dan pegangan kita kepada agama kita.

Pemerintahan Islam yang cekap adalah sesuatu yang amat penting dalam membawa kejayaan dan kemajuan. Di zaman empayar Islam pemerintahan yang kemas dan adil terbukti. Rakyat yang terdiri daripada bukan Islam bukan sahaja menerima pemerintahan Islam tetapi orang Yahudi, apabila ditindas oleh masyarakat Kristian di Eropah, sering melarikan diri ke negara-negara Islam. Mereka tahu mereka akan dapat keadilan dan tidak akan menghadapi 'pogrom' iaitu pembunuhan beramai-ramai yang kerap dilakukan terhadap crang Yahudi di beberapa negara Eropah.

Justeru itu, ilmu pemerintahan perlu dikaji supaya negara Islam akan mendapat pemerintahan yang adil dan kemas. Keadilan kepada semua kaum dan penganut agama harus menjadi budaya pemerintahan Islam. Pemerintahan Islam hendaklah berusaha supaya negara mencapai kemajuan yang pesat yang boleh menandingi negara maju yang lain. Namun, soal ketertipan, akhlak dan nilai hidup yang mulia yang sesuai dengan ajaran Islam tidak boleh diabaikan.

Budaya dan tamadun negara Islam mestilah mengimbangi pembangunan rohani dengan pembangunan material.

Imbangan di antara dunia dan akhirat mesti mempengaruhi setiap yang dilakukan oleh orang Islam. Dunia tidak boleh ditolak kerana mementingkan akhirat dan akhirat juga tidak boleh ditolak kerana keperluan dunia. Kedua-duanya mesti diberi penghargaan yang sama.

Usaha ke arah mengembalikan zaman kegemilangan Islam itu sendiri patut dianggap sebagai satu tanggungjawb yang mulia. Kejayaan ke arah matlamat ini harus dianggap sebagai ganjaran dan balasan. Jika dalam proses ini, diri sendiri mendapat sesuatu, ini adalah kebetulan sahaja dan bukan matlamat. Sebenarnya, jika negara Islam maju semua pihak akan mendapat nikmat.

Untuk mencapai matlamat ini, kajian-kajian mesti dibuat mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam dan asas-asas pencapaian umat Islam di zaman dahulu. Kajian yang hendak dibuat mestilah ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh sentimen dan 'bias' yang ada di kalangan umat Islam sekarang. Kenyataan mesti diterima dan khayalan disingkirkan. Tidak ada manfaat yang akan diperolehi dengan mendakwa bahawa walaupun umat Islam sekarang kelihatan tidak maju dan lemah tetapi sebenarnya mereka maju dan gagal. Demikian juga tidak ada faedahnya mendakwa bahawa walaupun orang lain kelihatan maju dan kuat tetapi mereka sebenarnya mundur dan lemah. Penipuan diri tidak ada tempat dalam kajian yang berilmiah.

Hanya dengan kajian yang jujur dan tindakan yang berilmiah serta berpandukan kenyataan barulah sesuatu dapat dibuat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam. Saya berharap Institut Kefahaman Islam akan memainkan peranan yang utama dalam usaha memulih semula keagungan Islam, umat Islam dan negara Islam.

Untuk tujuan ini tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru serta melemahkan orang Islam perlu dikaji semula dengan teliti supaya dapat diperbetulkan. Sejarah Islam juga perlu didalami supaya kita akan mendapat iktibar daripadanya.

Ilmuan yang akan menyelidik bidang-bidang tertentu di institut ini perlu mempunyai fikiran yang terbuka dan berani menyoal pandangan-pandangan yang ortodoks. Yang mesti diutamakan ialah kebenaran dan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian tidak boleh dianggap sebagai setaraf dengan ajaran nabi Muhammad s.a.w. dan dengan itu boleh diulas dan diselidik serta digugurkan jika didapati bercanggah dengan al-Quran dan ajaran Nabi Besar kita.

Usaha ke arah ini tidaklah mudah. Tentangan hebat akan datang daripada mereka yang benar-benar percaya bahawa apa yang mereka percaya dan yang mereka ajar adalah benar dan tidak boleh disoal. Sebarang keraguan terhadap apa yang dipercayai oleh mereka akan dianggap oleh mereka sebagai bertentangan dengan akidah. Demikian apabila sesuatu yang baru yang mungkin diasaskan kepada kebenaran sains diutarakan, maka mereka menuduh bahawa ia tidak benar kerana bercanggah dengan apa yang sudah mereka percayai. Bahawa dunia ini adalah bulat seperti bola, bahawa langit dan bintang adalah lebih jauh daripada yang mereka anggarkan, bahawa manusia boleh ke bulan, semuanya ditolak dahulu tetapi akhirnya diterima. Hanya kerana yang nyata ini diterima tidak menidakkan kebenaran ajaran Islam. Ia hanya menidakkan tafsiran dan pengertian ulama Islam yang terdahulu.

Dengan peredaran zaman banyak lagi perubahan pendapat yang mesti dilakukan. Tafsiran-tafsiran yang lama mungkin didapati tidak lagi sesuai dengan kenyataan. Banyak lagi perkara dan ke

Lihat muka 10

Islam pentingkan dunia dan akhirat

Dari muka 8

bolehan yang sekarang dianggap ajaib dan mustahil akan menjadi kenyataan umum dan biasa. Tetapi agama Islam terus relevan dan tepat. Yang salah bukannya agama tetapi pentafsir agama.

Justeru itu, Institut Kefahaman Islam ini tidak harus bimbang akan tentangan terhadap kebenaran yang akan mereka temui dalam penyelidikan mereka mengenai agama Islam dan amalan-amalan serta kepercayaan-kepercayaan umat Islam sekarang. Asalkan tidak ada niat yang lain daripada mencari kebenaran demi memajukan agama, umat dan negara Islam, agama Islam tidak akan tercemar dengan kajian-kajian yang dibuat.

MENDENGAR UCAPAN... peserta kongres mendengar ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sempena perasmian Institut Kefahaman Islam, Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020 diadakan. Tajuk kongres ini adalah tepat sekali. Negara dan umat Islam perlu membuat persediaan untuk abad ke-21 iaitu hanya lapan tahun lagi. Sebagai persediaan untuk abad ke-21 negara telah membentuk satu wawasan yang diharap dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Matlamat negara ialah supaya pada tahun 2020 kita akan menjadi sebuah negara maju. Takrif maju sudah pun dijelaskan. Ia tidak bermakna pembangunan material yang membelakangkan kerohanian. Matlamat kita ialah sebuah negara yang maju di segi ilmu, kecekapan dan kekayaan tetapi yang tidak kehilangan moral dan pegangan kepada ajaran agama.

Malangnya, ada pihak yang kononnya menekankan wawasan akhirat. Sebenarnya, kerajaan dan masyarakat Islam di Malaysia tidak pernah mengetepikan akhirat. Tetapi akhirat mesti diimbangi dengan dunia. Kehidupan umat Islam dalam kehinaan di dunia tidak akan menjamin kebahagiaan di akhirat. Tetapi akhirat mesti diimbangi dengan dunia. Sebaliknya mereka yang dapat menumpukan kepada akhirat banyak bergantung kepada kebahagiaan hidup di dunia, hasil daripada usaha pihak lain.

Adalah diharapkan dalam kongres pertamanya ini Institut Kefahaman Islam akan membuahkan fikiran yang boleh menghapuskan syak wasangka dan salah faham pihak tertentu yang cuba menghalang pembangunan umat Islam dan negara Islam, Insya-Allah. Dengan doa dan harapan bahawa Institut Kefahaman Islam ini dan kongresnya yang pertama akan mencipta sejarah baru dalam mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 29 JUL 1992

SALAHKAN DIRI SENDIRI.

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Selasa — Kegagalan rancangan kerajaan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera berpunca daripada sikap usahawan Bumiputera sendiri yang tidak mahu menerima hakikat bahawa mereka lemah dalam bidang pengurusan dan tidak mengamalkan nilai mulia dalam berurusniaga, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pendapat bahawa masyarakat Bumiputera tidak dapat menyertai sektor berkenaan kerana modal yang terhad, tidak boleh diterima lagi kerana mereka yang menerima bantuan atau pinjaman kewangan, juga gagal dalam perusahaan.

Menurut Perdana Menteri, tiga faktor yang menyebabkan Bumiputera gagal menjadi usahawan berjaya, iaitu tidak mengamalkan nilai amanah dan bertanggungjawab, tidak mempunyai kesabaran dan lemah dalam bidang pengurusan.

Berucap melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera, di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, pencapaian Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian adalah tidak setimpal dengan peruntukan kewangan yang dibelanjakan.

"Sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB), pelbagai program dan kemudahan disediakan. Pelbagai badan amanah seperti Mara, Uda dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan untuk membolehkan Bumiputera bergiat dalam bidang korporat.

"Beribu-ribu juta ringgit diperuntukkan dan pelbagai tabung seperti Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung Usahawan Baru diwujudkan. Malangnya usaha membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera belum mencapai tahap yang digariskan," katanya.

Oleh itu, katanya, pendapat bahawa Bumiputera tidak dapat menyertai sektor berkenaan kerana modal yang terhad, tidak boleh diterima lagi.

Perdana Menteri menegaskan, nilai mulia yang diamalkan oleh masyarakat Bumiputera adalah faktor penting bagi mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Menurut beliau, sebarang latihan untuk usahawan dan peniaga tidak membawa sebarang hasil jika tekanan kepada nilai mulia seperti amanah dan bertanggungjawab tidak diberi perhatian.

Katanya, kecekapan pengurusan semata-mata tanpa amanah boleh digunakan untuk melakukan jenayah dan penipuan.

Beliau berkata, apabila seorang Bumiputera melakukan sesuatu yang tidak beramanah dan bertanggungjawab atau beramanah, kesannya akan dirasai oleh seluruh kaum Bumiputera.

"Kesabaran adalah satu lagi faktor penting kerana mereka yang ingin kaya cepat akan ditimpa nasib malang jika mereka berniaga. Perniagaan harus tumbuh perlahan-lahan dan keuntungan bukan untuk dibelanjakan tetapi dilabur semula bagi membesarkan perniagaan.

"Selagi sifat ingin cepat kaya ini berleluasa di kalangan Bumiputera, selama itulah mereka akan gagal mendapat bahagian mereka dalam ekonomi negara," katanya.

Selain itu, kata Dr Mahathir, Bumiputera juga lemah dalam pengurusan tetapi tidak ramai yang berusaha mendapatkan pengetahuan mengenainya.

"Di kalangan Bumiputera ramai berpendapat bahawa jika mereka dilatih membuat satu barangan maka mereka mampu menjadi pengusaha sendiri. Pendapat ini adalah salah. Orang yang boleh membuat sesuatu barangan belum pasti boleh berniaga.

"Ini kerana dia tidak mempunyai kecekapan mengurus, satu disiplin yang sama sekali berlainan daripada pembuatan. Pengurusan adalah aspek penting dalam perniagaan moden dan kecekapan mengurus hanya boleh didapati daripada pengalaman di bawah pengurus lain," katanya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, sebarang usaha melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera tidak akan membawa sebarang hasil selagi aspek yang disebutkan itu tidak diberi penekanan.

"Ramai yang mungkin berpendapat bahawa tidak perlu disebutkan kelemahan ini kerana ia menghina atau melemahkan semangat.

"Tetapi pengalaman menunjukkan walau apapun faktor asing dibaiki atau diatasi, selagi kemampuan pengusaha Bumiputera di segi sikap, sifat dan kecekapan perniagaan tidak ditingkatkan, sebarang usaha akan gagal.

"Kenyataan ini mesti dikenal pasti dan diterima kerana hanya selepas itu pembetulan dapat dibuat," katanya.

LIHAT MUKA 2

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERITA HARIAN.....

.....BERTARIKH 01 AUG 1992.....

DR MAHATHIR Mohamad menulis dalam Berita Harian lagi. Kali ini fokusnya ialah terhadap eksekutif-eksekutif di Malaysia yang mula tertarik kepada falsafah perniagaan Amerika. Gaji dan kemudahan yang tinggi kelihatan menjadi matlamat pengurus-pengurus Malaysia.

Mereka kebanyakannya adalah individualistik yang berasa amat sukar bekerja dengan rakan-rakan mereka. Tetapi kerana ekonomi sedang meningkat, permintaan untuk pengurus-pengurus amat tinggi. Oleh itu, mereka berupaya memperolehi gaji yang besar sama ada mereka berkebolehan atau tidak.

Apakah ini baik untuk ekonomi Malaysia? Dapatkan jawapannya dalam Berita Harian hari ini.

perkara yang utama. Kesetiaan adalah terhadap mereka yang menawarkan gaji dan kemudahan yang besar. Kesetiaan ini amat tidak kekal.

Syarikat lain yang menawarkan ganjaran yang lebih baik akan menghapuskan apa-apa kesetiaan yang ada pada mereka terhadap majikan lama mereka.

Sikap terhadap keuntungan adalah bersifat Amerika. Keuntungan mesti dimaksimumkan untuk membuatkan pemegang-pemegang saham gembira. Apabila mereka gembira, eksekutif-eksekutif akan menerima kenaikan gaji dan bonus.

Pelaburan semula keuntungan kurang diberikan perhatian. Pembesaran syarikat mesti dibiayai melalui pinjaman. Penyelidikan dan pembangunan hanya diberikan peruntukan yang kecil.

Sesetengah syarikat Malaysia memang berpandangan jauh, tetapi jumlahnya adalah kecil dan jarang sekali. Pengurusan suka kepada pulangan yang cepat dan ganjaran yang besar.

Tidak kira setinggi mana gaji pengurusan atasan, kenaikan tahunan mesti diberikan. Terdapat juga kenaikan dua kali ganda diberikan walaupun dalam kes-kes di mana perniagaan tidak membawa sebarang keuntungan.

Seperti yang telah kita lihat, mentaliti seperti ini di kalangan eksekutif-eksekutif atasan di Barat telah mengakibatkan syarikat-syarikat mereka, malah yang paling besar, menjadi semakin tidak menguntungkan. Malah monopoli pun boleh gagal.

Jelas, kecenderungan kepada memberi ganjaran yang begitu besar kepada eksekutif-eksekutif yang kita sudah lihat di Malaysia, adalah tidak sihat. Ia adalah tidak sihat untuk syarikat dan tidak sihat bagi negara.

Sudah sampai masanya bagi eksekutif-eksekutif Malaysia memikir semula falsafah mereka. Malaysia sedang maju ke hadapan. Sebahagian besar daripada ini sebenarnya disebabkan oleh dasar Kerajaan. Tetapi sikap memperkayakan diri oleh eksekutif-eksekutif boleh menjejaskan peranan mereka.

Ekonomi-ekonomi besar seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah boleh merosot kerana sikap-sikap yang salah. Malaysia yang membangun ini tidak pun mempunyai pasaran tempatan, teknologi dan modal seperti



negara-negara maju. Jika kita tidak mengelakkan cara-cara boros mereka, pertumbuhan kita tidak akan kekal.

Sedang pekerja-pekerja perlu berpatutan dalam tuntutan, eksekutif-eksekutif harus turut menyekat keinginan mereka untuk memperkayakan diri mereka dengan cepat.

Malaysia adalah negara yang masih membangun. Kadar inflasinya adalah rendah dan begitu juga kos hidupnya. Hidup yang selesa boleh didapati di Malaysia dengan kereta berpemandu, pembantu rumah dan garaj untuk tiga kereta dengan pendapatan yang dianggap rendah di Barat.

Pertimbangan waras

Memang semua orang ingin kekayaan yang lebih. Tetapi adalah tidak wajar untuk merosakkan ekonomi yang memberi kehidupan yang baik kepada kita sekarang. Sikap yang tidak sihat dan kurang berpandangan jauh sudah tentu boleh menyebabkannya.

Tetapi pendapatan kedua-dua pekerja dan pengurus mesti meningkat dengan pengaliran masa. Peningkatan itu bagaimanapun mesti disebabkan oleh produkviti dan pertimbangan jangka panjang yang waras.

Marjin keuntungan dan dividen yang tinggi bukanlah menjadi matlamat perniagaan di Jepun. Mereka lebih berminat meluaskan lagi pasaran dan berpuas hati dengan marjin keuntungan yang rendah

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

DARI MUKA 6

Sebagai perbandingan kita kurang kenal pengurus-pengurus profesional yang cemerlang di Jepun. Mereka kelihatan tidak begitu menonjol atau mendapat gaji yang amat besar. Tetapi syarikat-syarikat mereka kelihatan berjaya dan membuat keuntungan dengan konsisten.

Di Jepun, kelihatan seperti tidak ada kawasan kediaman untuk orang-orang paling kaya seperti mana terdapat di negara-negara lain. Bukannya kerana mereka tidak mempunyai orang-orang kaya atau yang amat kaya.

Hanya mereka ini tidak suka menunjuk-nunjukkan kekayaan mereka. Mencari wang yang banyak seolah-olah bukanlah menjadi tumpuan utama orang-orang Jepun. Sudah pasti eksekutif-eksekutif mereka kelihatan lebih menumpukan kepada kejayaan syarikat-syarikat yang mereka urus.

Keuntungan besar

Marjin keuntungan dan dividen yang tinggi bukanlah menjadi matlamat perniagaan-perniagaan Jepun. Mereka lebih berminat meluaskan lagi pasaran mereka. Untuk itu, mereka berpuas hati dengan marjin keuntungan yang rendah, walaupun sebenarnya agregatnya lebih besar.

Peniaga-peniaga Jepun sentiasa terus berusaha untuk merendahkan harga jualan mereka supaya mampu dibeli oleh seberapa ramai orang yang boleh. Sering tidak disedari bahawa tanpa strategi Jepun ini harga-harga barangan pembuatan akan menjadi tinggi.

Sebaliknya bagi peniaga-peniaga Amerika dan Eropah mereka akan hanya menaikkan harga-harga barangan mereka untuk menyokong kos yang semakin meningkat akibat peningkatan gaji yang amat besar bagi eksekutif-eksekutif dan kakitangan mereka.

Selain dari itu, mereka tetap ingin mengisytiharkan dividen yang tinggi untuk menggembirakan hati pemegang-pemegang saham mereka dan pasaran saham.

Apabila setiap syarikat meningkatkan kos tetap mereka ia akan meninggikan kos semua input mereka. Kos peralatan dan jentera pengeluaran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang memberikan gaji tinggi kepada kakitangan mereka akan menjadi lebih mahal.

Peningkatan kos

Begitu juga akan berlaku kepada caj-caj pengangkutan dan insurans dan apa-apa sahaja yang digunakan dalam pengeluaran barangan. Kos-kos tetap akan sentiasa meningkat dan menyebabkan semua barangan menjadi amat mahal.

Hanya kerana terpaksa bersaing dengan peniaga Jepun yang menyebabkan semua jenis barangan menjadi murah dan mampu dibeli oleh orang-orang miskin. Tanpa peniaga Jepun, peniaga-peniaga Eropah dan Amerika berkemungkinan mengenakan harga bagi barangan mereka sekurang-kurangnya tiga atau empat kali ganda daripada harga yang dikenakan sekarang. Orang-orang miskin di negara-negara miskin tidak akan mempunyai radio atau televisyen atau lori-lori pick-up jika tidak kerana pendekatan peniaga Jepun.

Dengan persaingan di antara sistem perancangan berpusat Komunis/Sosialis dengan sistem pasaran bebas telah berakhir dengan ketewasan sistem berpusat itu, begitu juga persaingan di antara sistem pengurusan boros oleh Barat dan sistem pengurusan berpasukan oleh Jepun telah membawa kepada kemenangan sistem negara Timur itu.

Meskipun dipaksa menggandakan nilai Yen, dan oleh itu kos semua input, peniaga-peniaga Jepun berupaya mengekalkan kemampuan persaingan mereka. Beserta dengan penguasaan mereka dalam teknologi moden oleh pengurusan mereka, kemungkinan ialah mereka akan terus berjaya.

Kemelesetan yang dialami oleh mereka sekarang adalah tidak benar kerana imbangan pembayaran mereka sebenarnya masih meningkat.

Individualistik

Malaysia adalah negara membangun yang sedikit sebanyak mendapat kejayaan melalui sistem pasaran bebas yang diamalkan di Eropah, Amerika dan Jepun.

Bagaimanapun, kita sudah melihat eksekutif-eksekutif Malaysia mula tertarik kepada falsafah perniagaan Amerika. Gaji dan kemudahan yang tinggi kelihatan menjadi matlamat pengurus-pengurus Malaysia.

Mereka kebanyakannya adalah individualistik yang berasa amat sukar bekerja dengan rakan-rakan mereka. Tetapi kerana ekonomi sedang meningkat, permintaan untuk pengurus-pengurus amat tinggi. Oleh itu, mereka berupaya memperolehi gaji yang besar sama ada mereka berkebolehan atau tidak.

Kesetiaan kepada syarikat tidak dianggap sebagai satu

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....



akan mengurangkan keuntungan segera.

Oleh itu, ia tidak disukai oleh pengurus-pengurus. Dalam perkataan lain, apa yang berlaku kepada perniagaan itu dalam jangka panjang adalah tidak sepenting seperti keuntungan segera.

Pemegang-pemegang saham juga suka kepada pulangan yang cepat. Sistem di Amerika yang memerlukan laporan suku tahun mengenai prestasi syarikat-syarikat turut memberi tekanan kepada pengurusan untuk sentiasa menunjukkan keuntungan segera kepada pemegang-pemegang saham dan orang awam. Harga-harga saham lazimnya meningkat apabila keuntungan yang baik dilaporkan.

Pemberian ganjaran

Tetapi yang paling merosakkan ialah sistem pemberian ganjaran untuk para eksekutif. Sudah tentu mereka layak menerima upah dan kemudahan yang lebih baik apabila mereka menunjukkan kecekapan mereka menguruskan syarikat.

Kriteria yang paling mudah untuk lembaga pengarah serta pemegang-pemegang saham dan orang awam ialah dividen. Pihak pengurusan dalam keinginannya untuk meningkatkan dividen, biasanya menggunakan amalan-amalan yang tidak sihat.

Bukan sahaja mereka akan cuba mengurangkan perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan jangka panjang dan peningkatan alat jentera, malah mereka bergantung kepada penjualan aset-aset dan perkara-perkara luarbiasa untuk meningkatkan keuntungan.

Mereka menjual anak-anak syarikat yang tidak menguntungkan dan menutup bahagian-bahagian dalam usaha menjimatkan kos. Pemberhentian kakitangan adalah salah satu cara yang digemari untuk mengurangkan kos.

Kerana keuntungan selalu ditunjukkan, wujudlah gambaran prestasi yang baik oleh syarikat. Pemegang-pemegang saham dan orang awam yang suka membuat spekulasi akan turut gembira.

Mereka tidak kisah pengurusan memberikan diri mereka gaji yang tinggi, saham-saham bonus dan kemudahan-kemudahan yang tidak terkira banyaknya.

Eksekutif-eksekutif Amerika ditonjolkan seperti bintang-bintang filem. Laporan-laporan mengenai mereka terdapat di banyak majalah. Mereka dilayan seperti hero. Pendapatan mereka yang mencapai beberapa juta dolar setahun digembar-gemburkan dengan meluas dan begitu juga gaya hidup mereka yang mewah. Mereka dianggap sebagai model contoh kepada anak-anak muda.

Permintaan terhadap eksekutif-eksekutif terkenal ini sebegitu rupa sehingga mereka kerap ditawarkan gaji dan kemudahan yang lebih baik untuk menguruskan syarikat-syarikat lain. Oleh itu, mereka terus melompat dari satu syarikat ke satu syarikat yang lain kerana tertarik kepada pendapatan peribadi yang semakin tinggi.

Prestasi menurun

Syarikat-syarikat yang mereka uruskan tidak selalunya berjaya. Hakikatnya, sejak akhir-akhir ini kebanyakan syarikat itu kelihatan mempunyai prestasi yang tidak baik.

Tetapi kegagalan perniagaan yang mereka uruskan itu tidak menjejaskan bayaran upah mereka. Mereka terus memberikan diri mereka gaji dan kemudahan yang semakin tinggi.

Sebab itu, apabila Chrysler sedang mengalami kerugian, Lee Iacocca terus dibayar berjuta-juta dolar setahun. Idea tunggal yang ada padanya untuk memperbaiki semula prestasi syarikatnya ialah dengan menghadkan import kereta Jepun dan menuntut bahawa orang Jepun membeli keretanya.

Tidak terlintas langsung kepadanya bahawa satu cara untuk mengurangkan kos ialah memotong pendapatan sendiri dan eksekutif syarikatnya. Orang-orang Amerika terutamanya sudah mula beranggapan bahawa gaji yang tinggi untuk eksekutif-eksekutif mereka, sama ada mereka berprestasi atau tidak, adalah sebagai satu hak.

LIHAT MUKA 15

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

Syarikat-syarikat mereka adalah kesemuanya syarikat awam yang lazimnya tidak mempunyai seseorang atau satu keluarga yang memiliki lebih daripada seperatusan kecil sahamnya.

Ini memang amat adil tetapi ia mengurangkan minat peribadi pemilik saham dalam pengurusan syarikat.

POTO!

Pada waktu dahulu di mana banyak perniagaan dimiliki oleh individu-individu atau keluarga-keluarga, tidak ada pembahagian yang jelas di antara pemilik dan pengurusnya. Pemilik-pemiliknya terlibat secara langsung dalam pengurusan syarikat.

Pengurus-pengurus di bawahnya biasanya eksekutif yang dibayar gaji yang diselia secara langsung oleh pemilik-pengurusnya sendiri.

Pemilik-pemilik syarikat mempunyai kepentingan untuk melihat perusahaan-perusahaan mereka diuruskan dengan baik. Sebagai pemilik mereka tahu bahawa kegagalan syarikat mereka akan memberi kesan secara langsung ke atas diri mereka.

Syarikat-syarikat milikan sendiri atau keluarga juga boleh mengalami kegagalan tetapi tidaklah kerana tiadanya tanggungjawab atau minat di pihak pemilik/pengurus itu.

Perniagaan-perniagaan milikan sendiri seperti itu sudah hampir tidak ada sekarang. Keperluan untuk berkembang pesat, dan oleh itu modal yang besar, telah memaksa syarikat-syarikat itu menjadi syarikat-syarikat berhad awam dengan pemilik asal atau pengasasnya lazimnya menjadi pemegang ekuiti yang kecil.

Dia mungkin duduk di dalam lembaga pengarah tetapi dia tidak mempunyai hak mutlak untuk mengurus. Jika pun dia boleh mengurus, ia hanya sebagai pegawai upahan syarikat itu. Minatnya terhadap syarikat tidak lagi seratus peratus seperti dulu.

Kegagalan syarikat itu tidak bermakna satu kerugian besar baginya lagi. Sikapnya tidak boleh sama seperti pemilik tunggal yang menguruskan perusahaannya sendiri.

Pada masa ini, di dalam syarikat-syarikat berhad awam, pengurus-pengurusnya adalah profesional yang dibayar gaji. Malah, walaupun mereka memegang saham di dalam syarikat, kemungkinannya ialah pegangan mereka itu adalah kecil dan dividen daripada saham-saham mereka adalah kurang daripada gaji dan saguhati bagi mereka.

Buat persediaan

Walaupun para pengurus profesional ini mungkin mengambil berat terhadap syarikat mereka tetapi ia tidaklah sampai bergantung nyawa kepadanya. Dalam perkataan lain, kegagalan syarikat itu tidak akan selalunya membawa kesusahan kepada mereka.

Malah mereka boleh membuat persediaan diri supaya tidak terjejas langsung jika syarikat yang mereka urus jatuh bankrap.

Dalam syarikat berhad awam yang moden, pemiliknya diganti oleh satu lembaga pengarah yang dianggotai oleh beberapa pemegang saham besar syarikat dan orang luar yang tidak mempunyai kepentingan ekuiti dalam syarikat berkenaan.

Sesetengah pengarah itu mewakili syarikat-syarikat atau institusi-institusi lain yang mempunyai saham dalam perusahaan itu. Pengarah-pengarah seperti itu lazimnya tidak mempunyai kepentingan ekuiti peribadi dalam badan yang ia wakili itu.

Umumnya, pengarah-pengarah ini adalah orang-orang yang jujur tetapi kepentingan mereka tidaklah boleh sama dengan kepentingan pemilik-pemilik syarikat. Tambahan, kemudahan mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai syarikat banyak bergantung kepada pengurus-pengurus. Kemungkinan mereka jahil tentang kedudukan sebenar buat tempoh yang lama berkenaan hal-hal syarikat boleh berlaku.

Mengikut kebiasaan, pengarah-pengarah tidak menerima bayaran yang lumayan. Malahan, sesetengah mereka dipilih kerana kedudukan mereka dalam masyarakat atau atas sebab-sebab lain dan mereka tidak menerima apa-apa bayaran pun. Mereka mungkin mendapat elaun-elaun mesyuarat dan kemudahan atau keistimewaan kecil sahaja.

Yang profesional

Kecualilah lembaga pengarah itu amat berkuasa, hal ehwal syarikat adalah hampir keseluruhannya dalam tangan pengurus-pengurus, iaitu eksekutif-eksekutif atasan yang dibayar gaji.

Mereka yang profesional ini biasanya berpengalaman atau terlatih dan boleh dijangka dapat mengendalikan syarikat dengan cekap. Prestasi yang baik oleh banyak syarikat berhad awam yang besar adalah kerana mereka.

Bagaimanapun, walaupun mereka ada kepakaran profesional kejayaan tidak boleh dijamin. Perniagaan yang dikendalikan oleh mereka kerap juga menemui kegagalan. Tetapi apabila kegagalan ini berleluasa adalah mustahak untuk mencari punca-puncanya yang sebenar.

Kita lihat sejak kebelakangan ini di Amerika dan pada satu peringkat di Eropah, begitu banyaknya perniagaan mereka, tidak kira besar atau pun kecil, mengalami kegagalan.

Syarikat-syarikat besar seperti General Motors, Ford, Chrysler; syarikat-syarikat komputer seperti IBM; syarikat-syarikat penerbangan seperti Pan American dan World Airways, pembuat kapalterbang seperti McDonnell Douglas dan Lockheed dan banyak lagi yang lain, yang menjadi sebutan umum, sekarang sedang mengalami kesulitan berbanding pada ketika dahulu mereka menghasilkan keuntungan yang besar.

Sebaliknya, kita melihat kemunculan syarikat-syarikat baru di Jepun, Korea dan Taiwan yang sama besar, jika tidak pun lebih besar daripada syarikat-syarikat yang kuat Amerika dan Eropah. Syarikat-syarikat di Timur Jauh ini, kelihatan terus berjaya, sentiasa memperluaskan bahagian pasaran mereka dan mengenepikan syarikat-syarikat Barat yang telah lama bertapak di dalam hampir semua bidang.

Kita sudah melihat eksekutif-eksekutif Malaysia mula tertarik dengan falsafah perniagaan Amerika itu. Gaji dan kemudahan yang tinggi kelihatan menjadi matlamat

Soalan yang mesti dijawab ialah mengapa syarikat-syarikat Amerika dan Eropah yang dulunya begitu berjaya kini kalah kepada syarikat-syarikat yang agak baru (dalam pasaran antarabangsa) dari Timur Jauh? Antara sebab yang banyak diperkatakan ialah pengurusan yang tidak cekap.

Pengurus-pengurus Jepun dan pengurus-pengurus Amerika/Eropah mempunyai kesetiaan yang berbeza kepada syarikat. Sedangkan pengurus-pengurus Jepun naik dari bawah sebelum mendapat kedudukan eksekutif dalam syarikat, pengurus-pengurus Barat, terutama mereka yang berada di peringkat atasan, berkemungkinan besar telah dibawa masuk dari syarikat lain.

Kriteria utama ialah mempunyai reputasi sebagai pengurus yang berjaya. Kesetiaan kepada syarikat bukanlah faktor penting. Oleh kerana dia akan dibayar gaji oleh syarikat, maka dia dijangka akan bekerja untuk syarikat. Oleh itu, kesetiaan adalah soal keuntungan peribadi bagi pengurus itu.

Insentif utama

Sebaik dilantik, pengurus itu akan cuba meningkatkan keuntungan syarikat. Sementara ini mungkin hasil daripada komitmen kepada syarikat, hakikat yang tidak boleh diketepikan ialah bahawa lebih banyak untung syarikat, lebih banyak pengurus itu mendapat ganjaran daripadanya. Dalam perkataan lain, keuntungan peribadi adalah insentif utama.

Dalam sistem Amerika, pengurusan atasan bukan sahaja dibayar gaji tinggi malah juga diberikan bonus dan saham-saham tambahan apabila syarikatnya membuat keuntungan. Semua ini adalah dianggap sebagai insentif.

Tetapi hubungan rapat di antara keuntungan syarikat dengan keuntungan peribadi membuatkan pengurus-pengurus berfikir-an singkat. Bahagian pasaran, penyelidikan dan pembangunan (R & D), pelaburan semula dan peningkatan alat kelengkapan, semuanya adalah untuk faedah jangka panjang. Kesemua ini

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 01 AUG 19..

BAHAYA TELADANI SIKAP EKSEKUTIF BARAT

DALAM perniagaan, kejayaan dan keuntungan tidak pernah menentu. Sesetengah perniagaan gagal daripada awal lagi manakala ada yang memperolehi kejayaan tetapi kemudiannya turut jatuh. Ada juga yang mempunyai jumlah penjualan yang besar tetapi masih tidak untung. Tidak ada satu pun perniagaan yang tidak mengalami keuntungan yang menurun atau kerugian pada sesuatu masa atau ketika lain.

Baru-baru ini, kita membaca mengenai kejatuhan atau kegagalan syarikat-syarikat gergasi yang satu ketika dahulu amat berjaya. Antara mereka ialah Pan-American Airlines, General Motors, U.S. Steel, British Steel dan banyak lagi. Yang lain-lain yang ada satu ketika dulu mempunyai nama-nama yang popular kini telah luput sama sekali, sama ada sudah gulung tikar atau diserapkan oleh syarikat-syarikat korporat yang lebih besar.

Kereta-kereta jenis Austin, Wolseley, Hillman, Hudson, Morris, Borgward adalah antara kereta yang terkenal yang sudah tidak lagi dikeluarkan. Murphy, Bush, Grundig, jenama popular bagi radio dan televisyen sudah tidak kelihatan di pasaran.

Begitu juga dengan banyak lagi jenis barangan yang pada satu masa dulu cukup terkenal dan berjaya di segi komersial.

Pada masa yang sama, nama-nama baru telah muncul di pasaran dan seseorang akan terpengaruh untuk menganggap bahawa yang terkenal sekarang ini akan kekal buat selama-lamanya dan akan terus untung di segi komersial. Tetapi sebenarnya tidak ada jaminan bagi mereka.

Mengapa gagal

Adalah berguna jika dikaji mengapa sesetengah perniagaan itu gagal dan sesetengahnya berjaya.

Kemasukan barangan buatan Jepun yang bermutu tinggi dan dengan harga yang berpatutan di pasaran antarabangsa, umpamanya, telah menyebabkan banyak barangan jenama lama dari negara-negara Barat menjadi pupus. Pertelingkahan perusahaan dan kos buruh yang tinggi di Amerika dan Eropah turut memberi kesan yang sama.

Pengurusan yang lemah pasti menjadi salah satu daripada puncanya. Ketidakupayaan untuk menggunakan teknologi baru juga menyumbangkan ke arah itu.

Lazimnya, gabungan beberapa faktor menyebabkan sesebuah syarikat itu menempuh kegagalan. Kadang-kadang, syarikat-syarikat yang sudah berjaya begitu lama menjadi terlalu puas hati dan tidak bermaya atau enggan menyesuaikan diri mengikut perubahan yang berlaku dalam dunia perniagaan.

Mereka ini seringkali ditinggalkan oleh pesaing-pesaing baru dan yang lebih bertenaga. Akhirnya, mereka tewas dan terus gulung tikar.

Adalah didapati bahawa pada amnya badan-badan perniagaan di Eropah dan Amerika tidak berjalan dengan begitu baik, manakala di Asia Timur syarikat-syarikat perniagaan berkembang maju.

> Orang Amerika sudah mula beranggapan bahawa gaji yang tinggi untuk eksekutif, sama ada mereka berprestasi atau tidak, adalah satu hak...

> Kesetiaan kepada syarikat tidak dianggap sebagai satu perkara yang utama. Kesetiaan adalah terhadap mereka yang menawarkan gaji dan kemudahan yang besar. Kesetiaan ini tidak kekal

Walaupun setiap syarikat mempunyai sebab-sebab tertentu terhadap kegagalan atau kejayaannya, sudah pasti ada faktor-faktor yang "common" yang menyebabkan syarikat-syarikat di Barat gagal dan yang di Timur berjaya.

Antara faktor-faktor itu ialah soal sikap dan falsafah pengurusan dalam perniagaan di antara Barat dan Timur.

Memang diketahui umum bahawa eksekutif-eksekutif Barat mendapat gaji dan bayaran-bayaran saguhati yang amat lumayan. Mereka menilai tinggi sumbangan mereka kepada prestasi syarikat-syarikat yang mereka uruskan. Dengan itu, mereka menganggap bahawa mereka berhak menerima upah yang tinggi.

Akibat penonjolan yang dibuat oleh majalah-majalah perniagaan, reputasi eksekutif-eksekutif Barat menjadi begitu tinggi sehingga melebihi kebolehan mereka yang sebenar. Satu-satunya akibat yang boleh diramalkan berlaku ialah tuntutan gaji dan upah yang semakin tinggi.

Kesetiaan kurang dihargai oleh eksekutif-eksekutif Barat.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA MINGGU BERTARIKH 02 AUG 1992

Kekalkan keaslian alam sekitar

KUALA LUMPUR: Keaslian alam sekitar perlu dilindung dan dikekalkan ketika melaksanakan sesuatu projek pelancongan dan pusat peranginan yang baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pelaksaan projek sama ada di kawasan hutan atau pembinaan infrastruktur dan kemudahan lain di pulau-pulau kecil hendaklah dirancang dengan teliti supaya keaslian alam sekitar tidak tercemar.

Dr Mahathir berkata, pemusnahan kecantikan persekitaran, terutama di pusat-pusat peranginan menyebabkan daya tarik Malaysia akan hilang dan pelancong asing tidak berminat datang ke negara ini.

Beliau berkata, perancangan yang rapi bagi setiap projek dan penerokaan kawasan baru akan membolehkan pelaksanaan pembangunan sektor pelancongan yang terurus serta tidak menjejaskan keadaan alam semula jadi.

"Saya percaya semua pihak sama ada rakyat atau pengusaha pelancongan, menyedari mengenai perlunya mengimbangkan kemajuan sektor pelancongan yang membabitkan pembangunan fizikal dengan keperluan melindungi dan mengekalkan keadaan alam sekitar.

"Pengusaha industri pelancongan tentu sedar bahawa pelancong asing terutamanya tidak datang untuk melihat bangunan yang ada di seluruh dunia, tetapi mereka ingin menikmati keindahan alam semulajadi yang sudah tidak ada lagi di negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi.

Beliau juga mengulangi nasihat supaya pengusaha pelancongan tidak bersifat tamak dan memberi layanan buruk kepada pelancong kerana tindakan itu akan membunuh industri pelancongan.

"Kita akan rugi akhirnya jika kita anggap pelancong hanya sebagai punca kekayaan kita yang perlu diperah habis-habisan secepat mungkin.

"Jika ini menjadi pendekatan kita, industri ini tidak mungkin tumbuh dan menolong meningkatkan pendapatan kita dan hasil negara secara berkekalan," katanya.

Dr Mahathir berkata, industri pelancongan di negara ini berpotensi tumbuh dengan pesat dan masih banyak kawasan menarik yang boleh diperkenalkan.

Menurutnya, warisan budaya dan seni di kalangan penduduknya yang pelbagai kaum serta hidup harmoni juga mempesonakan pelancong asing.

"Sejak diadakan Tahun Melawat Malaysia 1990, kegiatan kebudayaan dan kesenian semakin meningkat mutunya serta berjaya menarik penonton yang lebih ramai sejak," katanya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH

PELANCONGAN DIURUS TAK JEJAS ALAM SEKITAR — PM.

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa tidak semestinya sesuatu projek pembangunan sektor pelancongan akan membawa kesan buruk kepada alam sekitar sekiranya diurus dengan perancangan yang rapi.

Dengan itu, katanya, pelaksanaan projek-projek pembangunan sektor tersebut hendaklah dirancang supaya sesuatu kawasan terlibat dijamin supaya tidak tercemar.

Menurut beliau lagi, jika pengusaha memusnahkan kecantikan persekitaran negara ini, terutamanya di pusat-pusat peranginan, daya tarik negara akan hilang dan pelancong asing tidak akan berminat untuk datang ke Malaysia.

"Dengan perancangan yang rapi, kita boleh melaksanakan pembangunan pelancongan mengikut pengurusan yang betul iaitu memperkembangkan aktiviti pelancongan ke tahap yang tidak menjejaskan keadaan alam semulajadi," katanya ketika melancarkan kempen publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau percaya semua pihak sama ada rakyat yang mengikuti perbincangan-perbincangan mengenai perubahan alam sekitar, mahupun pengusaha-pengusaha pelancongan menyedari perlunya mengimbangkan kemajuan sektor pelancongan yang melibatkan pembangunan fizikal dengan keperluan melindungi dan mengekalkan keadaan alam sekitar.

Katanya, pengusaha industri pelancongan tentu sedar bahawa pelancong asing terutamanya tidak datang untuk melihat bangunan yang terdapat di seluruh dunia tetapi ingin menikmati keindahan alam semulajadi.

"Pelancongan di Malaysia masih mempunyai potensi yang besar untuk tumbuh dengan pesat walaupun pelancongan di negara ini boleh dikatakan baru berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini," ujarnya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 1 AUG 1992

NAM masih penting: Mahathir

Laporan Wan Hamidi Hamid dan Azhar Abu Samah

KUALA LUMPUR, Isnin — Pergerakan Berkecuali (NAM) masih penting kepada dunia bagi mengimbangi pemusatan kuasa antarabangsa di negara perindustrian Utara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, NAM di segi tafsiran namanya mungkin tidak sesuai lagi selepas era Perang Dingin tetapi kewujudannya sebagai satu kumpulan mengimbangi kuasa negara Utara masih diperlukan.

"NAM mungkin tidak sesuai di segi tafsiran kerana sebagai pergerakan berkecuali, ia tidak ada fungsi lagi.

"Tetapi sebagai satu kumpulan untuk mengimbangi dan bukannya memihak, satu kumpulan lain, kita dapati negara maju terlalu kuat dan perlu diimbangi dengan sesuatu yang sama kuat supaya seimbang," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

NAM dibentuk pada 1961 untuk menggabungkan negara yang tidak memihak kepada Amerika Syarikat dan Soviet Union sepanjang era Perang Dingin kini dikatakan mengalami krisis menentukan matlamat dan arahnya selaras perubahan politik dunia.

Beberapa negara anggota NAM, termasuk Libya pernah mencadangkan pertubuhan itu menukar namanya kepada 'Pergerakan Negara Dunia Ketiga' kerana tidak ada negara boleh berpihak kepada mana-mana blok selepas kehancuran empayar Soviet Union.

Penilaian semula matlamat dan perjuangan NAM dijangka hebat dibahaskan oleh 104 negara anggotanya di Sidang Kemuncak NAM di Jakarta pada 1 September ini.

Menurut Perdana Menteri, kewujudan NAM perlu dikekalkan kerana dunia akan dikuasai sekumpulan negara maju tanpa pertubuhan itu.

"Kalau kita kata NAM tidak sesuai lagi dan menutupnya, ia akan menyebabkan dunia hanya ada satu kuasa yang amat besar di Utara yang boleh buat apa saja," katanya.

Beliau berkata, NAM masih diperlukan walaupun takrifan dan fungsinya mungkin perlu diubah.

Sebelum ini, Dr Mahathir pernah menyatakan NAM boleh mempengaruhi dunia jika pergerakan itu dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dunia.

Perdana Menteri menyatakan negara di dunia tidak berminat lagi dengan ideologi dan politik kerana menumpukan perhatian kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat.

Mesyuarat Menteri Luar NAM di Ghana tahun lalu yang meluluskan ketetapan tidak menukar namanya walaupun Perang Dingin berakhir, membincangkan mengenai jurang kekayaan di antara negara Utara dan Selatan.

Kalangan Menteri Luar negara membangun turut mengakui pentingnya NAM membincang dan membuat keputusan konkrit bagi meningkatkan perdagangan antara negara anggota.

Mesyuarat itu turut meluluskan ketetapan bahawa Perang Teluk pada awal tahun lalu memberi pengajaran penting kepada negara Dunia Ketiga, khususnya ahli NAM, supaya memupuk hubungan lebih rapat bagi menyelesaikan sendiri masalah mereka tanpa campur tangan negara maju.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 07 AUG 1992

UBAH SISTEM TANI : PM

KUANTAN, Khamis — Penggunaan jentera dalam pertanian moden gagal dilaksanakan dengan baik di kalangan petani kerana sistem pengurusan pertanian di negara ini masih diusahakan secara kecil-kecilan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, keadaan sedemikian menyebabkan jentera termoden tidak dapat digunakan dengan cekap walaupun penggunaannya sudah lama diperkenalkan.

Menurutnya, pendekatan negara perindustrian mengalih industri pertanian kepada industri pembuatan bagi pertumbuhan ekonomi ialah dengan menggantikan tenaga manusia dengan jentera.

Perdana Menteri berkata, bagi melaksanakannya, perubahan cara pertanian terpaksa dibuat bagi membolehkan sesebuah negara beralih kepada jentera pertanian moden.

Bagaimanapun, katanya, sawah padi, kebun buah dan sayur di negara ini masih kecil serta dimiliki individu yang biasanya kekurangan modal.

"Sebaliknya jumlah pengeluaran getah oleh estet besar adalah sekali ganda lebih daripada jumlah semua getah yang dikeluarkan pekebun kecil. Oleh itu tidak mustahil penanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran boleh memberikan hasil lebih tinggi jika diusahakan secara estet besar-besaran," katanya merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1992 di Taman Pertanian Indera Mahkota di sini hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan petani berpendidikan tinggi yang lebih terlatih untuk mengendalikan peralatan moden dan pengurusan estet.

Katanya, petani masa depan juga mungkin memiliki saham dalam syarikat besar mengikut nilai tanah dan harta masing-masing.

"Inilah Wawasan Pertanian kita. Masa yang lebih panjang mungkin diperlukan. Pelbagai rintangan dan kekecewaan akan diharungi dalam perjalanan ke arah wawasan ini," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, langkah terpenting bagi bangsa cekap yang sanggup menghadapi rintangan serta mengelakkan kekecewaan ialah menentukan sikap diri sendiri.

Dr Mahathir berkata, pengalaman nelayan yang tinggal di pulau-pulau peranginan boleh dijadikan contoh untuk negara mencapai Wawasan Pertanian.

LAGI BERITA, GAMBAR DI MUKA 3

Bagaimanapun, katanya, tumpuan nelayan terbabit terhadap industri pelancongan menjejaskan industri perikanan pula.

"Oleh itu, pendekatan yang sesuai bagi nelayan ialah menggunakan bot lebih besar untuk menangkap ikan di laut dalam. Kemungkinannya ialah nelayan laut dalam akan mendapat pendapatan lebih baik.

Perdana Menteri juga membayangkan sektor pertanian akan melalui pelbagai cabaran pada masa depan kerana sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus merosot kepada 17.2 peratus tahun lalu berbanding 18.8 peratus pada tahun sebelumnya.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH 09

ASEAN 25 tahun lebih matang — PM

KUALA LUMPUR 8 Ogos — ASEAN, yang berusia 25 tahun hari ini, telah dapat bercakap dengan satu suara untuk meningkatkan kedudukan dan pengaruh negara-negara anggotanya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Tetapi, beliau berkata, pertubuhan enam anggota itu perlu meluaskan asasnya untuk mewakili aspirasi semua negara di Asia Tenggara dalam menghadapi keadaan yang tidak menentu akibat perubahan persekitaran politik dan ekonomi.

Perbezaan

"Biar apapun perbezaan yang memisahkan kita, ia tidak seharusnya dibiarkan untuk meracuni dan menanam bibit-bibit perpecahan," kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena ulang tahun ke-25 ASEAN menerusi TV2.

Beliau berkata, penyertaan Vietnam dan Laos menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara merupakan satu perkembangan yang logik dalam semangat persahabatan yang sedia terjalin di rantau ini.

Dr. Mahathir berkata, semangat kerjasama dan perundingan ASEAN di kalangan negara-negara anggotanya — Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Brunei dan Singapura — perlu dikembangkan kepada semua negara di rantau ini.

"Pengalaman kita dalam ASEAN selama 25 tahun yang lampau memperkuatkan kesungguhan kita bahawa kerjasama dan perundingan di kalangan negara-negara berjiran bukan sahaja membantu ke arah membawa faedah bersama tetapi keupayaan mereka bercakap dengan satu suara juga meningkatkan kedudukan dan pengaruh mereka," katanya.

Beliau berkata, negara-negara anggota seharusnya merasa bangga dengan banyak kejayaan yang dicapai oleh ASEAN pada peringkat serantau dan antarabangsa, memenuhi matlamat yang dicita-citakan oleh para pemimpin pengasasnya.

"ASEAN merupakan satu forum, melaluinya perbincangan dan perundingan yang sering diadakan, boleh mempereratkan hubungan sesama kita sebagai negara jiran dalam mencapai pemuafakatan serantau yang abadi.

Saluran

"ASEAN adalah satu saluran yang boleh menghasilkan satu kekuatan dan sumber yang terkumpul untuk meningkatkan kedudukan ekonomi dan mutu hidup rakyat kita," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kepelbagaian aktiviti atas nama ASEAN mencerminkan perkembangan yang ketara dalam kerjasama yang memberi petanda baik bagi masa depan pertubuhan dan rantau ini. — Bernama.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH ..... 15 AUG 1992

Malaysia mahu kejar kemajuan

Oleh Aminuddin Ibrahim dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

CHANGLOON (Kedah), Jumaat — Malaysia tidak berhasrat menjadi kuasa besar seperti Amerika Syarikat, sebaliknya memadai menjadi negara maju dalam pelbagai bidang dan dihormati.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun kecil, Malaysia bercita-cita menjadi negara kuat dan memiliki teknologi tinggi, kaya, mempunyai intelek serta rakyat bermoral tinggi.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan kononnya beliau berhasrat menjadikan negara ini kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Kita mahu menjadi seperti Belanda yang walaupun kecil dengan penduduk sedikit, tetapi mampu memiliki pelbagai teknologi tinggi, termasuk mengeluarkan kapal terbang dan senjata," katanya di majlis perjumpaan dengan penduduk Rancangan Felda Bukit Tangga, di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff. Sebelum itu, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di Masjid al-Aqla, Jitra.

Menurut Perdana Menteri, bagi mencapai hasrat itu, beliau menganjurkan Wawasan 2020 bagi memastikan matlamat menjadikan Malaysia negara maju tercapai.

Beliau berkata, dakwaan kononnya Malaysia berhasrat menjadi kuasa besar seperti Amerika Syarikat ditimbulkan oleh akhbar yang dipengaruhi Pas, berikutan kenyataannya di Terengganu, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak rela dihina dan meminta sedekah daripada negara maju, termasuk Eropah dan Amerika Syarikat seperti yang dialami sesetengah negara.

"Kita mahu muncul sebagai negara maju, kaya, cekap, mempunyai kekuatan ketenteraan dan dihormati.

"Apabila mencapai tahap itu, orang tidak akan menghina kita," katanya.

Beliau memberi contoh mengenai kejadian di Bosnia-Herzegovina yang menurutnya berpunca daripada kemiskinan dan kedaifan.

"Negara itu ditekan dan rakyatnya dibunuh serta dicincang. Malaysia tidak boleh membantu kerana kita lemah.

"Kita juga tidak mampu menyuruh pihak yang menindas berhenti daripada tindakan itu.

"Bagaimanapun, jika negara dan rakyatnya maju, kukuh, kuat serta mampu mempertahankan negara, mereka mungkin mematuhinya.

"Kita juga mungkin berupaya membantu negara bermasalah seperti Bosnia-Herzegovina dan Palestin," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, tidak ada salah Malaysia bercita-cita besar kerana ia akan menjadikan negara ini dihormati, manakala rakyatnya kaya dan bermoral tinggi.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan memastikan negara ini tidak akan melupai daratan seperti yang dilakukan Amerika Syarikat.

Menurutnya, sekarang banyak negara maju lupa daratan, rakyatnya bermoral rendah menyebabkan kehancuran rumahtangga, anak tidak menghormati ibu bapa sehingga menular penyakit Aids.

Beliau yakin, Aids adalah pembalasan Tuhan terhadap manusia yang berkelakuan tidak senonoh dan kehilangan moral.

Sementara itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan melihat sekitar pembangunan Empangan Pedu di Kuala Nerang menerusi udara, kira-kira setengah jam.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN 15 AUG 1992
POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH .....

Mesej Perdana Menteri

BERCAKAP mengenai alam sekitar, dunia kini berhadapan dengan satu dilema: bagaimana memberi makan dan menyediakan tempat tinggal kepada pelbagai lapisan penghuninya tanpa memusnahkannya.

Kerajaan, sejak beberapa tahun lalu, sudah melaksanakan beberapa undang-undang dan peraturan untuk melindungi alam sekitar dan menggalakkan cara hidup yang sihat.

Tetapi tiada kerajaan mampu menguatkuasakan undang-undang yang secara umumnya diketepikan. Melindungi alam sekitar menuntut usaha kolektif setiap rakyat.

Kita mesti menghentikan tabiat suka merosakkan alam sekitar dan menggantikannya dengan perasaan tanggungjawab sosial dan kesedaran sivik.

Dalam bahasa yang lebih mudah, kita mesti menghentikan amalan suka membuang sampah-sarap sewenang-wenangnya atau membakarnya di tempat terbuka.

Sektor perkilangan pula patut membersihkan bahan buangan mereka dan tidak melonggokkannya di merata tempat semata-mata kerana ia lebih murah berbuat demikian.

Mungkin tidak menjadi kesalahan bagi bas dan kereta mengeluarkan asap secara berlebihan pada tahun 60-an dan 70-an.

Pada masa itu jumlah kenderaan bermotor di jalan raya tidak banyak manakala udara pula masih bersih.

Hari ini, mutu udara di kawasan bandar sudah dicemari oleh kehadiran begitu banyak kenderaan bermotor, pembakaran bahan buangan secara terbuka dan asap kilang.

Kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan memburukkan lagi keadaan.

Keadaan yang sama berlaku kepada pokok-pokok. Apabila bilangan penduduk bertambah, terutama di kota dan bandar, lebih banyak tanah terpaksa diteroka untuk perumahan.

Program perindustrian juga memaksa kawasan hutan diterokai untuk menampung pertambahan kilang.

Dan kita tidak boleh menyimpan pokok pada ketika kita berusaha untuk menyediakan peluang pekerjaan dan kawasan untuk kediaman rakyat.

Tetapi kita boleh, dan mesti, mengambil langkah mengurangkan kemusnahan persekitaran.

Dalam perkataan lain, kita mesti berusaha meneruskan pembangunan mampan. Jika tidak, pada jangka panjang, kita semua akan menanggung kerugian. Generasi anak-anak kita dan anak-anak mereka akan menanggung kerugian lebih besar.

Hari ini, Malaysia masih beruntung kerana ada banyak lagi kawasan hutan. Seperti yang saya katakan di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Jun lalu, Malaysia mampu menangani masalah pencemarannya.

Malaysia adalah negara membangun dengan pendapatan per kapitanya bersamaan satu per sepuluh berbanding negara maju.

Oleh itu, pengeluaran bahan buangan adalah terhad — kira-kira satu per 30 berbanding negara maju.

Keupayaan kita untuk mengendalikan bahan buangan yang tidak berguna jauh melebihi keperluan yang sepatutnya. Kira-kira 60 peratus bumi negara ini masih ditutupi hutan hujan tropika yang subur manakala 15 peratus lagi diliputi pokok tanaman.

Jadi, alam sekeliling Malaysia masih mampu menyerapkan gas karbon dioksida yang dilepaskan. Tetapi Malaysia terpaksa berhadapan dengan masalah pencemaran dari seberang sempadan.

Kebanyakan negara maju sudahpun memusnahkan keupayaannya untuk menangani masalah bahan buangan.

Mereka bukan saja menebang licin semua hutan masing-masing, tetapi mengeluarkan begitu banyak bahan buangan yang terpaksa diserahkan kepada negara miskin untuk menguruskannya.

Kita tidak harus membiarkan diri terjebak dengan masalah seperti itu.

Keluaran khas alam sekitar terbitan akhbar Kumpulan The New Straits Times ini adalah tepat pada masanya.

Saya berharap ia akan menimbulkan kesedaran tulen di kalangan rakyat terhadap kepentingan menjamin alam sekitar Malaysia supaya ia benar-benar bersih.

DR MAHATHIR...pencemaran dari seberang

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
Kuala Lumpur,
15 Ogos 1992

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN
POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH ..... 19 AUG 1992

Jangan salah anggap: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Masyarakat Cina harus menerima secara positif usaha kerajaan mewujudkan masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing, dinamik dan progresif, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, usaha kerajaan itu adalah untuk memastikan Bumiputera setanding dengan masyarakat lain supaya ia dapat bersama menyumbang secara berkesan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

"Saya harap masyarakat Cina Malaysia tidak akan salah anggap perkara ini sebagai satu ketidakadilan kepada mereka. Sebaliknya, mereka hendaklah menerima perkara ini secara positif, sebagai satu usaha dan langkah ke arah kestabilan politik yang akan membawa kebaikan jangka panjang kepada negara, dan dengan itu memberikan segala kerjasama yang wajar untuk menjayakannya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua selama dua hari anjuran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), di sini hari ini.

Menurutnya, usaha meningkatkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah langkah berkesan ke arah mencapai integrasi ekonomi dan menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi serta membantu usahawan Bumiputera memasuki bidang perniagaan dengan berkesan.

Dr Mahathir berkata, interaksi sedemikian akan menghapuskan syak wasangka antara kedua-dua pihak serta mengurangkan perasaan perkauman yang tebal.

"Orang Melayu dan Bumiputera hendaklah menggunakan usahasama ini sebagai satu cara mempelajari selok-belok perniagaan dan bukan untuk kaya cepat.

"Orang Cina pula hendaklah menganggap rakan usahawan Melayu sebagai rakan setaraf dan sebenar, dan bukannya sebagai alat atau barisan depan untuk mendapatkan kemudahan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kadar pertumbuhan ekonomi negara lebih lapan peratus sejak 1988 mencerahkan harapan Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Katanya, industri pembuatan kini menjadi sektor terpenting yang menyumbang lebih 28 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding sektor pertanian 18 peratus.

"Eksport barang kilang sudah menggantikan barang pertanian dan perlombongan sebagai eksport utama Malaysia dan kini menyumbang 65 peratus kepada jumlah eksport negara. Ini dijangka meningkat kepada 81 peratus pada tahun 2000," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjelaskan, kemelesetan ekonomi di negara maju kini sedikit sebanyak memberi kesan kepada ekonomi Malaysia di segi perdagangan dan pelaburan.

Katanya, pada suku pertama tahun ini, kadar pertumbuhan eksport Malaysia menurun kepada empat peratus berbanding 20.6 peratus pada suku pertama tahun lalu.

"Ini kerana permintaan negara maju bagi barang eksport Malaysia berkurangan disebabkan kelembapan ekonomi negara berkenaan.

"Bilangan projek pelaburan

LIHAT MUKA 2

yang diluluskan (pada suku pertama tahun ini) juga sudah berkurangan kepada 159 bernilai $8.6 bilion berbanding pelaburan 286 projek bernilai $15.8 bilion pada suku tahun pertama tahun lalu," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, penurunan itu cuma membabitkan pengurangan kadar pertumbuhan eksport, dan bukannya penurunan eksport.

"Tahun lalu, kadar pertumbuhan eksport Malaysia meningkat 15 peratus, manakala tahun ini cuma empat peratus. Ini masih lebih daripada tahun lalu tetapi kadar pertumbuhannya sudah berkurangan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pelaburan dari Jepun dan Taiwan adalah yang paling banyak berkurangan berikutan masalah ekonomi di negara berkenaan.

Menjelaskan kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata, kekurangan pelaburan dari Taiwan ke negara ini juga disebabkan tumpuan negara itu melabur ke China kerana peluang lebih luas dan pasaran tempatan China lebih besar.

Beliau turut menolak dakwaan konon dasar pelaburan Malaysia menyebabkan pelabur Taiwan tidak berminat melabur di negara ini kerana dakwaan sedemikian adalah pendapat peribadi pihak tertentu.

Katanya, usahawan dan Kerajaan Taiwan secara umumnya menafikan dakwaan konon dasar Malaysia menyebabkan ramai pelabur negara itu lari keluar dari negara ini.

PERPUSTAKAAN PENYEBARAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 19 AUG 1992

Masyarakat Cina diminta terima usaha kerajaan

KUALA LUMPUR 18 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta masyarakat Cina menerima dengan sikap positif usaha kerajaan membantu bumiputera dalam bidang perniagaan.

Perdana Menteri berkata, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sebenarnya bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan peluang yang adil kepada semua pihak.

"Dasar seperti ini sajalah yang akan menjamin kestabilan dan perpaduan di negara ini," kata Dr. Mahathir ketika berucap merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia ke-2 di Hotel Hilton di sini.

Kongres itu dianjurkan oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM).

Menurut Dr. Mahathir, selaras dengan dasar ini juga kerajaan akan meneruskan usaha membantu kaum bumiputera supaya kedudukan mereka setanding dengan kaum lain dalam perniagaan.

Tetapi, katanya, tumpuan akan diberi kepada pewujudan pengurus-pengurus dan pengusaha yang berpengetahuan, cekap, berinisiatif, berdikari serta berkemampuan mengurus-kan projek-projek di pasaran terbuka.

Dalam perkataan lain, kata Perdana Menteri, kerajaan mahukan satu masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing, dinamik dan progresif.

"Saya berharap masyarakat Cina tidak akan tersalah anggap perkara ini sebagai satu ketidak adilan kepada mereka.

Kestabilan

"Sebaliknya, mereka hendaklah menerima perkara ini secara positif sebagai satu usaha dan langkah ke arah kestabilan politik yang akan membawa kepada kebaikan jangka panjang kepada negara," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir lagi, ekonomi negara yang berkembang pesat akan membuka peluang-peluang yang lebih banyak dan tidak ada siapa yang akan rugi jika peluang ini diagihkan untuk mengimbangi pembangunan kaum di Malaysia.

Katanya, kongres ini sepatutnya membincangkan cara-cara meningkatkan usahasama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Ini, kata beliau, merupakan langkah yang berkesan ke arah mencapai integrasi ekonomi dan menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi di samping membantu usahawan bumiputera memasuki bidang perniagaan dengan berkesan.

Jelas beliau, interaksi seperti ini akan menghapuskan syak wasangka di antara kedua-dua pihak dan akan mengurangkan perasaan perkauman yang tebal.

Orang-orang Melayu pula, katanya, hendaklah menggunakan usahasama ini sebagai satu cara untuk mempelajari selok belok perniagaan dan bukan untuk mencari jalan bagaimana hendak cepat kaya.

Beliau berkata, orang-orang Cina pula hendaklah menganggap rakan usahasama Melayu mereka sebagai sama taraf atau rakan kongsi yang sebenar dan bukan sebagai alat untuk mendapatkan kemudahan dari kerajaan.

"Saya yakin dengan sikap positif seperti ini banyak projek usahasama akan dapat diwujudkan dengan jayanya lebih-lebih lagi tumpuan kongres ini ialah untuk membincangkan peranan yang patut dimainkan oleh masyarakat Cina Malaysia dalam memajukan ekonomi negara dan mencapai cita-cita Wawasan 2020," ujar beliau.

Kebolehan

Masyarakat Cina, katanya, mempunyai kebolehan yang unik dalam bidang perniagaan dan berkongsi pengalaman yang sama dengan kaum bumiputera akan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Bagi pihak kerajaan pula, kata Dr. Mahathir, kerajaan akan meneruskan dasar liberal dan terbuka yang ada sekarang untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada sektor swasta.

Beliau menambah, jentera dan prosedur kerajaan akan diperkemaskan lagi untuk memudahkan pihak swasta menjalankan urusan mereka dengan licin dan cekap.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH 23 AUG 1992

Kurangkan karenah birokrasi untuk tarik pelaburan

KUALA LUMPUR 22 Ogos — Perdana Menteri mahu pihak pentadbiran mengurangkan karenah birokrasi untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selain daripada mengurangkan karenah birokrasi, syarat-syarat pelaburan perlu dipermudahkan lagi bagi membolehkan kelulusan secara automatik dibuat terhadap projek-projek yang telah memenuhi keperluan yang ditetapkan.

"Ahli politik bertanggungjawab terhadap suasana politik. Tetapi ahli pentadbiran di semua peringkat mesti sentiasa terus memperbaiki perkhidmatan dan kecekapan mereka," katanya ketika berucap pada jamuan ulangtahun ke-25 Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) di sini, malam ini.

Sambil menekankan tentang pentingnya kecekapan pentadbiran dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini, beliau berkata, usaha itu amat perlu kerana apa yang penting kepada para pelabur, sama ada tempatan atau asing, ialah kecekapan pentadbiran dan suasana politik yang sesuai untuk kejayaan sistem ekonomi bebas.

Untuk memngurangkan bebanan kerja dan laporan-laporan yang memakan masa panjang, Dr. Mahathir mencadangkan penggunaan borang yang mudah diisi serta memastikan persembahan projek dibuat mengikut format yang tetap.

Di samping itu apa juga cara yang boleh menyumbang ke arah kecekapan, termasuk penggunaan komputer secara meluas, hendaklah dilakukan dan sejajar dengan itu Perdana Menteri mencadangkan agar perisian komputer yang boleh menyediakan data-data yang diperlukan direka-bentuk.

Dr. Mahathir berkata, bagi projek-projek yang tidak dapat diluluskan dengan segera pula, satu tempoh yang tetap, mungkin seminggu sahaja, hendaklah diberikan.

Dalam memutuskan sesuatu projek pula, beliau mengingatkan bahawa tidak ada keputusan yang tidak cacat kerana semua keputusan ialah pilihan daripada beberapa pilihan yang tidak sempurna.

Belajar

Oleh itu, katanya, jawatankuasa pegawai yang terbabit tidak harus merasakan mereka tidak bijak kecuali keputusan itu jelas tidak sesuai kerana yang penting ialah mempelajari daripada keputusan-keputusan yang lalu.

Beliau yakin akan tiba waktunya kesilapan akan dapat dikurangkan walaupun ia tidak dapat dihapuskan sama sekali.

"Tetapi tidak membuat keputusan atau keputusan yang lewat ialah lebih teruk daripada keputusan yang buruk," kata beliau.

Mengenai peranan Mida, Dr. Mahathir berkata, paras pelaburan dalam sektor pembuatan kini ialah bukti prestasi lembaga itu dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penggalak dan penyelaras pelaburan-pelaburan perindustrian di Malaysia.

Di samping itu, katanya, Mida juga memberikan maklum balas kepada kerajaan bagi membolehkannya merangka dasar-dasar dan insentif baru sebagai usaha mendahului negara-negara lain dalam persaingan untuk mendapatkan modal dan teknologi asing.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Mida disebabkan gabungan sihat pelbagai faktor seperti prinsip pengurusan yang mantap serta kakitangan yang berdedikasi dan faham tentang objektif lembaga itu.

Beliau mahu Mida sentiasa mengikuti perkembangan pasaran dan mengubah suai pendekatannya mengikut perubahan yang berlaku. — Bernama.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 25 AUG 1992

Wujudkan segera sistem pengawalan Selat Melaka -Dr. M

Oleh Khalid Mohd.

KUCHING 24 Ogos — Malaysia mahu satu sistem penjagaan dan pengawalan Selat Melaka diwujudkan segera bagi mengelak kemalangan daripada terus berlaku termasuk mengenakan bayaran ke atas kapal-kapal yang melalui selat itu.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika ini tidak dilakukan segera, beliau yakin kemalangan seperti yang berlaku awal pagi semalam akan berulang lagi.

Tegasnya, negara-negara yang kerap menggunakan Selat Melaka sudah tidak lagi boleh mengambil sikap lepas tangan dalam soal ini semata-mata kerana menganggap selat itu sebagai perairan antarabangsa dan enggan mengeluarkan wang bagi menjaganya.

'Pelaksana'

Beliau berkata, Malaysia sedia menjadi 'pelaksana' apa juga sistem yang diwujudkan bagi menjaga Selat Melaka.

"Saya cadangkan supaya satu jenis pembiayaan dibuat oleh syarikat-syarikat kapal atau negara yang kerap menggunakan Selat Melaka," katanya kepada para wartawan selepas melakukan upacara memecah tanah Sheraton Santubung Resort di Pantai Damai, 30 kilometer dari sini hari ini.

Dalam kemalangan pagi semalam, dua orang terbunuh manakala tujuh lagi cedera parah apabila kapal penumpang Greek, *MV Royal Pacific*

LIHAT MUKA 2

berlanggar dengan kapal pukat tunda Taiwan, *F.V. Te Fu* di perairan antarabangsa Selat Melaka kira-kira 15 batu nautikal ke selatan Tanjung Sepat.

Kapal penumpang itu kemudian tenggelam.

Dr. Mahathir, yang diminta mengulas kejadian itu berkata, Malaysia menghadapi masalah dalam soal ini kerana ia tidak mempunyai kuasa untuk menyelaras dan mengurus (*regulate*) perjalanan kapal di selat itu.

Beliau menarik perhatian, oleh kerana terlalu banyak kapal melalui Selat Melaka sekarang ini, kemungkinan kemalangan seperti yang berlaku semalam juga semakin bertambah besar.

Perdana Menteri kesal kerana negara-negara pengguna enggan melibatkan diri dalam sebarang bentuk sistem pengawalan selat itu, apa lagi membiayai penjagaan dan penyenggaraannya.

"Mengharap Malaysia menjaga selat itu, tetapi tidak mahu membiayainya adalah sesuatu yang tidak adil.

Jadi mangsa

"Kita dikehendaki menjaganya dan kalau jadi apa-apa kita juga yang jadi mangsa ... ini tidak adil. Orang yang menggunanyalah yang patut membiayai segala usaha untuk menjaga Selat Melaka," ujar beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, prinsip laluan perkapalan antarabangsa dibuat pada zaman dahulu di mana tidak ada kemungkinan berlaku perlanggaran kapal. Bagaimanapun keadaan hari ini sudah jauh berubah di mana laluan perkapalan antarabangsa perlu diawasi seperti yang dilakukan ke atas Terusan Suez dan Panama.

Pengawasan ini, katanya, adalah perlu untuk mengelak laluan kapal daripada rosak.

"Dalam keadaan tertentu kita perlu menyenggaranya, kalau cetek ia perlu dikorek. Jadi apakah negara-negara pengguna berharap Malaysia akan membelanjakan wang yang banyak menjaga Selat Melaka dan mereka cuma menggunanya secara percuma sahaja ... ini sungguh tidak adil," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri khuatir jika kemalangan di Selat Melaka melibatkan kapal minyak, sudah tentu akan berlaku tumpahan minyak yang akan merosakkan perairan negara dan menjejaskan sumber rezeki para nelayan.

Jika ini berlaku, katanya, negara-negara pengguna hendaklah bertanggungjawab.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 29 AUG 1992

Promosi pelancongan penting: PM

KUCHING, Isnin — Industri pelancongan memerlukan pelaburan lebih besar kerana ia mempunyai potensi yang luas serta mampu berkembang pesat di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata pelaburan sahaja tidak mencukupi jika tidak ada promosi untuk memajukan industri itu.

"Misalnya, kerajaan memperuntukkan $100 juta untuk membiayai promosi pelancongan pada Tahun Melawat Malaysia 1990. Usaha ini ternyata membawa hasil apabila jumlah pelancong meningkat 57 peratus pada tahun itu.

"Industri ini masih boleh meningkat jika kita mempunyai kemudahan lebih baik," katanya ketika merasmikan upacara memecah tanah projek Sheraton Santubong Resort, kira-kira 35 kilometer dari sini hari ini.

Menurutnya, industri pelancongan di Malaysia bermula apabila kerajaan menubuhkan kementerian khusus untuk industri itu. Sebelum itu, ia diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

"Di bawah kementerian sebelumnya, industri pelancongan tidak mendapat perhatian serta peruntukan yang mencukupi bagi promosi. Bagaimanapun setelah kita tubuhkan kementerian khusus, industri ini mendapat peruntukan cukup dan mula diberi perhatian," katanya.

Mengenai pusat peranginan yang turut menyediakan sebuah padang golf tercantik di Malaysia, Dr Mahathir berkata ia akan menjadi satu lagi daya tarikan kepada pelancong ke Sarawak.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau menjelaskan masalah kekurangan penerbangan terus untuk membawa pelancong ke Kuching akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet minggu ini.

"Saya sendiri akan membangkitkan usaha Kerajaan Pusat bagi membantu memajukan industri pelancongan di Sarawak dalam mesyuarat itu nanti," katanya.

Pusat peranginan milik Home & Hotel Holdings Sdn Bhd itu akan dibina di kawasan seluas 14 hektar dan menyediakan 450 bilik termasuk 150 bilik khas untuk pemain golf.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 26 AUG 1992

PM SERU SUAMI ISTERI DUDUK SAMA IBU BAPA.

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru suami isteri yang bekerja supaya kembali tinggal bersama ibu bapa mereka sebagai satu jalan penyelesaian kepada soal penjagaan anak.

Beliau berpendapat, jika amalan tinggal bersama ibu bapa dikembalikan, masalah penjagaan anak akan dapat diselesaikan.

Lagipun, katanya, ibu mertua tidaklah seburuk seperti yang digambarkan dalam drama atau cerita televisyen.

Saranan

Kata Dr. Mahathir, beliau membuat saranan ini kerana dalam masyarakat Malaysia yang moden, tradisi lama di mana semua wanita menjadi ibu dan lelaki menjadi *bread winner* tidak dapat dikembalikan.

"Dilema kita ialah, kedua-dua pilihan mempunyai kesan yang tidak baik," kata Perdana Menteri kepada para pemberita selepas merasmikan Hari Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini.

Beliau berkata, satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menghidupkan semula sistem kembali kepada keluarga asal.

Hubungan

Penduduk bandar katanya, terputus hubungan dengan anggota keluarganya yang lain dan jika dahulu datuk atau nenek yang menjaga cucu hari ini di bandar-bandar mereka yang sudah berkahwin hidup berasingan.

Katanya, jika mereka mempunyai anak, masalah akan timbul tetapi sebaliknya jika amalan tinggal bersama ibu bapa dikembalikan masalah ini mungkin akan berkurangan.

Dr. Mahathir menambah, masalah yang dihadapi oleh suami isteri yang bekerja sekarang ialah semakin ramai anak yang ditinggalkan kepada penjaga atau pengasuh yang mungkin terdiri daripada orang asing.

LIHAT MUKA 2

Anak-anak ini, katanya, akan menyerap budaya asing dan mungkin juga bahasa ibunda mereka akan hilang atau lemah.

"Besar kemungkinan mereka akan menjadi keliru (*disoriented*) dan tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat Malaysia. Mereka sudah tentu tidak akan mengecapi kesayangan ibu, sesuatu yang amat penting bagi membentuk psikologi mereka.

"Anak yang tidak merasai kesayangan ibu bapa tidak akan dapat menghami tanggungjawab terhadap anak mereka kemudian," katanya.

Anak seperti ini, kata Dr. Mahathir, mungkin tidak berdisiplin dan mudah terlibat dengan kegiatan yang tidak diingini seperti penagihan dadah.

Bercakap kepada para pemberita kemudian, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan membuka peluang kenaikan pangkat yang lebih luas kepada kaum wanita.

Menurutnya, peluang-peluang tersebut sepatutnya sudah lama diamalkan, tetapi ada kes-kes di mana mereka yang sepatutnya dinaikkan pangkat telah dihalang. Keadaan ini berlaku dalam sektor awam dan kerajaan bercadang untuk menukar orientasi ini.

"Sebab itulah saya sarankan perkara ini dalam ucapan saya sebentar tadi."

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir menarik perhatian, kaum wanita yang layak dinaikkan pangkat tidak sepatutnya disekat hanya kerana mereka wanita. Peranan wanita dalam masyarakat, katanya, bukan harus dikurangkan, tetapi dipertingkatkan.

"Kaum lelaki perlu akui bahawa dalam bidang pelajaran dan perniagaan prestasi wanita kadang-kadang lebih tinggi daripada lelaki. Mereka haruslah mengiktiraf hakikat ini dengan memberikan tempat yang sewajarnya kepada wanita iaitu mereka yang layak dinaikkan pangkat tidak harus disekat," ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, bahawa wanita Malaysia tidak 'militan' tidak seharusnya dijadikan peluang bagi lelaki mengambil kesempatan daripadanya.

Katanya, apa yang penting di sini ialah kaum wanita bersama kaum lelaki mestilah memandang serius peranan masing-masing serta mengambil pendekatan yang bijak dalam perancangan negara untuk masa depan.

Beliau juga memuji sikap wanita Malaysia yang menerima kemajuan tanpa menggadaikan sifat-sifat semulajadi mereka sebagai ibu dan isteri yang baik.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

27 AUG 1992

POTONGAN DARI AKHBAR ...GAN MALAYSIA.....BERTARIKH .....

"Salurkan faedah kenaikan nilai $ kepada pengguna"

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu peniaga dan pengimport menyalurkan faedah kenaikan nilai ringgit kepada pengguna dengan menurunkan harga barangan.

Beliau menegaskan, peniaga dan pengimport tidak patut mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan besar daripada faedah kenaikan nilai ringgit.

Mereka, kata beliau, sepatutnya menurunkan harga apabila kos menurun sebagaimana harga dinaikkan apabila kos meningkat.

"Dengan cara ini inflasi akan dapat dikawal. Kecenderungan untuk mengaut untung dari penurunan kos dan bertindak menaikkan harga serta merta apabila kos meningkat hendaklah dicegah," katanya berucap di majlis makan malam institusi-institusi kewangan di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, kenaikan nilai ringgit menurunkan kos mengimport jentera dan peralatan kilang serta bahan mentah lain dan faedah penurunan harga itu haruslah disalurkan ke bawah.

Perdana Menteri menambah, kadar inflasi yang rendah akan mengurangkan tekanan kenaikan upah dan ini akan dengan sendirinya memberi faedah kepada pengimport bahan mentah dan pengeluar barangan siap.

Beliau berkata, pengusaha, peniaga dan pengimport Malaysia harus mencontohi rakan-rakan mereka di Jepun yang tidak menaikkan harga barangan mereka walaupun harga minyak mentah naik dan nilai yen meningkat.

Beliau menegaskan, pengawalan inflasi tidak seharusnya dibebankan pada kerajaan dan undang-undang semata-mata, sebaliknya orang ramai harus memainkan peranan utama.

Menyentuh tentang institusi kewangan pula, Dr. Mahathir berkata, bank-bank haruslah menyokong usahawan dan pencipta tempatan yang mempunyai wawasan dan minat untuk mencipta dengan mengenakan atau tidak meminta langsung cagaran.

"Tokoh-tokoh bank Malaysia sekarang juga perlu menceburi bidang-bidang baru yang melampaui aspek pembiayaan tradisional yang berasaskan cagaran dengan memasuki projek yang lebih mencabar dan pembiayaan secara perkongsian modal.

Perdana Menteri juga mahu bank-bank memberi lebih perhatian kepada langkah membersihkan operasinya daripada penyelewengan kerana teknologi canggih dengan penggunaan komputer dan urusan kewangan secara elektronik membuka ruang baru kepada aktiviti penyelewengan dan penipuan.

Menurutnya, pada tahun lalu institusi bank melaporkan 193 kes penyelewengan dianggarkan bernilai $600 juta berbanding 778 kes bernilai kurang daripada $30 juta pada tahun 1990.

Angka-angka itu tidak termasuk kes penipuan kad kredit yang pada tahun 1991 sahaja sebanyak 14,006 kes melibatkan wang bernilai $17 juta.

Dr. Mahathir berkata, sebahagian besar daripada penyelewengan yang dilaporkan itu dapat dikesan dan didapatkan semula wangnya dan kerugian sebenar yang ditanggung oleh bank-bank hanya $25 juta.

Katanya, kerajaan memandang serius jenayah kolar putih ini dan sedang mengkaji hukuman yang berat ke atas pesalahnya, bagaimanapun ini bukanlah jalan penyelesaian yang terbaik.

Beliau berkata, untuk mengatasi masalah ini langkah pencegahan harus bermula dari awal lagi iaitu semasa pengambilan pekerja dengan menekankan pada aspek disiplin, maruah, kewibawaan dan amanah di semua peringkat pekerja.

KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR ...UTUSAN MALAYSIA.....BERTARIKH ...29 AUG 1992.....

Negara perlu tumpu tingkatkan kemahiran teknologi — Dr. Mahathir

PULAU PINANG 28 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara hendaklah memberi tumpuan mempertingkatkan kemahiran teknologinya supaya ia dapat mengekalkan daya saing dalam pasaran terbuka dalam abad ke-21.

Katanya, Malaysia mesti memikirkan strategi dan pendekatan yang baru terhadap pendekatan lama iaitu pelaburan asing jika ia ingin terus mengekalkan kelebihannya untuk bersaing dengan lain-lain negara membangun.

Berucap merasmikan bangunan baru penyelidikan dan pembangunan (R&D) kilang Robert Bosch (Malaysia) Sdn. Bhd. di sini pagi ini, beliau berkata, pendekatan baru perlu kerana sedang wujudnya pesaing baru untuk modal dan pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju dengan sektor perkilangan sebagai jentera penggeraknya, negara harus sentiasa mengikuti perkembangan dan kecanggihan dunia yang pesat berubah.

Menurutnya, Malaysia telah berjaya menduduki tahap kemakmuran yang ada sekarang berasaskan pelbagai faktor yang mana gabungannya memberikan negara ini banyak kelebihan sehingga dapat menarik pelaburan asing dari seluruh dunia.

Beliau berkata, berikutan rombakan yang ketara dalam suasana geo politik dunia sejak robohnya Tembok Berlin dan berpecahnya Soviet Union serta negara-negara Pakatan Warsaw, kedudukan negara pada abad ke-21 mungkin tidak begitu selesa.

Katanya, saingan untuk modal dan pelaburan asing akan menjadi lebih sengit dengan wujudnya lokasi yang lebih daya saing dari segi kos pengeluaran seperti Vietnam, Cina, negara-negara Eropah Timur, Mexico dan negara-negara Amerika Latin lainnya.

Pada hemat beliau, jika negara mahu mencapai matlamat Wawasan 2020, ia harus menumpukan perhatian kepada aspek teknologi, sistem, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembangunan sumber tenaga manusia seperti negara-negara maju sebelum ini.

Dr. Mahathir berkata, sebagai sebuah negara pengimport teknologi, Malaysia memerlukan saluran yang berkesan bagi tujuan pemindahan teknologi.

"Jika proses pemindahan itu berkesan, kemungkinan kita dapat mengurangkan jurang teknologi yang kini wujud antara Malaysia dengan negara-negara maju adalah baik," tambah Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berharap agensi-agensi kerajaan seperti SIRIM dan MIMOS serta syarikat-syarikat tempatan melipatgandakan usaha masing-masing dalam bidang R&D agar usaha itu dapat memenuhi kehendak negara menjelang abad ke-21.

Perasmian bangunan baru R&D itu ialah sempena sambutan ulang tahun ke-20 kilang berkenaan di negeri ini.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

POTONGAN DARI AKHBAR .....BERTARIKH ..... - 2 SEP 1992

NAM PERLU BERSAMA PERTAHAN KEBEBASAN.

SEDUTAN ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) Ke-10, di Jakarta pada 1 September, 1992.

KEAMANAN dan kedamaian di ibu kota Jakarta ini mungkin menyorokkan keganasan dan konflik yang sedang berkecamuk di beberapa pelosok dunia hari ini. Di Bosnia-Herzegovina peperangan sengit yang menyaksikan pencabulan hak-hak asasi manusia dilakukan sewenang-wenangnya. Kemkem tahanan dan penyeksaan diwujudkan dalam proses Serbia ingin melaksanakan versi aparteidnya yang diberi cogan kata 'pembersihan nasab keturunan atau etnik'. Wanita diperkosa dan kanak-kanak ditembak curi.

Sebelum ini rakyat Bosnia digalakkan supaya menggunakan hak-hak asasi mereka namun malangnya apabila mereka berbuat demikian mereka menjadi sasaran serangan dan pencabulan yang tidak berperikemanusiaan. Lebih malang lagi nasib mereka ini tidak mendapat perhatian. Kecaman dari negara-negara asing tidak sedikitpun meredakan keganasan Serbia. Pembunuhan berjalan terus.

Masyarakat Eropah yang selama ini menganggap wilayah Balkan sebagai tanggungjawab mereka sehingga tergamak menjerumuskan Eropah ke dalam Perang Dunia hanya dengan alasan seorang pembesar dibunuh di Sarajevo, kini nampaknya sudah hilang selera untuk terbabit dalam sengketa ini. Rakyat Bosnia bukan sahaja memerlukan bantuan makanan dan perubatan, mereka perlu diselamatkan daripada dasar perluasan wilayah Serbia melalui keganasan. Sikap yang ditunjukkan Barat terhadap pembunuhan yang berlaku saban hari di Bosnia adalah berbeza dengan gelagat yang mereka tunjukkan terhadap isu pembunuhan Kurdis di Iraq. Kapal dan pesawat perang, tentera serta sumber kewangan dicurah dan dikerahkan ke Iraq walau dalih kekejaman terhadap Kurdis itu masih samar-samar.

Adakah ini orde baru dunia? Jika demikian ia adalah satu paras yang menggerunkan kerana kehodohan sifatnya. Ini kerana pelanggaran hak-hak asasi yang kecil sering diperbesar dan digembar-gemburkan, namun pencabulan begini nampaknya dibiarkan begitu sahaja.

Susila orde baru dunia apakah ini? Bagaimanakah nasib negara-negara kecil dan lemah yang menganggotai pergerakan kita ini? Jika negara kita juga dicabuli seperti apa yang dilakukan oleh Serbia, apakah dunia akan hanya menonton di kaca televisyen sahaja?

Berakhirnya Perang Dingin dan konflik Timur-Barat kini melontarkan persoalan sama ada sikap berkecuali masih ada lagi tempat dalam percaturan politik dunia. Bagaimanakah kita boleh bersikap berkecuali jika kedua-dua pihak yang bertelagah sudah tidak wujud lagi? Sebelum ini kita berpeluang untuk memihak tetapi kini kesempatan itu sudah tidak wujud lagi. Pilihan kita ialah untuk tunduk atau menentang. Kedua-dua pilihan ini akan menggelincirkan paksi politik kita dan negara-negara lemah yang tidak mempunyai paksi politik yang kukuh menjadi bertambah lemah. Maka hanya yang kuat sahaja yang akan menguasai dunia.

Bagi anggota Pergerakan Berkecuali, saat penentuan sudah tiba. Kecuali pergerakan ini ditafsir semula kewujudannya, ia tidak akan membawa sebarang erti lagi.

Namun perkembangan mutakhir ini membuktikan kepada kita bahawa sebuah dunia yang mempunyai satu polar kuasa adalah satu unsur yang boleh mengancam keamanan dunia sekejam dunia yang mempunyai pelbagai polar kuasa. Selain tragedi yang menimpa Bosnia, kita juga sedang menyaksikan undang-undang dan etika antarabangsa dipijak oleh kuasa-kuasa besar. Kita melihat tentera dikerahkan untuk menyerang sebuah negara yang lemah untuk menawan ketua negara berkenaan bagi dibicarakan mengikut undang-undang negara yang menceroboh itu. Kita juga menyaksikan seorang manusia diculik di negara sendiri oleh pihak berkuasa sebuah negara asing yang mendapat restu mahkamah negara penceroboh itu. Kita menyaksikan juga pelaksanaan undang-undang kuasa di luar wilayah oleh kuasa besar besar ke atas negara yang lemah. Kita juga melihat keputusan-keputusan mahkamah antarabangsa diabaikan begitu sahaja. Kita juga menyaksikan percubaan beberapa negara demokrasi mengebom dengan tujuan membunuh ketua negara sebuah negara lain. Kita juga mendengar ugutan untuk menahan seorang ketua negara yang sah kerana kononnya dia dikatakan melanggar undang-undang negara lain di negaranya sendiri.

Di bidang ekonomi kebebasan sesebuah negara tidak boleh dicampuri oleh kuasa asing, kini sudah menjadi satu macam kelaziman pihak tertentu untuk merempuh masuk dengan alasan meneliti sesuatu dasar sesebuah negara. Nampaknya hanya yang berkuasa sahaja mampu menggunakan hak ini, sedangkan negara-negara lemah tidak mungkin boleh memeriksa rekod dan amalan negara kuasa besar. Juara- juara tindakan pelbagai negara ini mengkategorikan soal seperti sistem kerajaan, amalan hak asasi manusia, perhubungan buruh dan alam sekitar sebagai bidang di mana mereka berhak mencampuri urusan sebuah negara lain.

Di peringkat antarabangsa dunia seharusnya menghampiri amalan dan hubungan menurut undang-undang tetapi apa yang berlaku ialah tren baru penghakiman antarabangsa oleh pihak yang berkuasa sahaja.

Kebebasan bersuara ialah satu daripada nilai yang diperjuangkan oleh jaguh-jaguh demokrasi Barat. Akan buruklah akibatnya ke atas negara-negara yang tidak mengambil berat hakikat ini. Namun sedihnya, kritikan terhadap sikap dan dasar Barat nampaknya tidak boleh diterima oleh Barat. Pelbagai ugutan dibayangkan terhadap negara yang berani bersuara mengkritik Barat. Sebagai tolak ansurnya kritik-kritik begini terpaksa dilonggarkan. Nampaknya pejuang pejuang hak kebebasan bersuara seolah-olah percaya bahawa keistimewaan itu hanya wajar digunakan bagi mengkritik kerajaan negara-negara dunia ketiga sahaja. Persuratkhabaran dunia hanya dikuasai kuasa besar dan menjadi alat untuk meremehkan nilai kebebasan bersuara yang mereka canangkan.

NAM atau sekurang-kurangnya kumpulan negara-negara dalam pergerakan ini perlu melindungi dirinya daripada tafsiran dan pemaksaan idea pelbagai hala ini berikutan berikutan berkahirnya Perang Dingin. Adalah jelas daripada pelanggaranserta pencabulan soal hak asasi manusia dan perhubungan antarabangsa oleh puak yang kaya dan kuat ini, kita perlu mengumkan apa juga daya dan kekuatan terhad yang kita miliki demi menghindar berulangnya apa yang dinamakan sebagai penjajahan Barat. Sesungguhnya ini bukanlah satu percubaan untuk menentang sesiapa. Kumpulan kita ini bukan berada dalam keadaan di mana kita boleh menentang sesiapa. Namun kita perlu melindungi diri kita. Perlindungan memerlukan kekuatan.

NAM mungkin perlu di-

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH -2 SEP 1992

Seri nama baru demi membayangkan fungsi baru yang perlu dimainkan dalam sebuah dunia yang mempunyai satu polar kuasa. NAM harus memiliki satu gugus prinsip-prinsip baru. NAM mesti diberikan objektif baru pula.

Bukan sahaja NAM perlu berubah tetapi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pun perlu berubah. Pemenang-pemenang dalam Perang Dunia Kedua tidak boleh terus dibiarkan untuk menentukan nasib negara-negara lain. Kuasa-kuasa baru muncul dalam senario dunia dan perlu diiktiraf kewujudannya.

Keahlian Majlis Keselamatan PBB mungkin tepat berikutan tamatnya pusat Perang Dunia Kedua. Namun ia tidak lagi boleh dianggap wajar sekarang. Ini kerana ia melambangkan pengabaian hak dan nilai demokrasi di dalam hal-ehwal antarabangsa. Ia kini jelas menafikan hak majoriti. Kita bukan memerlukan lebih banyak ahli tetap Majlis Keselamatan yang mempunyai kuasaveto. Kita memerlukan perwakilan keahlian yang adil, jika tidak menurut nisbah kependudukan ia harus berpandukan pelbagai faktor yang sah.

Sebarang percubaan untuk membina sebuah orde dunia baru dunia mestilah mempunyai matlamat untuk membetulkan ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam sistem ekonomi antarabangsa yang mengkibatkan semakin meluasnya jurang di antara negara kaya dan miskin dan negara blok Utara dan Selatan. Dasar perlindungan dan subsidi oleh negara-negara maju mengakibatkan negara-negara membangun kerugian AS$500 bilion setahun, sepuluh kali ganda jumlah bantuan asing yang diberikan kepada mereka. Meskipun demikian kini masih ada lagi minat yang besar ditunjukkan terhadap Indeks Kebebasan Manusia daripada soal kebuluran dan kemiskinan yang melanda Selatan. Demokrasi dan sistem pelbagai parti mungkin adalah sistem politik terbaik tetapi ia tidak mungkin berkesan jika tidak dilaksanakan menurut semangatnya yang tulen. Maka ia tidak mungkin dapat mengurangkan ketidakadilan dan justeru itu menghapus penderitaan manusia.

Satu orde baru dunia mestilah 'realisitk' dan tidak gayat oleh kemenangan demokrasi Barat ke atas sistem diktator komunis; kemenangan sistem pasaran terbuka ke atas sistem ekonomi pusat; kebebasan mutlak ke atas kuasa pusat mutlak. Tidak ada sistem sempurna yang boleh mengatasi karenah manusia yang tidak pernah sempurna. Sesuatu sistem yang berjaya dilaksanakan di sesebuah negara atau wilayah mungkin tidak sesuai diamalkan di sebuah negara lain. Paksaan tidak seharusnya digunakan untuk menyebarluaskan kepercayaan terhadap sesuatu sistem. Penerimaan sesuatu sistem cuma akan sempurna jika majoriti rakyat sesebuah negara itu faham dan akur akan ciri-ciri sebuah ajaran itu.

Orde baru dunia tidak boleh ditentukan oleh segelintir negara untuk dipaksakan ke atas majoriti negara lain. Kumpulan kecil ini seharusnya insaf bahawa penerimaan bulat-bulat lantaran paksaan ini adalah satu amalan yang salah. Penentangan dan pengabaian kewujudan dan hak yang berkuasa akan berlaku jika kuasa besar hanya berusaha untuk sentiasa mengurangkan kerugian di pihak mereka sahaja.

Malaysia sentiasa menyokong perjuangan rakyat Palestin. Kami melihat perkembangan mutakhir ini secara positif dan berharap rundingan perdamaian akan berhasil dengan kedua-dua pihak menunjukkan keikhlasan tulen. Tiada pihak yang boleh mendapati apa yang diingini sepenuhnya. Namun hak rakyat Palestin mesti dihormati.

Di Afrika Selatan, kerajaannya mestilah mengawal pasukan polisnya dan menghentikan pembunuhan orang awam. Meskipun rundingan mesti diteruskan hakikatnya ialah kerajaan negara itu mestilah melakukannya dengan penuh keikhlasan.

Pertemuan kita kali ini membuka peluang kita menggariskan haluan baru untuk pergerakan kita ini menangani iklim antarabangsa yang semakin berubah. Dalam hubungan ini Malaysia menyokong unsur-unsur baru dalam langkah-langkah yang akan diambil oleh NAM seperti yang digariskan oleh persidangan peringkat menterinya di Accra. NAM perlu melakarkan satu tatasusila dan mekanisme membina keyakinan serta memecah masalah yang dihadapi bersama demi mengurangkan konflik di kalangan anggotanya.

Malaysia percaya dalam merancang haluan baru NAM, perkiraan serius mestilah diberikan kepada kerjasama yang bermakna di bidang-bidang yang bukan politik.

Satu jenis kerjasama penting ialah ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara membangun. Malaysia menyokong penuh dan komited terhadap Pelan Kerjasama Ekonomi NAM dan mahu seruan supaya ditingkatkan kerjasama Selatan-Selatan dilaksanakan segiat mungkin. Kumpulan 15 di kalangan negara Selatan telahpun meletakkan gagasan yang bermanfaat bagi negara-negara anggota NAM. Negara atau berkumpulan, kita perlu memperkemaskan gerakan dalam negara kita masing-masing. Rakyat kita mestilah menikmati hasil kemajuan dan kestabilan negara kita sendiri walaupun iklim ekonomi antarabangsa tidak menentu. Kita tidak boleh terus menyalahkan faktor luar kerana kegagalan kita.

Kita tidak boleh menerima pandangan bahawa pergerakan kini sudah usang. Pergerakan ini masih wajar wujud tetapi dalam bentuk dan ciri yang berbeza daripada musim Perang Dingin. Dunia dengan pola kuasa tunggal sarat dengan pelbagai cabaran. Untuk menangani cabaran ini kita perlu saling membantu.

Tanpa pilihan untuk memihak, kita kini boleh menjangka usaha untuk memujuk semakin berkurangan dan gertakan semakin bertambah. Jika kita bergerak berasingan, kita akan terpaksa menyerah satu demi satu. Secara bersama kita boleh mengekalkan kemerdekaan dan maruah diri. Kita mesti membuat keputusan sendiri atau orang lain akan membuat keputusan bagi pihak kita. Apabila ini berlaku kita tidak boleh mengharapkan keputusan itu akan menguntungkan kita.

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH - 7 SEP 1992

DR M: MALAYSIA SEDIA LINDUNGI ISLAM BOSNIA.

SUBANG 6 Sept. — Malaysia bersedia memberi perlindungan sementara kepada orang-orang Islam Bosnia untuk tinggal di negara ini sehingga keadaan di negara itu kembali aman.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika menawarkan perlindungan itu hari ini berkata, sehubungan itu rakyat negara ini yang bersimpati juga harus bersedia memberi bantuan makanan dan tempat tinggal kepada rakyat Bosnia.

"Kita boleh memberi perlindungan sementara ini kerana sekarang inipun kita terima kemasukan sejuta orang asing yang tidak menghadapi apa-apa masalah di negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita hari ini sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang selepas menghadiri Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Jakarta. **(Gambar Perdana Menteri tiba di Muka 2).**

Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia menerima kemasukan bukan sahaja kanak-kanak Bosnia, tetapi juga orang dewasa.

Mengenai tindakan pihak tertentu yang melancarkan usaha untuk menghantar sukarelawan ke Bosnia-Herzegovina bagi menentang puak Serb, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak menghalang usaha itu.

"Tetapi saya fikir ini satu tindakan yang lebih bercorak semangat daripada kebolehan kerana kalau hendak berperang dengan orang Serbia, kita mestilah terlatih dalam taktik peperangan terlebih dahulu," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tidak mahu dipersalahkan jika terjadi apa-apa ke atas sukarelawan tersebut.

"Jika hendak hadapi peperangan lebih baik masuk tentera, jadi orang terlatih baru boleh pergi, jangan pergi tangan kosong, semangat memang bagus, tapi kalau semangat tanpa kemampuan dan jadi mangsa sahaja buat apa," tegasnya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri mengulangi kesediaan Malaysia menghantar tentera ke Bosnia jika Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) berkehendak supaya anggotanya berbuat demikian.

"Kita akan sertai pasukan itu dan bukannya 'cakap kosong' sahaja," jelasnya.

Berhubung perhimpunan dan ceramah Pas mengenai Bosnia di Dataran Merdeka, pagi ini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada perhimpunan itu benar-benar untuk orang Islam Bosnia atau kepentingan politik parti tersebut semata-mata.

"Ini yang susah apabila perhimpunan seperti itu dianjurkan oleh parti politik seperti Pas dan Semangat 46 kerana mereka mempunyai kepentingan politik dan cuba mencari pengaruh terhadap kematian orang Islam Bosnia," tegasnya lagi.

Kerajaan, tegasnya, lebih mengutamakan bantuan kepada rakyat Bosnia dan merasa kagum dengan derma yang dihulurkan oleh rakyat negara ini.

Ditanya mengenai perletakan jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar, Dr. Mahathir berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet.

"Saya baru balik, tidak terima apa-apa lagi, selepas terima surat itu barulah saya akan kaji dan tengok sebelum buat keputusan," katanya.

Mengenai Sidang NAM di Jakarta, Perdana Menteri mendapati minat di kalangan negara-negara lain untuk menyertai NAM telah bertambah walaupun pada mulanya ramai yang hilang kepercayaan terhadap NAM kerana ketiadaan perbalahan antara Barat dan Timur dan peranan berkecuali.

"Kita dapati minat menyertai NAM meningkat dari 103 ahli kepada 108 kali ini sehingga upacara menanam pokok di Taman Mini pun kurang dua pokok, kerana Indonesia menyediakan 106 pokok," katanya.

NAM katanya lagi, memberi peluang kepada negara-negara Selatan untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai aliran politik dunia dan juga masalah-masalah di Bosnia dan Somalia.

Beliau memberitahu, selain daripada Mesej Jakarta, Biro Politik NAM akan mengeluarkan kenyataan berkenaan beberapa perkara politik termasuklah masalah perbuatan puak Serbia ke atas orang Islam Bosnia.

Selaku Presiden UMNO, Dr. Mahathir juga akan memberi penjelasan tentang pengalamannya di Sidang NAM di Jakarta dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO esok.

LIHAT MUKA 2

PERPUSTAKAAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH - 7 SEP 1992

Mahathir puas hati pendirian, ketetapan sidang

JAKARTA, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berpuas hati dengan ketetapan dan pendirian tegas oleh NAM.

"Ia akhirnya dipersetujui selepas perbincangan dengan Pengerusi NAM, Presiden Suharto sambil kita mengemukakan pendirian beberapa negara lain yang juga mahukan kekejaman itu dikutuk oleh pergerakan ini," katanya.

Kenyataan muktamad di akhir mesyuarat diubahsuai agar lebih secocok dengan pendirian Malaysia dan negara Islam lain, kata Dr Mahathir.

"Kita mahukan NAM mengutuk dan mengecam keganasan kerana kita perlu tegas. Jika Kesatuan Eropah (EC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) boleh tegas, mengapa tidak NAM?"

"Adalah ganjil sekiranya NAM bersikap lembut dalam soal ini kerana kita perlu tentukan yang bersalah disebut dengan jelas. Yang melakukan perbuatan tidak berperikemanusiaan - Serbia - hendaklah dinyatakan dengan jelas," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pihak yang bersalah tidak boleh berkata secara umum bahawa perkara ini memang berlaku, tetapi tidak mahu mengenal pasti pihak yang melakukannya.

Biro Peringkat Persidangan Menteri Luar NAM mengadakan mesyuarat terakhir tengah hari ini bagi menyesuaikan dokumen muktamad itu bagi membuat pendirian NAM terhadap kekejaman kaum Serbia.

Biro itu yang turut dianggotai oleh Malaysia sebagai antara Naib Pengerusi bagi Wilayah Asia turut membabitkan wakil Afrika (8 negara), Asia (8 negara termasuk Malaysia), Amerika Latin dan Caribbean (4 negara) dan dua negara iaitu Cyprus dan Malta bagi kawasan Eropah.

Dr Mahathir berkata, beberapa negara enggan menyatakan pendirian tegas mengenai isu itu kerana bimbang mempengaruhi hal-ehwal dalaman mereka sendiri.

"Mereka bimbang menyatakan demikian kerana mereka juga takut krisis di negara mereka akan menyebabkan perpecahan negara, terutama kumpulan yang mempunyai etnik berbeza-beza," katanya.